

"JIKA dahulu cabaran besar bagi ASEAN ialah untuk mengatasi keadaan ekonomi yang lembap yang dicituskan oleh krisis matawang, tetapi sekarang cabaran yang dihadapi adalah lebih besar lagi iaitu krisis keyakinan di kalangan para pelabur asing dan pelancong terhadap rantau ini, semata-mata kerana perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2003.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"ALLAH tidak akan menerima suatu amal, melainkan amal yang bersih (ikhlas) semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala dan yang diharapkan daripadanya hanyalah keredaan-Nya." - Maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertanya sesuatu mengenai 'locker' yang merupakan salah satu kemudahan yang disediakan kepada para pelajar semasa baginda berangkat melawat Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. - (Lagi berita dan gambar-gambar muka 8 dan 9).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Pemerintah ABDB yang akan menamatkan perkhidmatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar dan Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi.

Keberangkatan lawatan ke MSPSBS dan RBA

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan siri lawatan menjejut ke Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Baginda begitu prihatin terhadap perkembangan dan kemajuan agensi-agensi dan institusi-institusi awam mahupun swasta demi kemajuan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam setiap lawatan, baginda ingin mengetahui dan melihat secara lebih dekat di samping memberikan nasihat dan cadangan sambil beramah mesra bersama pegawai-pegawai dan kakitangan agensi-agensi berkenaan.

Mula-mula baginda berkenan melawat ke MSPSBS salah sebuah institusi pendidikan yang cukup dikenali dan berprestij di negara ini terletak di Kampong Rimba, Mukim Gadong.

Baginda sangat me-

Laporan Sahari Akim

ngambil perhatian berat terhadap bidang pendidikan di negara ini dengan menjadikannya sebagai salah satu agenda penting ke arah memajukan negara terutama dalam menghadapi persaingan dan cabaran globalisasi.

Keberangkatan tiba baginda di MSPSBS dijunjung oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi; Pemangku Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Rosnani binti Pengiran Haji Tajuddin dan para pegawai serta tenaga pengajar sebelum dijunjung berangkat ke sekitar maktab itu.

Kesempatan berangkat melawat ke bilik-bilik darjah, bilik komputer, bilik perpustakaan, kantin sekolah dan bilik pentadbiran baginda memanfaatkan dengan menerima sembah taklimat serta beramah mesra bersama para pelajar dan tenaga-tenaga pengajar.

MSPSBS yang ditubuhkan pada tahun 1978 kini menempatkan lebih 900 pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan

enam atas dengan tenaga pengajar dan kakitangan hampir 100 orang.

Maktab itu mempunyai misi ke arah meningkatkan kemajuan pendidikan dan kesejahteraan pelajar dan tenaga pengajar melalui sikap pemedulian, percaya-mempercayai selain mewujudkan persekitaran yang bermotivasi dan dedikasi.

Lihat muka 16

HUBUNGAN BRUNEI - THAILAND RAPAT

BANGKOK, 31 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda, Negara Brunei Darussalam dan Thailand mempunyai hubungan sangat penting dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Hubungan sangat kukuh juga dinikmati menerusi bidang-bidang pertahanan, pendidikan, penerangan dan penyiaran.

DYTM bersabda demikian di pembukaan Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand

di The Oriental Hotel, Bangkok, hari ini.

Menurut DYTM, hubungan Brunei dan Thailand telah terjalin sekian lama dan memandang kepentingannya, hubungan itu termaktub sebagai sebahagian daripada sejarah penting kedua buah negara.

"Hubungan itu kini dijalin atas dasar rasmi di mana kedua belah pihak bekerjasama sebagai kerajaan dan negara serta jiran yang dekat di rantau ini. Dasar ini telah menghasilkan kerjasama yang meluas dan sangat berhasrat," sabda DYTM.

Mesyuarat berlangsung di sini tepat pada masanya apabila kedua buah negara giat me-

Mohd. Jaafar dan Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi.

Pemerintah ABDB yang akan menamatkan perkhidmatan memulakan kerjaya sebagai anggota tentera pada bulan Jun 1969 dan selepas menamatkan latihan di Australia sebagai Pegawai Kadet, YDM dinaikkan ke pangkat Leftenan pada bulan Disember 1970 dan seterusnya

ngukukan hubungan dalam semua bidang kerjasama.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, TYT Dr. Surakiart Sathirathai pula dalam ucapan alu-aluan menjelaskan mesyuarat itu bukan saja sebagai mercu tanda hubungan dua hala tetapi juga menyedikan peluang untuk meneliti kembali pencapaian lalu dan mencartakan haluan bagi kerjasama masa depan Brunei-Thailand.

TYT menjelaskan kedua buah negara juga mempunyai potensi besar untuk melebarkan lagi kerjasama bagi keuntungan bersama dalam pelbagai bidang.

Sehubungan dengan itu,

memegang beberapa jawatan penting dalam pasukan itu.

Sementara Pemerintah ABDB yang baru berusia 47 tahun, memulakan kerjaya sebagai rekrut Askar Melayu Diraja Brunei pada bulan Ogos 1975. Sebaik menamatkan kursus di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, YDM memegang beberapa jawatan penting termasuk Pegawai Memerintah Batalion Kedua Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

mesyuarat yang diadakan adalah sebagai cara yang terbaik untuk mengeremahkan semangat kerjasama bagi mendapat keputusan yang konkrit.

TYT juga menjelaskan kedua belah pihak juga mengenal pasti tujuh bidang kerjasama yang meliputi keselamatan kepada perdagangan dan pelaburan sehingga kepada kerjasama dalam bidang perburuan.

Hubungan antara rakyat kedua buah negara, pelancongan, pendidikan dan hal-ehwal kebudayaan juga mendapat perhatian.

"Salah satu cara untuk mencapai pengembangan perdagangan ialah dengan memberi galakan sektor swasta kedua negara untuk menubuhkan hubungan langsung dan hubungan perniagaan melalui penubuhan Majlis Perniagaan Thai-Brunei dan Majlis Perniagaan Brunei-Thai," jelas TYT.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirathai bersalaman selepas menandatangani Persetujuan Minat Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Negara Brunei Darussalam dan Thailand. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Manusia memainkan peranan menyumbang kepada perubahan iklim

- Muka 2

Melirik Masa Silam

Perladangan Tradisi Kekuatan Masa Silam

- Muka 6

Warga ASEAN perlu menjaga warisan budaya

- Muka 7

Berangkat melawat MSPSBS, RBA

- Muka 8 dan 9

Ikhlas merupakan roh atau jiwa suatu amal ibadat

- Muka 3 ANEKA

Waktu-waktu yang ditegah melakukan sembahyang

- Muka 4 ANEKA

DOTS strategi rawatan penyakit tibi berkesan

- Muka 5 ANEKA

Cerpen : Berat Badan

- Muka 12 dan 13 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita 1.htm e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507

TAHUKAH AWDA

MENGIKUT taksonomi antarabangsa, ACM Computing Classification System (1998), bidang Teknologi Maklumat dibahagikan kepada 10 bidang yang utama, iaitu Perkakasan, Organisasi Sistem Maklumat, Perisian, Data, Teori Komputeran, Matematik Komputeran, Sistem Maklumat, Metodologi Komputeran, Aplikasi Komputer dan Teknologi Maklumat Dalam Masyarakat. - Sumber : Rampak Serantau, Bilangan 10, 2003 (2003 : 153).



HALUAN...

Manusia memainkan peranan menyumbang kepada perubahan iklim

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita hadir beramai-ramai di majlis yang berkebakikan ini.

Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut Baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa majlis ini kerana menjemput saya selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2003 ini.

Tema Hari Kaji cuaca Sedunia yang dipilih oleh Pertubuhan Kaji cuaca Sedunia (WMO) bagi tahun ini 'Our Future Climate' ataupun 'Iklim Kita Di Masa Hadapan', khusus menekankan pentingnya iklim bagi mempertahankan kehidupan kita di atas bumi ini. Sememangnya iklim mempunyai implikasi yang tinggi terhadap kesejahteraan, bekalan makanan, keselamatan nyawa dan harta, sumber-sumber air dan sebagainya.

Antara kesan-kesan dari perubahan iklim ialah peningkatan kekerapan kejadian cuaca ekstrem seperti banjir, siklon tropika dan kemarau di beberapa kawasan di seluruh dunia. Bukti-bukti telah menunjukkan bahawa manusia memainkan peranan dan menyumbang kepada perubahan iklim yang memberikan kesan buruk ini. Oleh yang demikian, kita, sama ada selaku individu ataupun pertubuhan ataupun sebagai sebuah negara, haruslah secara aktif memainkan peranan kita bagi menjaga iklim kita, masa ini dan juga masa depan, dengan memastikan agar apa jua tindakan dan keputusan kita, tidak akan menyumbang secara negatif kepada iklim dan alam sekitar, seperti pencemaran udara dan kerosakan alam semula jadi di keliling kita.

Saya yakin, jika sekiranya, setiap orang memainkan peranannya, kita akan dapat memastikan yang generasi kita di masa depan akan lebih terjamin dan akan menikmati iklim yang lebih baik lagi.

Kita amat bersyukur bahawa perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat pada masa ini telah memudahkan kita dalam melaksanakan tanggungjawab kita dengan lebih berkesan.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Pengerusi majlis sebentar tadi, kita akan melan- carkan satu produk hasil usaha tempatan iaitu Brunei Meteorological Service 'Weather Information Terminal Service (WITS)' salah satu aktiviti di bawah projek utama

'Metrollogical Information Delivery Service (MIDS)'.

Walaupun ianya merupakan projek perintis (pilot project) namun saya berasa berbangga kerana dengan usaha yang demikian, Perkhidmatan Kaji cuaca Jabatan Penerbangan Awam dapat memberikan perkhidmatan-perkhidmatan maklumat cuaca dengan lebih efisien dan lengkap.

Usaha sedemikian ini merupakan sebagai usaha Jabatan Penerbangan Awam untuk turut secara aktif menyumbang kepada peningkatan kesedaran kita terhadap iklim kita, melalui projek-projek e-Mincom Kementerian Perhubungan dan e-Government. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kejayaan usaha ini, merupakan satu mercu tanda yang penting dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada memamfaatkan kemajuan teknologi infokomunikasi dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti Perkhidmatan Awam.

PADA hemat saya, sememangnya Perkhidmatan Kaji cuaca tidak hanya ditumpukan kepada kaji cuaca penerbangan (aeronautical meteorology) semata-mata, bahkan tumpuan harus juga diberikan kepada perkhidmatan kaji cuaca lain, seperti perkhidmatan kaji cuaca umum (public weather services), kaji cuaca laut (marine meteorology), kaji cuaca pertanian (agro-meteorology) dan lain-lain cabang kaji cuaca. Saya menaruh keyakinan Perkhidmatan Kaji cuaca Jabatan Penerbangan Awam akan dapat mem- pelbagaikan lagi perkhidmatannya di masa hadapan.

Saya dimaklumkan bahawa projek-projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) berkaitan dengan Perkhidmatan Kaji cuaca pada ketika ini sedang giat diusahakan. Projek-projek tersebut ialah Airport Weather Observation System (AWOS), System For Lightning Data Acquisition, Monitoring and Tracking (SLAMaT). Projek-projek tersebut, kini dalam peringkat tawaran dan insya-Allah apabila siap nanti akan dapat menyepadukan lagi produk-produk kaji cuacanya,

dapat mengembanguaskan penyaluran maklumat kepada lebih ramai lagi pengguna selain kepada pengguna tetap yang ada masa kini, seperti komuniti penerbangan awam dan tentera, pelaut, kontraktor dan lain-lain.

Pada hemat saya, sememangnya Perkhidmatan Kaji cuaca tidak hanya ditumpukan kepada kaji cuaca penerbangan (aeronautical meteorology) semata-mata, bahkan tumpuan harus juga diberikan kepada perkhidmatan kaji cuaca lain, seperti perkhid-



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia 2003 pada 21 Muharram 1424/24 Mac 2003.

matan kaji cuaca umum (public weather services), kaji cuaca laut (marine meteorology), kaji cuaca pertanian (agro-meteorology) dan lain-lain cabang kaji cuaca. Saya menaruh keyakinan Perkhidmatan Kaji cuaca Jabatan Penerbangan Awam akan dapat mem- pelbagaikan lagi perkhidmatannya di masa hadapan.

Kesemua usaha-usaha ini bertujuan, tidak lain tidak bukan, adalah untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran dan pengurusan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan dengan lebih efisien dan mantap kepada pihak pengguna dan orang ramai.

Saya juga sangat menghargai dan menyen- jungi usaha sama yang di- ungkayahkan oleh Perkhidmatan Kaji cuaca ber- sama dengan Persatuan Pendidikan Sains Brunei (Brunei Association of Science Education - BASE), dalam mengan- jurkan satu Bengkel Latihan khusus bagi guru- guru penyelia program 'Young Meteorologist Badge Award Scheme' yang diselenggarakan berse- mpena Sambutan Hari Kaji cuaca Sedunia hari ini. Kursus ini akan men- dedahkan kesedaran dan pengetahuan mengenai dengan kaji cuaca kepada generasi muda, seawal-

awalnya agar di suatu hari kelak mereka ini akan dapat memberikan sum- bangan yang bermakna dalam perkara ini.

Mudah-mudahan pe- lancaran aplikasi perisian 'Brunei Met-Service Weather Information Terminal Service' (WITS) serta Bengkel Latihan bagi gu- ru-guru penyelia 'Young Meteorologist Badge Award Scheme' program usaha sama dengan BASE ini, akan menjadi titik tolak ke arah memajukan lagi usaha kita pada men- capai Perkhidmatan Awam yang berkualiti dan cemer- lang.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, sama-samalah kita berdoa semoga segala usaha yang kita kendalikan ini akan mendapat hasil yang diharap-harapkan serta rahmat dan keber- katan dari Allah Subha- nahu Wataala jua.

Dengan mendahulukan kalimat 'Bismillahir Rah- manir Rahim' dan ber- tawakal kepada Allah serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallal- luhu Alaihi Wasallam, saya dengan amat sukacita melancarkan Hari Kaji- cuaca Sedunia Tahun 2003 dengan bertemakan 'Our Future Climate'.

Sekian, Wabillahi Tau- fik Walhidayah Wassala- mualaikum Warahmatul- lah Wabarakatuh.



2 APRIL 2003 BERSAMAAN 1424 رابو 30 محرم

SURUHANJAYA BERSAMA BRUNEI - THAILAND TINGKATKAN PELBAGAI KERJASAMA

SEJAK penubuhan Suruhanjaya Bersama bagi kerjasama dua hala Negara Brunei Darussalam - Thailand pada September 1999, hubungan kedua-dua negara berjalan itu semakin erat dan rapat. Kerjasama antara Bandar Seri Begawan dan Bangkok terus mantap di mana pelbagai rangkaian ker-jasama telah dapat dijalin dan diwujudkan selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Bersama untuk meningkatkan kerjasama terutama sekali di bidang ekonomi, perda- gangan, sosial dan kebudayaan.

Penubuhan suruhanjaya berkenaan adalah hasil keberangkatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Thailand pada tahun 1998.

Bagi memperkembangkan kerjasama itu, Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama bagi kerjasama dua hala Negara Brunei Darussalam - Thailand telah diadakan di Bangkok pada 31 Mac lalu. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam. Sementara Thailand diketuai oleh Menteri Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiat Sathirathai. Mesyuarat bersejarah juga diadakan sempena ulang tahun ke-19 penubuhan hubungan diplomatik Bandar Seri Begawan - Bangkok.

Dalam Kenyataan Bersama di kota Bang- kok itu, Negara Brunei Darussalam - Thailand menghargai dan melahirkan rasa puas hati wujudnya hubungan rapat dan mesra yang dijalin antara kedua-dua negara. Bandar Seri Begawan - Bangkok juga memutuskan untuk meningkatkan lebih jauh kerjasama dua hala yang sedia ada. Kedua-dua pihak juga berse- tuju meneroka bidang-bidang baru yang memberikan keuntungan dan manfaat yang amat berharga. Ke arah itu, kedua-dua belah pihak mengiktiraf Suruhanjaya Bersama sebagai mekanisme untuk menyelia semua aspek kerjasama dua hala dan bagi mengkor- dinasikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.


Dalam mesyuarat pertama itu juga, Negara Brunei Darussalam - Thailand berse- tuju dan mencapai kata sepakat bagi mengem- bangkan tujuh bidang kerjasama yang menyediakan faedah besar dan 'viable' bagi kedua-dua belah pihak. Kerjasama itu meliputi bidang pertahanan, promosi perda- gangan, pelaburan, buruh, kerjasama teknikal, pelancongan, hal-ehwal pelancon- gan dan penerangan.

Perdagangan dua hala antara Negara Brunei Darussalam - Thailand telah mening- kat dari B\$429.60 juta pada tahun 1996 kepa- da B\$1,194 bilion pada tahun 2000. Brunei Darussalam telah mengeksport kira-kira B\$1,115 bilion ke Thailand pada tahun 2000, di mana B\$1,114 bilion daripadanya meru- pakan eksport minyak. Dalam tahun yang sama import dari Thailand berjumlah B\$79 juta. Sementara itu, dari bulan Januari hingga November 2001, eksport Negara Brunei Darussalam ke Thailand bernilai B\$724.90 juta dan jumlah import pula ialah B\$81.32 juta.

Sesungguhnya Suruhanjaya Bersama Negara Brunei Darussalam - Thailand itu merupakan titik tolak dan jambatan yang amat berharga dalam meningkatkan persaha- batan dan kerjasama yang lebih meluas. Hubungan antara Bandar Seri Begawan dan Bangkok semakin kukuh dan mantap. Sehingga kini kedua-dua negara telah menikmati pelbagai kerjasama yang meliputi bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan, pelaburan, pertahanan, pertanian dan perkhidmatan udara. Kita merasa optimis, hubungan kedua-dua negara berjalan itu akan lebih erat dan mesra di masa akan datang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Sierra Leone, Puan Yang Terutama Haja Alari Hawanatu Cole.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menerima mengadap Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menerima mengadap Duta Besar Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Joao Jose Gomes Caetano da Silva.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menerima mengadap Duta Besar Republik Maghribi, Tuan Yang Terutama Badre Eddine Allali.

Lima perwakilan asing diterima mengadap

BANDAR SERI BEGA-WAN, 25 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri hari ini menerima mengadap lima perwakilan asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam, Duta Besar Republik Korea yang menetap; Puan Yang Terutama Haja Alari Hawanatu Cole, Pesuruhjaya Tinggi Sierra Leone; Tuan Yang Terutama Joao Jose Gomes Caetano da Silva, Duta Besar Republik Portugal; Tuan Yang Terutama Badre Eddine Allali, Duta Besar Maghribi dan Tuan Yang Terutama Teppo Markus Tauriainen, Duta Besar Sweden.

Semasa perjumpaan yang berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan, DYT mengalu-alu-

Gambar-gambar oleh Ramli Tengah

kan kelima-lima perwakilan tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.



DULI Yang Teramat Mulia semasa menerima mengadap Duta Besar Sweden, Tuan Yang Terutama Teppo Markus Tauriainen.

Tuan Kim Woong-Nam sebelum ini adalah 'Menteri' (Timbalan Duta) di Kedutaan Besar Korea yang berpejabat di Jakarta. Puan Haja Alari Hawanatu Cole merupakan Pesuruhjaya Tinggi Sierra Leone yang menetap di Tehran. TYT Joao Jose Gomes Caetano da Silva adalah Duta Besar

Republik Portugal yang berpejabat di Manila. TYT Badre Allali merupakan Duta Besar Maghribi yang berpejabat di Kuala Lumpur. TYT Teppo Markus Tauriainen adalah Duta Besar Sweden yang kini berpejabat di Republik Singapura.

Institusi pendidikan perlu tangani kualiti pendidikan

TUNGKU, 24 Mac. - Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail menjelaskan jaminan kualiti perkhidmatan pendidikan merupakan isu penting dan utama untuk ditangani.

Menurut beliau, UBD sentiasa memberi sokongan dan menyertai aktiviti-aktiviti yang mempunyai kepentingan bersama terutama dalam memperkukuhkan kesejahteraan ASEAN di bidang institusi pendidikan tinggi.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Bengkel Rangkaian Jaminan Kualiti Universiti-Universiti ASEAN bagi Ketua-Ketua Pegawai Kualiti (AUN-QA bagi CQOs) Ke-5 di sebuah hotel di Gadong.

Katanya, penilaian dan pengauditan juga merupakan komponen penting dalam pengurusan di mana penilaian akan membantu menyelidik tahap kita sementara pengauditan berfungsi bagi mengawasi dan

Oleh Samle HJ

mengesahkan keberkesanan pelaksanaan dasar kualiti.

Lebih 20 peserta mewakili negara-negara anggota ASEAN kecuali Myanmar menyertai bengkel selama dua hari yang dikendalikan oleh UBD

selaku tuan rumah.

Para peserta berpeluang bertukar-tukar maklumat dan berbincang mengenai AUN-QA bagi CQOs di samping memuatkan laporan penilaian universiti negara-negara anggota.

Rangkaian Universiti ASEAN juga menyeragamkan hasrat para pemimpin ASEAN dalam meningkatkan kesedaran identiti ASEAN dan kesejahteraan

raan serantau.

Rangkaian berkenaan dihasratkan untuk membina persefahaman bersama dan kesedaran ASEAN melalui kerjasama di kalangan institusi pendidikan tinggi di rantau ini.

Jaminan Kualiti Universiti ASEAN merupakan antara aktiviti yang diunggayahkan di bawah payung Rangkaian Universiti ASEAN.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail semasa menghadiri bengkel berkenaan. - Gambar oleh Hamadi HM.

Senyum-Bucih-man



Kebawah DYMM berkenan menerima watikah perlantikan lima perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima watikah perlantikan lima orang perwakilan asing ke negara ini berlangsung di Istana Nurul Iman.

Perwakilan asing yang pertama menyampaikan watikah perlantikan ke hadapan majlis baginda ialah bakal Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam diikuti bakal Pesuruhjaya Tinggi Sierre Leone, Puan Yang Terutama Haja Alari Hawanatu Cole; bakal

Duta Besar Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Joao Jose Gomes Caetano da Silva; bakal Duta Besar Maghribi, Tuan Yang Terutama Badre Eddine Allali dan bakal Duta Besar Sweden, Tuan Yang Terutama Teppo Markus Tauriainen.

Sejurus sempurna majlis itu, baginda berkenan pula menerima mengadap secara berasingan para Duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi berkenaan.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang

**Liputan Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Halim HS dan Mohd. Zul-Izzi HD**

Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya juga hadir di majlis itu.

Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam, 50 tahun, lulusan di bidang Sains Politik dan Diplomasi antara lain pernah bertugas selaku 'Minister-Counsellor' di Kedutaan Besar Republik Korea di Arab Saudi dan 'minister' di Kedutaan Besar Republik Korea di Jakarta (1998).

Manakala Pesuruhjaya Tinggi Sierre Leone, Puan Yang Terutama Haja Alari Hawanatu Cole, 55 tahun, adalah juga Duta Besar ke Republik Islam Iran yang menetap di Tehran dan aktif dalam kegiatan pertubuhan wanita dan kebajikan.

Sementara Duta Besar Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Joao Jose Gomes Caetano da Silva, 46 tahun berkelulusan di bidang Undang-Undang adalah juga Duta Besar ke Republik Filipina dan Republik Palau yang beribu pejabat di Manila.

Manakala Duta Besar Maghribi, Tuan Yang Terutama Badre Eddine Allali, 51 tahun, lulusan kedoktoran di bidang Ekonomi dari Universiti Paris adalah juga Duta Besar ke Malaysia yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan banyak menghasilkan artikel dan kajian ilmiah di bidang ekonomi.

Sementara Duta Besar Sweden, Tuan Yang Terutama Teppo Markus Tauriainen, 41 tahun, lulusan di bidang Pentadbiran Perniagaan dan Ekonomi, adalah juga Duta Besar ke Republik Singapura yang beribu pejabat di republik itu.

Tuan Yang Terutama antara lain pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Jabatan Dasar Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Sweden.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Sierre Leone ke Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap, Puan Yang Terutama Haja Alari Hawanatu Cole.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Maghribi ke Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Badre Eddine Allali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Sweden ke Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Teppo Markus Tauriainen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima watikah perlantikan Duta Besar Republik Portugal ke Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap, Tuan Yang Terutama Joao Jose Gomes Caetano da Silva.

KONVOKESYEN KE-9 MAKTAB JURURAWAT PAP RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH

YTM PAP Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan anugerahkan diploma

BERAKAS, 29 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-9 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (Maktab Jururawat PAPRSB) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dan kerabat diraja dijunjung

Oleh Siti Aishah HS
Gambar-gambar oleh Hamadi HM

oleh Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB, Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah yang juga pengerusi majlis dan ahli-ahli jawatankuasa majlis.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah

Ni'matul Bolkiah.

Dalam sembah alu-aluan Dayang Hajah Suraya menyatakan, pengalaman adalah penting dalam menyelaraskan proses yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi menyepadukan segala ilmu yang dipelajari dengan keadaan sosiobudaya di dalam pengajaran dan pembelajaran setempat.

Beliau menambah, program intensif juga mesti diikuti oleh graduan-gradu-

an lepasan maktab jururawat dan mengikuti penempatan pengasingan sekurang-kurangnya satu tahun di bahagian klinikal di hospital-hospital dan klinik-klinik untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan menyepadukan ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan tataraca perawatannya yang lebih bersistem, saintifik dan berasaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Untuk itu, ianya juga akan dapat menepati sesi pengajaran dan pembelajaran seterusnya memberikan bimbingan serta tunjuk ajar kepada para pelajar semasa mengikuti program kursus dengan lebih efisien dan berkesan.

Dalam Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritikal penerimanya seramai sembilan orang, Diploma Kejururawatan Kemalangan dan Kecemasan tujuh orang, Diploma Kejururawatan Bilik Bedah tiga orang, Diploma Kejururawatan Bilik Bedah (Pembedahan ORL, Leher dan Kepala) ialah empat orang, Diploma Perbidanan 18 orang, Diploma Kejururawatan Paediatric tiga orang dan Diploma Kejururawatan Kesihatan Masyarakat seramai lima orang.

Manakala penerima bagi Diploma Kejururawatan Asas dan Kursus Peningkatan bagi Penolong Jururawat atau Kursus Konversion serta lencana seperti Diploma Kejururawatan Pengambilan Ke-14 sesi 1999-2002 seramai 114 orang dan Pengambilan Ke-3 Kursus Peningkatan ialah 13 orang.

Tujuan utama bagi penubuhan pusat pendidikan kejururawatan adalah semata-mata untuk memberikan ilmu pengetahuan dan kepakaran kepada para jururawat supaya mereka akan dapat memberikan tahap pemedulian yang diharapkan oleh pesakit-pesakit serta keluarga mereka.

Majlis diselenggarakan dengan penganugerahan hadiah-hadiah maktab kepada graduan-graduan terbaik.

Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima pesambah dari Pengetua Maktab Jururawat PAPRSB.

Turut hadir di majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi dan ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Ke-9.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah berkenan mengurniakan anugerah diploma kepada seorang penerima.



YANG Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah semasa berkenan berangkat ke majlis tersebut.



YANG Teramat Mulia dan adinda-adinda Yang Teramat Mulia bergambar ramai bersama para graduan dan Ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Ke-9 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.



SEBAHAGIAN para graduan di Majlis Konvokesyen berkenaan.

Peruntukan besar untuk wujudkan ABDB yang cekap, berkebolehan

TUTONG, 28 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membelanjakan sejumlah wang yang bukan sedikit untuk menjadikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai lapisan pertahanan yang cekap dan berkebolehan demi melaksanakan peranan yang sangat penting di dalam menjaga kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Dalam usia ABDB hampir menjangkau 42 tahun, ABDB telah berkembang mengikut arus kemajuan dan keutamaan lapisan pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Justeru, melengkapi ABDB dengan segala peralatan moden sahaja belum dapat memastikan keperluan pertahanan keseluruhannya tanpa nilai-nilai luhur dan akhlak yang tinggi serta akidah yang kukuh, yang mesti dimiliki oleh setiap pegawai dan anggota ABDB kerana tanpanya kemajuan dan perkembangan yang dicapai tidak akan dapat bertahan lama.

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz menyatakan demikian di Majlis Serah Terima Tugas Pemerintah ABDB yang berlangsung di Padang Kawad, Penaionjong Garison, di sini.

Pemerintah ABDB yang akan menamatkan perkhidmatannya menyatakan kemajuan, keutamaan dan kestabilan

Oleh Siti Aishah HS

yang dinikmati selama ini, haruslah dimantapkan dengan sebaik-baiknya dengan kejujuran, keimanan dan taat setia adalah aset penting ditamamkan di sanubari setiap lapisan anggota ABDB.

Penyerahan tugas Pemerintah ABDB adalah di antara Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Dimulihkan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi.

Atur cara majlis dimulakan dengan ketibaan Pemerintah ABDB yang akan menamatkan perkhidmatan dengan menerima hormat panglima kawalan kehormatan terdiri daripada 101 anggota dari setiap Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei termasuk pemegang Panji-panji Angkatan Tentera masing-masing dan 98 anggota bagi setiap Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diketuai oleh pemerintah perbarisan Leftenan Kolonel Haji Abdul Ghani diikuti pemeriksaan kawalan kehormatan.

Majlis diteruskan dengan upacara menandatangani Sijil Serah Terima Tugas

Pemerintah ABDB diikuti dengan Yang Dimulihkan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi diberikan tabik hormat panglima sebagai Pemerintah ABDB yang baru dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan.

Dalam kesempatan itu juga, Pemerintah ABDB yang baru menyatakan kepentingan mengembalikan maruah dan martabat ABDB sebagai institusi pertahanan yang terkenal dengan disiplin dan tatasusila yang tinggi, yang mana akhirnya ini didapati sedikit tercemar oleh kegiatan-kegiatan atau perilaku mereka yang kurang penghayatan, jati diri serta kesetiaan pada institusi.

YDM menambah insiden-insiden atau kejadian-kejadian yang mengejut terjadi di seluruh pelusuk dunia, di Timur Tengah ketika ini dan juga di rantau kita kebelakangan ini adalah iktibar yang baik untuk semua baik di peringkat yang memimpin dan yang dipimpin untuk lebih sensitif, peka, berwaspada, komited melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kecakapan atau tidak dikejutkan atau terperangkap dalam keadaan tidak bersedia, dalam erti kata lain meninggalkan budaya negatif, berpuas hati pada rutin atau biasa sahaja.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat sebelum beredaar bagi upacara mengarak bermula dari Mes Pegawai Penanjong Garison ke Balai Pengawal Penanjong Garison.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar (kiri) yang akan menamatkan perkhidmatan dan Pemerintah ABDB yang baru, Yang Dimulihkan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi menandatangani Sijil Serah Terima Tugas Pemerintah ABDB. - Gambar oleh Md. Zul-izzi HD.

MEMBACA novel Muslim Burmat: 'MAKNA SEBENAR SEBUAH LADANG' yang baru terbit itu sedikit-tidaknya dapat menggamit ingatan kita mengenai perkembangan yang berlaku dahulu lalu mengundang pula pemikiran lain bila melihat perkembangan sekarang yang berlaku terhadap setengah-setengah kawasan yang dibayangkan dalam novel berkenaan.

Tidak setakat itu sahaja ulak yang berputar di dalamnya meminta pembaca sama-sama melihat 'akan hal-hal perjuangan masyarakat mereka di zaman tersebut', seperti mana yang dinukilkan dalam prakata Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin, Pemangku Pengarah DBP, selaku penerbit kepada novel tersebut, cetakan pertama 2002. Perkara-perkara yang berkisar dalam novel itu, semakin jauh kita membaca, maka rasanya semakin hampir kita dibawanya dalam menjejaki apa yang dikatakan di kulit belakang novel tersebut yang berbunyi: 'Sebuah episod lama menjadi episod baru dari sebuah ladang yang sudah tiada, pada babak awal pertumbuhan ekonomi bangsa ini'. Tetapi 'cerita dalam' ini seolah-olah dibuka semula oleh seorang yang terdekat dan hidup sebaya dengan ladang itu.

Demikian itu, maka terangkailah cerita dan kisah-kisah musnahnya dusun buah-buahan dan kebun-kebun sayuran serta segala macam tanaman yang menjadi sumber hidup dan kehidupan masyarakatnya yang diwariskan dari sejak antah moyang mereka itu. Warisan itu memberi makna yang tiada ternilai harganya apa lagi ianya menyangkut kepada maruah bangsa dan keturunan pewaris. Inilah pengaruh yang terkuat pada ketika itu berbanding dengan keperluan ekonomi, apa lagi jika pengaliran ekonomi itu lebih banyak dikair oleh bangsa luar yang dihirahkan untuk meneroka khazanah bagi memperkuatkan kuasa mereka terhadap mereka yang dianggap daif.

Namun di luar dari keyakinan mereka itu, yang mungkin saja kerana sifat angkuh dan memandang rendah kepada kelompok yang dianggap daif itu, lalu hal-hal yang abstrak sama ada terlupa atau sengaja untuk tidak diperkirakan biarpun mereka sedar bahawa antara kedua-dua pihak (pendatang dan yang didatangi) itu ada dari spesies makhluk yang sama iaitu manusia, cuma yang berbeza ialah warna kulit dan alir pemikiran yang membentuk budaya yang tidak sama antara keduanya yang lebih banyak digambarkan melalui cara bertindak masing-

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PERLADANGAN TRADISI KEKUATAN MASA SILAM

masing.

Ini sesuai seperti nukilan dalam prakata novel tersebut bila menyimbati mengenai tema yang selalu digarap oleh Muslim Burmat dalam novel-novelnya adalah menjurus kepada tema: '...memperlihatkan hal-hal moral, menjurus kepada perjuangan hak'.

Tulisan ini tidak bertujuan untuk memperkatakan novel Muslim Burmat itu, jauh sekali untuk mengkilankannya. Kita cuma tertarik dalam beberapa hal yang berkaitan dengan tempat-tempat yang disebut di dalamnya. Biarpun nama-nama kampung atau tempat itu terdapat semacam sedikit perubahan (mungkin kerana menyesuaikan karya novel), tetapi tempat-tempat itu (bagi orang lama) tidak begitu susah untuk mengagakannya. Sebab, dari fakta yang disebut seperti 'empuratus ekar ladang getah dalam tahun 1915'. Kemudian: '.....Tetapi keluasan tanah yang dipohonkan sebenarnya berjumlah seribu ekar, namun dalam peringkat pertama, keluasan tersebut hanya yang dapat diluluskan'.

Nama-nama kampung pula ialah seperti Kampong Kinabatang, Kampong Atam-Atam, Kampong Perik, Kampong Rumbia, Kampong Sungai Sunda dan yang lain-lain lagi. Keakraban orang Brunei di masa yang lalu itu dapat juga dikesan dari novel ini. Hanya melalui berdirinya setiap sebuah durung padi, berlaku jalinan erat antara rakyat di darat dan di laut malah hingga ke kawasan lain yang pernah menjadi sebahagian dari Brunei seperti Limbang dan Punang. Perihal keakraban antara orang darat apabila dengan orang di laut itu, disebutkan bahawa orang di darat apabila hendak mendirikan durung padi akan segera mendapatkan bekalan binaan tradisi dari orang di laut.

Bahan-bahan itu ialah seperti atap daun nipah dan kajang untuk dinding. Orang Kampong Ayer membuat penghasilan menuhur atap nipah dan menyirat kajang untuk dinding. Bahan-bahan itu juga digunakan untuk membina rumah-rumah di darat dan di laut ketika itu. Sebahagian besar rumah-rumah waktu itu didirikan dengan menggunakan bahan-bahan tersebut. Kampung-kampung yang mengeluarkan penghasilan tersebut adalah dianggap penting kerana tanpa mereka tempat tinggal akan tidak wujud. Sebab itu, Kampong Peramu di Kampong Ayer berperanan menyediakan ramuan kelengkapan rumah seperti tiang nibung, tongkat kulimpapa, menuhur atap, menyirat kajang, menggergaji papan dan berbagai ukuran kayu untuk rumah, perahu, tongkang dan kapal serta lain-lain keperluan yang mengkehendaki

bahan-bahan kayu. Ini berlaku sebelum datangnya alat-alat yang lebih moden seperti atap zink dan lain-lain lagi.

Demikianlah mereka yang dahulu itu amat kukuh jalinan hidup mereka biarpun mereka itu terdiri daripada orang-orang yang di baruh sahaja termasuklah dari segi pelajaran.

Bila novel itu menyebut 'Ladang Bukit Pagasingan', ladang getah seluas empat ratus ekar, berlaku dalam tahun 1915, bererti, letaknya di salah satu kawasan Daerah Brunei ketika itu. Brunei pernah mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah estate getah yang besar seperti Gadong Estate, Berakas Estate dan satu lagi cawangannya di Ulu Sungai Brunei termasuk Lumapas/Kasat. Satu lagi yang dikenal ramai ialah Labu Estate di Daerah Temburong.

Ini menunjukkan bahawa di tahun-tahun awal sekitar 1915 itu, ekonomi penting Brunei adalah banyak bergantung kepada hasil getah, sementara ladang-ladang getah itu pula didiri dan dikendalikan oleh British dengan membawa masuk pekerja-pekerja Cina, India, Jawa dan bercampur dengan orang-orang tempatan, membentuk satu 'suasana baru' dalam tradisi masyarakat Brunei ketika itu.

Oleh itu, kalau diambil kepada Gadong Estate dengan rumah Pengurusannya (Richardson) terletak di atas bukit, maka Gadong sekarang mungkin ladang getah pada masa dahulu termasuklah kampung-kampung persekitarannya seperti Kiarong, Tungku, Kiulap dan lain-lain kawasan yang kini menjadi pusat-pusat perdagangan yang semakin berkembang.

Dengan yang demikian, era getah sudah lenyap kerana harganya semakin menurun lalu timbul era minyak dan gas yang semakin memperkukuh keadaan sehinggalah menjadikannya pembentuk masyarakat Brunei yang tidak sahaja bertambah pada bilangan bahkan tingkatan pelajaran dan ilmu yang semakin tinggi, melahirkan suasana berpartisipasi yang tinggi sealar dengan tawaran kompetensi dalam segala bidang untuk menikmati tahap ekonomi yang sihat dan menjamin. Setidak-tidaknya, bekas tapak-tapak ladang getah dahulu itu dapat membantu perekonomian waris orang-orang di masa silam yang sentiasa berjerih berpayah itu.

Semoga roh antah moyang kita itu senantiasa dirahmati Allah dan hendaknya kita senantiasa bersyukur atas nikmat hasil dari apa jua yang ditinggalkan oleh mereka itu dan semoga kita terhindar dari segala kesombongan, amin.

Makna Sebenar Sebuah Ladang



Negara perlukan belia berilmu, masyarakat penyayang dalam pelbagai bidang

KUALA BELAIT, 24 Mac. - Negara dan bangsa bukan sahaja memerlukan belia yang berilmu dalam pelbagai bidang bagi kesinambungan kemajuan dan kecemerlangan negara dan bangsa, tetapi juga memerlukan mereka sebagai kelompok masyarakat penyayang.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Abdul Majid bin Alias berkata, sebagai pengamalan sikap masyarakat penyayang mereka hendaklah sentiasa menyayangi dan menghargai masyarakat yang kurang bernasib baik dan orang tua kerana tanpa orang tua siapalah mereka.

Berucap semasa melancarkan Projek Belia Cemerlang Masyarakat Penyayang (BCMP) di ruang legar Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar,

Oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

beliau menambah sebagai belia harapan bangsa dan pemuda tiang negara nilai murni yang amat berharga itu diperlukan oleh negara dan masyarakat mesti ada pada diri mereka bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan bakti yang besar dan bermakna kepada bangsa dan negara serta bagi mempertahankan dan meningkatkan ketahanan bangsa.

Menyentuh mengenai aktiviti khas yang disusun rapi dalam BCMP, beliau yakin ianya akan dapat membantu membuka minda mereka pada membina kesedaran yang mendalam dan keyakinan kepada kebolehan atau kemampuan diri sendiri serta keazaman untuk tidak

rasa tertinggal dalam mengikuti aktiviti yang telah disusun.

"Dengan nilai sedemikian dan seumpamanya akan dapat menolong membina atau membentuk satu ketrampilan yang menarik dan disenangi, sifat dan kualiti kepimpinan yang berwibawa dan digalati serta hemah tinggi dan mulia," katanya.

Belia yang melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai kegiatan yang berkebakikan dan bermanfaat sama ada di peringkat mukim atau kampung, peringkat daerah mahupun peringkat kebangsaan akan memupuk semangat jati diri serta menyemai perasaan kekitaan, bukan sahaja kepada masyarakat keliling tetapi lebih penting semangat kecintaan kepada tanah air yang kini sudah merdeka dan berdaulat, dikenali dan dihormati oleh

warga dunia, tambah.

Sehubungan itu beliau berharap para peserta akan mengikuti acara yang disusun sebaik mungkin dan memperolehi kemanfaatan darinya sebagai bekalan dan pedoman bagi kegunaan di masa mendatang.

Projek BCMP anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) merupakan projek pembangunan belia kali kedua diadakan bagi membina identiti belia yang berilmu, berwawasan, mempunyai daya tahan, daya maju, daya saing yang kental dan utuh serta membentuk hala tuju masyarakat yang terarah yang prihatin dan peka serta menyayangi persekitarannya selaras dengan dasar dan pertubuhan YSHHB.

Projek tersebut merupakan projek lanjutan pemba-

ngunan belia dan pembangunan masyarakat penyang yang memfokus kepada dua golongan dominan dalam masyarakat iaitu golongan masyarakat umum dan golongan generasi muda (belia).

Sebelum ini projek yang sama pernah dilaksanakan di Daerah Temburong buat pertama kali bagi belia dari Kampong Bolkiah A dan Bolkiah B dan pada kali ini lebih 50 belia menyertainya yang sebahagiannya terdiri dari belia yang mewakili hampir keseluruhan kampung di Daerah Belait di samping beberapa orang belia jemputan dari daerah-daerah lain.

Projek selama empat hari itu berbentuk perkhemahan belia yang mengandungi pembentangan beberapa kertas kerja daripada penceramah undangan dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Jabatan

Belia dan Sukan, kuliah, beberapa aktiviti luar seperti ekspedisi, riadah iaitu kombinasi di antara pembentukan sahsiah (jati diri) dan akhlak yang mulia serta forum berjudul 'Kata Rantua'. Dalam forum berkenaan para peserta dapat mendengar dan berkongsi pengalaman bersama orang tua dalam mengharungi liku-liku kehidupan.

Sepanjang projek dijalankan para peserta bersembahyang fardu berjemaah dan antara aktiviti yang dimuatkan di hari pertama taklimat penerangan mengenai YSHHB dan projek BCMP, taklimat daripada beberapa agensi kerajaan antaranya Jabatan Belia dan Sukan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Hal Ehwal Syariah manakala hari kedua diisi dengan lawatan ke Pusat Perhutanan Brunei Sungai Liang, Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang, pembentangan kertas kerja bertajuk 'Menilai Diri Sebagai Seorang Belia Yang Cemerlang' dan 'Hidup;

Matlamat dan Destinasi'nya" dan taklimat oleh Biro Kawalan Narkotik.

Sementara pada hari ketiga pula para peserta membuat lawatan ke Kampong Kuala Balai bagi mendedahkan mereka kepada ekopelancongan yang terdapat di negara ini di samping mereka dapat mendalami dan menghayati akan kehidupan puak-puak di Kuala Belait, pembentangan kertas kerja bertajuk 'Pengurusan Umur: Satu Tuntutan' dan forum bertajuk 'Kata Rantua'.

Di hari keempat pula pembentangan kertas kerja bertajuk 'Berkomunikasi Secara Profesional' dan 'Asas-asas Ke Arah Kepimpinan Jati Diri Pemuda dan Pemuda Muslim'. Selain itu beberapa pameran dikendalikan bersama oleh YSHHB, Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Hal Ehwal Syariah telah diadakan sepanjang projek dijalankan.

Warga ASEAN perlu menjaga warisan budaya

BERAKAS, 18 Mac. - Asas kekuatan ASEAN membina kita sedar persamaan budaya bahkan menyedarkan kita mengenai kekayaan warisan budaya tetapi semua itu akan berpecah-belah dan semasa tiada, bahkan cerita lama akan dilupakan oleh generasi mendatang, sehingga kita patut bekerja keras dan bertanggungjawab untuk menjaga warisan budaya kita sendiri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyatakan demikian di Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-38 ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Dalam era globalisasi, masyarakat kita terutamanya belia-belia mudah dicemari dengan pelbagai sebaran yang dibawa oleh perubahan yang mendadak selari dengan perkembangan teknologi yang pesat di mana cara kehidupan juga turut berubah dan apa jua alasan kita tidak hanya menyalahkan kepesatan teknologi secara keseluruhan, tetapi faktor-faktor kemanusiaan sebahagiannya turut memainkan peranan yang penting.

Yang Berhormat menambah, kebimbangan lain termasuk kesan-kesan negatif terhadap kehidupan anak-anak muda dan juga mereka yang dipengaruhi cara kehidupan sosial, penyalahgunaan dadah, merokok dan juga penyakit berjangkit seperti HIV/Aids.

Keadaan tersebut diburukkan lagi dengan masalah kemerosotan ekonomi dan pengangguran yang tidak dapat dielakkan dan persoalannya sekarang ialah mencari penyelesaiannya mengatasi masalah tersebut.

Sehubungan itu, keazaman dan keupayaan untuk

Oleh
Siti Aishah HS

mengasah bakat bagi semua lapisan masyarakat untuk menuju ke arah perusahaan dan aktiviti-aktiviti yang berguna serta tanggungjawab dan azam yang kuat dalam mencari kebaikan atau faedah dari aspek globalisasi di mana latihan dan program pembangunan sumber manusia diperlukan.

Di sesi plenary, mesyuarat membincangkan keputusan-keputusan pelbagai mesyuarat mengenai kebudayaan dan penerangan melalui usaha berterusan dalam mempelbagaikan tra-

disi ASEAN dengan mengemukakan program dan sumber di rantau ini serta melalui rakan kongsi erat dengan rakan-rakan negara dialog.

Perhubungan yang kukuh dalam ASEAN akan membawa kebaikan kepada semua dan generasi akan datang dalam membantu kita menyedari impian dan matlamat pemimpin-pemimpin ASEAN.

Mesyuarat empat hari itu, dihadiri oleh delegasi negara-negara ASEAN dalam mengekalkan warisan budaya dan menghargai peranan media agar warisan tersebut dapat disampaikan, dihargai dan dipelajari oleh masyarakat ASEAN.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain berucap merasmikan Mesyuarat Ke-38 ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI). Majlis berlangsung di Dewan Muzakarah ICC. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



MESYUARAT Ke-38 ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut. - Gambar oleh Masri Osman.

Warisan budaya penting dalam mengeratkan kerjasama

BERAKAS, 22 Mac. - Persefahaman dan penghargaan mengenai warisan budaya dan penerangan penting dalam usaha menjalin hubungan erat di antara ahli ASEAN di samping menambatkan lagi peluang-peluang kerjasama yang sedia ada.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai kerjasama dalam bidang Perlindungan, Peme-

Oleh
Siti Aishah HS

liharaan, Promosi dan Pengurusan Warisan Kebudayaan telah dimeterai di antara Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI) dan Aus-Heritage, Australia yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menandatangani memorandum tersebut mewakili semua negara ASEAN ialah Pengerusi ASEAN-COCI, Tuan Yang Terutama Tran Chien Thang merangkap Timbalan Menteri Kebudayaan dan Penerangan, Viet Nam sementara mewakili pihak Aus-Heritage, Australia ialah Vinod Daniel.

Antara bidang kerjasama yang dilaksanakan di bawah memorandum tersebut ialah mengadakan seminar, bengkel, perkembangan kemahiran dan program-program yang berkaitan kemahiran pemeliharaan, perlindungan, promosi dan pengurusan warisan budaya.

Bagi merealisasikan keupayaan kerjasama ASEAN beberapa projek yang telah dan sedang dilaksanakan di antaranya Jaringan Informasi Warisan Budaya, latihan khusus terhadap Pengurusan

Pengendalian Binatang Perusak dan Kehidupan Berbudaya yang akan dilaksanakan pada bulan April 2003 di Negara Brunei Darussalam.

Pembangunan Model ASEAN bagi Rancangan Kebudayaan juga dilaksanakan dan akan berjalan pada bulan September 2004 di Adelaide, Australia bagi memberi latihan untuk membuat model yang dapat digu-

nakan oleh para penyelidik dan pelancong.

Majlis penandatanganan tersebut diadakan sempena Mesyuarat Ke-38 Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI) bagi meningkatkan pemahaman dan penghargaan mengenai warisan budaya di rantau ini di samping dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang kebudayaan.

INAYAH

Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media
Mengenai Isu Sosial

SUMBANG MAHRAM PERBUATAN HARAM

"DIHARAMKAN kepada kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang berikut : Ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri: tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya), dan (haram juga kamu berkahwin dengan bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Surah An-Nisaa', ayat 23).

Daerah Polis Jerudong berjaya selesaikan kes curi

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Daerah Polis Jerudong berjaya menyelesaikan lapan kes curi yang berlaku sejak Disember 2002 hingga Mac tahun ini.

Kejayaan tersebut hasil pemeriksaan yang dilancarkan sejak Januari 2003 berikutan penangkapan 12 orang lelaki warganegara tempatan termasuk empat orang di bawah umur dan seorang lelaki warganegara Malaysia yang masih menuntut di salah sebuah sekolah menengah di negara ini.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Daerah Polis Jerudong hari ini, pihaknya juga menemui lebih 100 barangan yang belum dapat dikenal pasti pemiliknya dan dipercayai barang-barang tersebut adalah hasil curi dan pertukaran dadah.

Berhubung dengan pendakwaan, bagi kes-kes yang telah selesai pendakwaannya, hukuman telah dijatuhkan iaitu penjara dua hingga ke 16 bulan dan bagi

Oleh
Siti Aishah HS

penjenayah di bawah umur diperintahkan supaya berke-lakuan baik selama setahun.

Menurut siaran itu, bagi kes-kes yang belum selesai, kesemua tangkapan dibebaskan dengan ikat jamin bagi membantu siasatan dan menanti perbicaraan.

Laporan tersebut juga menyatakan, setelah selesai penyiasatan mereka akan dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan di bawah Bab 379 Kanun Keseksaan Jenayah Penggal 22 dan jika sabit kesalahan akan membawa hukuman penjara tiga tahun dan denda.

Sehubungan dengan itu, bagi membanteras kegiatan curi di negara ini, pihak polis mengalu-alukan maklumat daripada orang ramai dan menasihatkan supaya mengambil langkah keselamatan bagi menjaga harta benda mereka.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

PUSAT PERKHIDMATAN KOMPUTER,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (BHG IV)

BIL	PERKHIDMATAN	TPOR
1	Pembelian peralatan/perisian komputer baru (setelah belanjawan diluluskan).	1 - 2 bulan
2	Pemasangan peralatan komputer	4 jam
3	Masalah peralatan komputer tidak berfungsi	4 jam
4	Pemeliharaan makmal komputer	2 hari
5	Peminjaman peralatan/perisian komputer	serta-merta*
6	Penempatan untuk menggunakan kemudahan persidangan dan makmal komputer	1 - 2 hari
7	Permohonan untuk mengadakan seminar atau pameran	2 - 3 minggu



PENGERUSI ASEAN-COCI, TYT Tran Chien Thang, merangkap Timbalan Menteri Kebudayaan dan Penerangan Viet Nam dan Aus-Heritage, Australia, Vinod Daniel bertukar-tukar dokumen setelah menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Perlindungan, Pemeliharaan, Promosi dan Pengurusan Warisan Kebudayaan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Kebawah Daulah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melawat MSPS RBA



RAKAM ... Para pegawai RBA mengambil peluang bergambar ramai bersama baginda di hadapan pintu utama Bangunan RBA Plaza.



PRIHATIN ... Baginda amat mengambil berat mengenai generasi memiliki ilmu pengetahuan dan tidak akan melepaskan peluang bertanya serta berbual mesra bersama para pelajar pada setiap keberangkatan baginda ke institusi-institusi pendidikan (kiri, atas dan bawah).



KEBAWAHA Daulah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah taklimat oleh Pemangku Pengetua MSPSBS ketika melawat ke kantin maktab tersebut.



KEBAWAHA Daulah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah taklimat oleh Pemangku Pengetua MSPSBS ketika melawat ke kantin maktab tersebut.

KEBAWAHA Daulah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima sembah taklimat oleh Pemangku Pengetua MSPSBS ketika melawat ke kantin maktab tersebut.

Gambar ...

ah
kat
at
S,



BAGINDA sempat bertanyakan sesuatu kepada anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen semasa berkenan melawat ke bilik-bilik darjah (atas).

PEMANGKU Pengetua MSPSBS, Pengiran Hajah Rosnani menyebarkan taklimat ke hadapan majlis baginda (atas kanan).



TAKLIMAT ... Baginda diberikan sembah taklimat oleh Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Dato Paduka Haji Hazair yang juga selaku Pengerusi RBA.



ZIARAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima junjung ziarah pegawai-pegawai dan kakitangan RBA.



BAGINDA dijunjung dan disebarkan taklimat oleh para pegawai RBA ketika melawat ke bahagian-bahagian di Ibu Pejabat RBA.

g Maha
junjung
ekitaran

g Maha
Baginda
mai Bol-
Wad-
Yang Di-
Brunei
al ber-
wai RBA
melawat
di Ibu

bar
IB
M



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Melukis bagi kategori Kanak-kanak Sekolah sempena Tahun Alam Sekitar ASEAN 2003 anjuran Kementerian Alam Sekitar, Kemboja kepada pemenang ketiga peraduan itu, Dayang Lee Yi Zheng dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria. - Gambar oleh Halim HS.

Berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 22 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Melukis bagi kategori Kanak-kanak Sekolah sempena Tahun Alam Sekitar ASEAN 2003 anjuran Kementerian Alam Sekitar, Kemboja.

Yang Teramat Mulia berkenan menyampaikan hadiah AS\$200.00 dan Sijil Penyerahan kepada pemenang ketiga peraduan Dayang Lee Yi Zheng dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria, di majlis yang berlangsung di Kementerian Pembangunan.

Timbalan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Roslan dalam ucapan alu-aluannya menyatakan sambutan orang ramai dan penuntut sekolah menengah dalam peraduan yang bertemakan 'Bersama Ke Arah Mengekalkan Pembangunan' sangat menggalakkan.

Katanya lebih dari 30 buah lukisan diterima dan terdapat juga beberapa buah lukisan dihantar terus oleh para peserta kepada pihak penganjur.

Tahun Alam Sekitar ASEAN (AEY) yang diilhamkan pada tahun 1995 disambut oleh negara-negara anggota ASEAN setiap tiga tahun sekali dengan meneguhkan pencapaian dan kerjasama serantau, di samping pencapaian setiap anggota negara ASEAN dalam pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar.

Tema tahun ini menunjukkan komitmen dan inisiatif negara-negara ASEAN untuk bekerja secara lebih rapat bagi memastikan sinergi, mobilisasi sumber yang lebih baik, meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial di kalangan masyarakat ASEAN.

AEY juga diharapkan dapat menggalakkan penglibatan sektor swasta, masyarakat umum, organisasi bukan kerajaan dan institusi-institusi lain ke arah mengimplementasikan Visi 2020 ASEAN dalam Pelan Tindakan Hanoi, di samping komitmen dan inisiatif yang dicapai di Sidang Kemuncak Dunia di Johannesburg.

25 juta ringgit diperuntukkan bagi menggerakkan e-kerajaan

PULAIE, 19 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima peruntukan sejumlah \$25 juta melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (2001-2005) bagi menggerakkan projek e-kerajaan.

Melalui peruntukan itu, kementerian berkenaan melalui Pusat Teknologi Maklumat dan Jawatankuasa Teknologi Maklumat telah mengenal pasti dan meluluskan empat projek utama untuk dicadangkan dan dilaksanakan pada tahun ini.

Projek berkenaan termasuk projek Prasarana Rangkaian (BPR), Sistem Pengurusan Zakat (SPZ), e-ISLAM Informasi Kios dan Penghijrahan dan Peningkatan Projek SMI (Sistem Maklumat Islam).

"Setiap pengerusi dan ahli-ahli di dalamnya diharap supaya dapat bergerak dengan cergas dalam merancang projek ICT di jabatan masing-masing dalam menuju ke arah pembaharuan dan kemajuan dalam perkhidmatan agama dan awam Kementerian Hal Ehwal Ugama," jelas Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof di Majlis Perancangan dan Pelaksanaan Projek e-RAMI (Rangkaian Maklumat Islam), di Pusat

Oleh Samle HJ

Da'wah Islamiah.

Katanya, jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan nampaknya kurang berkesan dalam memainkan peranan dan tanggungjawab, malah sebahagiannya belum pernah mengadakan mesyuarat dan merancang projek e-kerajaan masing-masing.

Beliau menambah semua sikap negatif terhadap perkembangan dan kemajuan ICT hendaklah diperbetulkan dan 'mind-set' setiap jawatankuasa hendaklah diubah kepada memperbanyakkan berfikir secara kritikal untuk memajukan masa depan organisasi kerana ICT boleh membantu mempercepatkan dan mempermudah organisasi.

Perancangan dan pelaksanaan Projek e-RAMI merupakan 'follow up' dan 'follow through' kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Teknologi Maklumat yang dibentuk di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya sejak bulan November 2002.

E-RAMI yang bertema ke arah Pembaharuan Perkhidmatan Ugama dan Awam Kementerian Hal Ehwal Ugama merupakan salah satu program Majlis

Petah bagi menggerakkan tugas, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan dalam merancang dan menyediakan IS/IT Plan e-Kerajaan dan cara pelaksanaannya.

Sebelum ini, Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan projek raksasa e-Kerajaan dengan memperuntukkan belanjawan berbilion ringgit yang dimasukkan dalam RKN Ke-8 dengan mengagih-agihkan kepada setiap kementerian sebagai hala tuju perubahan dalam era teknologi.



MAJLIS Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan Universiti Calgary bagi usaha memperluaskan hubungan dalam bidang pendidikan khususnya di bidang perubatan ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Dekan Institusi Perubatan, Dr. Harvey Weingarten. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof ketika berucap merasmikan Majlis Perancangan dan Pelaksanaan Projek e-RAMI (Rangkaian Maklumat Islam). Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

UBD dan Universiti Calgary tandatangan MOU dibidang perubatan

TUNGKU, 22 Mac. - Usaha memperluaskan hubungan dalam bidang pendidikan khasnya bidang perubatan akan memberi peluang pertukaran penuntut negeri ini

Oleh Siti Aishah HS

melanjutkan pengajian di universiti luar negara.

Untuk itu, Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan Universiti Calgary, Kanada telah diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam di sini.

Menandatangani memorandum berkenaan bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Dekan Institusi Perubatan, Dr. Zulkarnain bin Haji Hanafi manakala pihak Universiti Calgary diwakili oleh Presiden dan juga selaku Naib Canselor Universiti Calgary, Dr. Harvey Weingarten berserta Dekan Fakulti Perubatan Universiti Calgary, Dr. Grant Gall.

Dengan penandatanganan memorandum tersebut diharap kerjasama di antara kedua-dua pihak akan berjalan dengan lancar dan akan mempertingkatkan lagi latihan perubatan bagi penjagaan

kesihatan yang berkualiti.

Ke arah itu, memorandum tersebut akan memberikan peluang kepada penuntut pra-perubatan Negara Brunei Darussalam untuk menamatkan pengajian mereka dalam program perubatan di Universiti Calgary, Kanada selama dua tahun.

Seramai tujuh orang penuntut sedang menuntut di universiti berkenaan dan akan menamatkan pengajian mereka di antaranya seorang penuntut pada bulan Mei nanti, dua orang penuntut pada bulan Mei 2004, dua orang penuntut lagi pada bulan Mei 2005 dan dua lagi akan menamatkan pengajian mereka pada bulan Mei 2006.

Hadir sama di majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Paul S. H. Lau; Timbalan Naib Canselor UBD, Pengiran Dr. Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Mohd. Jadid berserta pegawai-pegawai dan kakitangan UBD.

Timbalan Menteri Pertahanan terima kunjungan hormat



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith semasa menerima kunjungan hormat Kepala Staf TNI - Angkatan Darat (KASAD), Jeneral TNI Ryamizard Ryacudu. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menerima sumbangan derma bagi Tabung Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Malayan oleh Ketua Sumber Manusia dan Perkhidmatan BSP, Awang Haji Zaini bin Haji Omar. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Tabung Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Malayan terus terima sumbangan

KUALA BELAIT, 20 Mac. - Tabung Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Malayan terus menerima sumbangan derma dari pegawai dan kakitangan kerajaan, kampung, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan maktab serta orang persendirian di Daerah Belait yang begitu prihatin terhadap nasib mangsa yang menimpa para mangsa.

Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah yang juga Pengerusi Penyelaras Jawatankuasa tabung itu telah menerima sumbangan derma berupa cek berjumlah \$14,373.00 daripada Syarikat Minyak Shell Sendirian Berhad (BSP), Brunei LNG (BLNG); Brunei Shell Tankers (BST); Brunei Shell Marketing (BSM); Sekolah St. James, Kuala Belait; Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait dan Jabatan Perhutanan Kuala Belait yang berlangung di pejabat Pegawai Daerah di sini.

Di majlis itu BSP, BLNG, BST dan BSM men-

Oleh
Dk. Hjh. Saidah
PHOA

dermakan \$12,785.00 yang disampaikan oleh Ketua Perkhidmatan dan Sumber Manusia, Awang Haji Zaini bin Haji Omar, manakala Sekolah St. James mendermakan \$1,277.00; Sekolah Menengah Chung Hwa sebanyak \$204.00 dan Jabatan Perhutanan sejumlah \$107.00. Sumbangan itu menjadikan kutipan sehingga ini meningkat kepada \$25,881.00 sejak tragedi kebakaran berlaku awal November tahun lalu.

Selain derma berupa kewangan para mangsa juga telah menerima sumbangan keperluan harian seperti pakaian, makanan dan minuman daripada orang ramai, orang persendirian, pihak swasta, NGO dan jabatan-jabatan kerajaan, di samping salah sebuah syarikat kilang papan di daerah itu juga bersedia menyumbangkan papan bagi membina semula rumah panjang

yang baru di tapak tersebut.

Kebakaran yang berlaku awal bulan November tahun lalu telah melibatkan 12 keluarga yang pada ketika itu hampir semua mereka bekerja di bendang. Pada masa ini para mangsa ditempatkan di khemah yang dibina sementara dekat kawasan tersebut. Tabung tersebut masih menerima sumbangan sehingga daripada para dermawan sehingga Mei depan.



Sambutan Tahun Baru Hijrah

Oleh Samle HJ

JALAN TUTONG. - Para jemaah haji Kementerian Kesihatan telah diraikan dalam majlis sempena sambutan Tahun Baru Hijrah dan Doa Kesyukuran di Kompleks Sukan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), 14 Mac lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Ber-

hormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar (gambar atas).

Majlis tahunan itu disertai dengan ceramah agama yang disampaikan oleh Drs. Haji Ismuhadi dan persembahan marhaban.

Perkhemahan Penemuan OGDC isi masa cuti perkhemahan

Oleh
Dk. Hjh. Saidah
PHOA

Minda' itu telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat STEP, Lim Jock Cheng dan Ketua OGDC, Neville Petrie yang diadakan berdekatan kawasan pusat itu.

Perkhemahan tersebut

diadakan pertama kali sempena cuti penggal pertama persekolahan yang bertujuan bagi membekalkan para pelajar dengan aktiviti yang mendatangkan manfaat sewaktu percutian dan aktiviti perkhemahan direka bagi peningkatan pembangunan diri para peserta dengan sempurna umpamanya bagi mencapai tanggungjawab kepimpinan dan

interaksi yang baik.

Sepanjang tiga hari itu para peserta telah didedahkan dengan persekitaran dan aktiviti yang memerlukan mereka bekerja dan berkompromi dalam berpasukan serta mampu menerima tekanan mental dan fizikal dalam persekitaran yang mencabar.

Dalam waktu yang sama, perkhemahan juga diharap akan dapat mengasah minda untuk lebih kreatif dan meningkatkan minat dalam bidang sains dengan industri minyak dan gas serta memberi kefahaman mengenai kepentingan mengimbangi antara mengejar pembangunan dan mempertahankan persekitaran semula jadi.

Perkhemahan bermula dengan menerima pendaftaran para peserta diikuti taklimat mengenai keselamatan yang perlu mereka ikuti sepanjang perkhemahan. Para peserta seterusnya menyertai aktiviti pertama, 'Permainan Penemuan'. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyelesaikan teka-teki dan menjawab soalan berhubung minyak dan gas.

Salah satu aktiviti yang tidak kurang menarik sewaktu perkhemahan itu ialah Eksplorasi Geologi dengan meredah hutan selama dua jam di Bukit Teraja. Para peserta dapat meninjau lebih dekat kawasan bersejarah projek Padang Terbelangkai Belait di Bukit Perhutanan Labi.

PENGARAH Pusat STEP, Lim Jock Cheng mendirikan khemah sebagai tanda melancarkan Perkhemahan Penemuan OGDC, Seria (atas). - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

PARA peserta yang menyertai Perkhemahan Penemuan OGDC, Seria (kiri). - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Kerjasama Dua Hala Brunei-Thailand

Mercu tanda tingkat k'sama

PENUBUHAN Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand merupakan mercu tanda bagi menyumbangkan lagi solidariti hubungan persahabatan yang rapat dan erat kedua belah pihak.

Sejak beberapa tahun lalu, kedua-dua negara berjiran itu berusaha meningkatkan melalui pertukaran lawatan pelbagai peringkat termasuk pemimpin negara.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-PBB pada tahun 2000, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Thailand di tahun yang sama dan lawatan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Thaksin Shinawatra ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2001 telah membuktikan hubungan persahabatan yang rapat antara kedua-dua negara terjalin erat.

Kedua-dua buah negara juga berkongsi nilai-nilai yang fundamental dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN.

Kerjasama yang erat menerusi pelbagai bidang termasuk pelaburan, kementerian sumber manusia, pendidikan, perdagangan dan perkhidmatan udara menyediakan banyak ruang untuk dimanfaatkan dan keuntungan kedua-dua belah pihak.

SURUHAJAYA BERSAMA

Suruhajaya Bersama telah berjaya ditubuhkan merupakan hasil keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Thailand pada 15 - 16 Mei 1998.

Kedua-dua buah negara telah mencatat lembaran persahabatan yang membanggakan apabila bersejua mendandatangani perjanjian persefahaman Bagi menubuhkan Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala pada September 1999, di New York.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menandatangani bagi pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam sementara bekas Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Surin Pitsuwan

mewakili pihak Thailand.

Suruhajaya Bersama itu menyediakan ruang kerjasama kedua-dua negara untuk menerokai lebih jauh bidang-bidang seperti ekonomi, perdagangan, sosial, kebudayaan dan lain-lain bidang.

RAI HASIL KERJASAMA

Negara Brunei Darussalam dengan Thailand terus mencapai kerjasama yang mantap dan semakin kukuh menerusi pelbagai bidang yang menyumbang faedah bersama terutama kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan.

Perdagangan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand telah meningkat dari B\$ 429.6 juta pada tahun 1996 kepada B\$ 1.194 bilion pada tahun 2000.

Eksport Negara Brunei Darussalam ke Thailand kira-kira \$1.115 bilion di mana B\$1.114 bilion daripadanya merupakan eksport minyak.

Pada tahun yang sama, import dari Thailand berjumlah lebih B\$ 79 juta. Dari bulan Januari hingga November 2001, eksport negara ke Thailand bernilai B\$724.9 juta dan jumlah import negara kira-kira B\$1.32 juta.

Antara barangan import Negara Brunei Darussalam dari Thailand termasuk produk-produk makanan, barang-barang mentah, barang buatan, mesin dan perkakas kenderaan, manakala Thailand pula mengimport minyak mentah dan barang-barang perkilangan.

Bagi merangsang pelaburan, kedua-dua buah negara telah menandatangani tiga perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) sempena keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 22 Ogos 2002.

MOU itu termasuk perjanjian di antara Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Dana Pencen Kerajaan Thailand (GPF); BIA dengan Biz (Biz) Dimension Company Limited Thailand.

Perjanjian juga dimekari di antara Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Kementerian Kewangan Brunei dengan Chia Meng Group (Chia Meng) Thailand.

Hubungan mesra sejak menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada tahun 1984, kedua-dua buah negara terus giat mempertingkatkan dan memperkukuhkan pelbagai kerjasama dalam konteks

Laporan Samle Hj Jait dari Bangkok Gambar-gambar oleh Hj.Masmaleh HMA

yang lebih meluas dan mendalam.

Usaha itu bukan saja merapatkan hubungan kedua-dua buah negara malah rakyat kedua-dua buah negara juga dapat mengintip manfaatnya.

Kerjasama dalam bidang penerangan dan penyiaran yang ditandatangani bersama pada tahun 2001 itu menyediakan interaksi yang lebih luas di kalangan agensi-agensi penyiaran dan penerangan kedua-dua buah negara.

Dalam bidang pendidikan, setiap tahun, Negara Brunei Darussalam telah menawarkan biasiswa kepada rakyat Thailand kepada institut pengajian tinggi di negara ini termasuk Universiti Brunei Darussalam, Institusi Teknologi Brunei dan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah.

Kedua-dua buah negara juga mengadakan kerjasama dua hala menerusi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Angkatan Tentera Diraja Thailand (RTAF) menerusi pertukaran lawatan pada peringkat tertinggi pemerintahan tentera, lawatan angkatan tentera laut di samping menyertai kejo-hanan, bengkel dan simposium anjuran kedua-dua buah negara.

Kerjasama pelbagai bidang itu menyediakan banyak peluang kepada rakyat Thailand bekerja di sini. Pada tahun 2001 saja, Jabatan Imigresen telah mencatatkan kira-kira 7,764 rakyat Thailand bekerja di pelbagai sektor swasta terutama pada bidang pembinaan, kuari, perkilangan, pertanian, perdagangan, perhotelan, restoran, kewangan dan perkhidmatan insurans.

Mesyuarat dua hala tumpu kerjasama praktikal kedua-dua negara

BANGKOK, 31 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda mesyuarat dua hala kebanyakan tertumpu kepada kerjasama praktikal di antara kedua-dua buah negara.

Namun begitu Brunei dan Thailand tidak boleh menge-nepikan fakta dua buah negara adalah sebahagian daripada sebuah rantau dan anggota sebuah pertubuhan serantau.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian di penutup Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand di The Oriental Hotel.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, seperti yang dimaklumi anggota ASEAN semakin lebih saling bergantung antara satu sama lain dan ASEAN memaklumi betapa pentingnya para anggota sentiasa bermuakarah sesama sendiri dengan merancang masa depan mereka sebagai rakan kongsi.

"Begitu juga halnya seperti Suruhajaya Bersama Brunei-Thailand setiap usaha tidak dapat diasingkan daripada semua yang melibatkan ASEAN. Dalam kata lain sebarang usaha negara individu sentiasa melibatkan dua pihak hingga ke tahap persetujuan dua hala seperti Suruhajaya Bersama," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menambah sabda, pertama sekali ialah persoalan bagaimana hubungan dua hala yang baik dan membina dapat membantu rakyat sendiri.

Namun dengan mempertingkatkan keamatan hubungan dalam ASEAN, timbul lagi satu persoalan penting. Apakah sumbangan yang dapat dibuat oleh perjanjian dua hala seperti itu kepada rantau keseluruhannya terutama sekali dalam menempuh cabaran-cabaran baru, baik di Asia Tenggara mahupun dunia sejangat.

"Apatah lagi tanggapan yang tersebar luas di kalangan masyarakat seluruh dunia bahawa dunia ini semakin berpecah-belah," Duli Yang Teramat Mulia melahirkan pengharapan usaha kerjasama melalui Suruhajaya Bersama Brunei-Thailand menunjukkan kepada rakyat masing-masing bahawa negara-negara di Asia Tenggara tidak terdapat jurang berbeza sama sekali.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berharap agar Suruhajaya Bersama dapat menghantar mesej bahawa dua buah negara cuma membantu satu sama lain.

Menyentuh mengenai integrasi masa depan negara-negara ASEAN, Duli Yang Teramat Mulia berharap supaya para anggota cuba menerapkan makna yang sejati kepada rakyatnya mengambil langkah yang positif.

Memandangkan kepada aspek praktikal Brunei dan Thailand

menjalin hubungan kerjasama yang erat dan bersepadu dalam banyak bidang, salah satu daripada matlamat Suruhajaya Bersama ialah bagaimana dua buah negara dapat membina usaha-usaha tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia khususnya merujuk kepada kerjasama di bidang pertahanan, pendidikan, penerangan dan aktiviti-aktiviti sosial dan kebudayaan.

"Mekanisme untuk melaksanakan sudah wujud di depan mata, jadi tujuan utama di sini ialah untuk mengukuhkannya lagi dan memastikan ianya melambatkan keperluan rakyat masing-masing di bawah syarat-syarat yang ditentukan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia memandangkan hubungan Brunei-Thailand sebagai sebahagian daripada usaha ke atas seluruh rantau untuk memperkembangkan pembangunan ekonomi terutama menerusi perdagangan dan pelaburan.

Seperti halnya, Duli Yang Teramat Mulia bersabda di tempat-tempat lain di dunia situasi yang dihadapi adalah situasi yang dinamik, justeru Brunei-Thailand hendaklah bersedia menempuh semua perubahan dan pergolakan dalam ekonomi moden.

Duli Yang Teramat Mulia dalam perbincangan bersama Tuan Yang Terutama telah merasa gembira apabila mesyuarat telah memberi tumpuan khusus ke atas perdagangan dan pelaburan.

Dalam konteks ini, Thailand

adalah rakan yang sangat penting kepada Brunei seluruhnya dari peringkat asas.

Lebih 16 ribu tenaga buruh di Negara Brunei Darussalam adalah warga Thailand, sementara negara Thailand merupakan pembekal nombor satu beras kepada rakyat Brunei, selain membekalkan keperluan makanan asas.

Rakyat Brunei memilih Thailand sebagai destinasi utama pelancongan dan perniagaan. Duli Yang Teramat Mulia turut gembira melihat usaha Suruhajaya Bersama ini menekankan kepentingan semua isu yang membabitkan latihan teknikal, hal-ehwal buruh, perbantuan, pelaburan, hubungan sektor swasta, pembangunan industri malah semua bentuk kerjasama yang menjurus kepada rakan kongsi ekonomi yang moden dan produktif.

Duli Yang Teramat Mulia juga menghargai sumbangan khas Thailand kepada perbincangan, pengalaman dan kepakaran Tuan Yang Terutama serta Perdana Menteri Thailand dan semua pegawai kerajaan yang lain.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Thailand menikmati kejayaan dalam banyak urusan di tahun yang akan datang di peringkat antarabangsa dan serantau serta berharap membawa kejayaan yang membina dan menggalakan delegasi Thailand ke Brunei di Mesyuarat Suruhajaya Bersama yang akan datang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, TYT Dr. Durakiart Sathirathai semasa menandatangani Persetujuan Minit Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Negara Brunei Darussalam dan Thailand.



DYTM semasa menghadiri Mesyuarat Pertama Suruhajaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand di The Oriental Hotel.

Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala Brunei-Thailand

Kedua delegasi nyatakan rasa puas hati

Brunei - Thailand teroka bidang kerjasama baru

Laporan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Haji Masmaleh HMA

BANGKOK, 31 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkecuali berangkat ke Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand di The Oriental Hotel di sini, pagi tadi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Embassy Room dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirathai, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya beredar ke Embassy Room bersama Tuan Yang Terutama bagi mengadakan perjumpaan muhibah.

Mesyuarat yang diadakan dalam suasana mesra dan semangat persahabatan itu dimulakan dengan kata alu-aluan oleh ketua delegasi tuan rumah dan seterusnya sabda pembukaan Duli Yang Teramat Mulia yang juga mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam.

Semasa mesyuarat, kedua-dua ketua delegasi telah turut menyatakan rasa puas hati di atas usaha bagi meningkatkan hubungan yang lebih rapat sam-bil giat meneroka bidang-bidang kerjasama yang memberikan keuntungan kedua-dua buah negara.

Di akhir mesyuarat, Duli Yang Teramat Mulia

dan Tuan Yang Terutama menandatangani Minit Persetujuan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama bagi mewakili kerajaan masing-masing.

Pada sebelah tengah hari, Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama di The Normandie Oriental, Bangkok.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan juga dihadiri sama oleh Khunying Dr. Suthawan Sathirathai, isteri Tuan Yang Terutama.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus Haji Md. Hussien, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand.

Sempena mesyuarat itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat bagi mengadakan kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Dr. Thaksin Shinawatra di Government House.

Pada sebelah malamnya Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat mengadakan kunjungan kepada Putera Mahkota Thailand, Yang Teramat Mulia Putera Maha Vajiralongkorn di Sukhrai Palace.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengadakan kunjungan kepada YTM Putera Maha Vajiralongkorn, Putera Mahkota Thailand, di Sukhrai Palace.



MESRA ... DYTm bersama Perdana Menteri Thailand, TYT Leftenan Kolonel Dr. Thaksin Shinawatra di Majlis Kunjung Muhibah di Government House.

BANGKOK, 31 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Thailand sama-sama menghargai dan melahirkan rasa puas hati wujudnya hubungan rapat dan mesra yang dijalin oleh kedua-dua buah negara.

Perkara itu dijelaskan dalam Kenyataan Bersama di akhir Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand di The Oriental Hotel, hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat bagi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam.

Sementara, delegasi Thailand diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Dr. Surakiart Sathirathai.

Mesyuarat penuh signifikan kedua-dua belah pihak itu berlangsung dalam suasana atmosfera persahabatan dan semangat persahabatan yang sangat ketara.

Kedua-dua ketua delegasi telah menghargai dan melahirkan rasa puas hati wujudnya hubungan rapat dan mesra hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

Kedua-dua belah pihak memutuskan untuk meningkatkan lebih jauh mengenai kerjasama dua hala yang sedia ada dan meneroka bidang-bidang baru yang memberikan keuntungan kedua-dua belah pihak sam-

bil mengiktiraf Suruhanjaya Bersama merupakan mekanisme untuk menyelia semua aspek kerjasama dua hala dan bagi mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti di antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi.

Mesyuarat kali pertama itu juga menandakan bagi memperingati ulang tahun ke-12 penubuhan hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand.

Penubuhan Suruhanjaya Bersama itu merupakan hasil keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Thailand pada bulan Mei 1998.

Kemudian, Negara Brunei Darussalam dan Thailand bersetuju menandatangani Memorandum Persefahaman bagi penubuhan Suruhanjaya Bersama berkenaan pada bulan September 1999 di New York.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menandatangani bagi mewakili Negara Brunei Darussalam, sementara bekas Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Tuan Yang Terutama Surin Pitsuwan menandatangani bagi pihak Thailand.



MAJLIS Makan Tengah Hari selepas Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand.



TYT Dr. Surakiart Sathirathai, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand semasa hadir di Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Thailand di The Oriental Hotel.

ARENA SUKAN



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim menyampaikan pingat kepada pemenang acara kayak. - Gambar oleh Hamadi HM.

Skuad kayuh Daerah Brunei-Muara sapu bersih pingat emas

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mac. - Skuad kayak Daerah Brunei dan Muara menyapu bersih enam pingat emas di Kejohanan Lumba Kayak Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VI di Peranginan Sungai Damuan.

Kejohanan yang hanya disertai oleh pasukan Da-

erah Brunei dan Muara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Daerah Temburong dibahagikan kepada enam kategori termasuk acara 1,000 meter seorang pendayung, 1,000 meter dua pendayung, 200 meter seorang pendayung, 200 meter dua pendayung, 500 meter seorang pendayung dan 500 meter dua pendayung.

Aksi cemerlang skuad tanpa saingan itu mula bersinar menerusi acara 1,000 meter dua pendayung apabila pasangan adik-beradik, Hassan dan Morni berjaya mencatat masa 4:45 saat untuk menduduki di tempat pertama yang dikoroti rapat oleh rakan sepasukan, Fauzi Shah Ladi dan Raimi Osman yang mengutip pingat gangsa.

Ariffin Haji Zainal pula menambah pingat emas Brunei-Muara selepas mendayung konsisten acara 1,000 meter perseorangan dengan catatan masa lima minit. Morni pula meraih pingat gangsa sekalipun menerima saingan oleh Koperah Sharimey dari pasukan ABDB yang akur mengutip gangsa.

Skuad Brunei-Muara terus bersinar menerusi

Hassan yang berganding dengan Morni dalam acara 500 meter dua pendayung. Md. Sharol Haji Latif dan Ibrahim juga berpuas hati mengutip perak selepas cuma tewas sesaat di belakang rakan mereka.

Ariffin yang pernah mewakili negara dalam Kejohanan Kayak Asia Tenggara di Malaysia kembali cemerlang untuk meraih pi-

ngat emas pada acara 500 meter seorang pendayung kemudian membantu abangnya, Hassan untuk menjuarai acara 200 meter dua pendayung dengan catatan 43 saat.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin menyempurnakan pingat-pingat kepada pemenang.



ARIFFIN sumbang emas acara kayak kepada kontinjen Daerah Brunei-Muara. - Gambar oleh Hamadi HM.

Skuad basikal Tutong buktikan kehebatan

SKUAD basikal Tutong membuktikan kehebatan selepas meraih kesemua pingat emas, perak dan gangsa dalam acara menurun bukit MTB di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar di hari kedua Pesta Sukan Kebangsaan 23 Mac lalu.

Kemenangan skuad itu diperolehi menerusi Raihan Haji Abdul Aziz yang mencatat 2'05"52 saat yang juga diberi saingan hebat oleh rakan, Masri Matassan yang cuma ketinggalan 9 saat, sementara Samri Rosli juga tidak kecewa di tempat ketiga sekalipun hanya berjaya mencatat 2'08"95 saat.

Kejohanan itu disertai oleh 10 pelumba untuk bersaing memberi masa terbaik menurun bukit sejauh 1.4 kilometer.

Sementara itu dalam acara rentas desa MTB pula menyaksikan pelumba Pasukan Polis Diraja Brunei, Chung Kwei Ming ternyata tidak mahu kecewa dengan menampilkan kayuhan konsisten sehingga berjaya meraih pingat emas mencatat 1:49'36"66 saat dalam lapan pusingan.

Pelumba Tutong, Mohd. Shafie yang juga mahu menggendang pingat emas

seperti rakannya terpaksa berpuas hati di tempat kedua setelah hanya mampu mencatat 1:52'31"85 saat yang kemudiannya dikoroti oleh peserta dari Temburong, Sonadey Abdul Jalil untuk mengutip gangsa.

Awal dari itu, Mohd. Arbe Shadatul Farrani Ariffin menjadi peserta pertama Pesta Sukan Kebangsaan menjulang pingat emas menerusi acara basikal uji masa perseorangan di hari pertama kejohanan.

Pelumba dari Daerah Tutong itu berjaya mencatat masa 1:03'16"41 saat setelah menafikan Reduan Yusof dan Haji Herman Haji Timbang yang masing-masing hanya



mampu mengutip pingat perak dan gangsa.

Lumba basikal akan diteruskan dengan acara Kriterium di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, sementara acara lebuhraya pula bermula di Stadium Negara Hassanal Bolkiah menuju Jalan Tutong. Lebuhraya Tutong-Muara dan berakhir di stadium berlangsung pada 28 Mac.



PESEDITA acara Mountain Bike Rentas Desa dan Downhill sempena Pesta Sukan Kebangsaan 2003 ketika berlepas. - Gambar oleh Hamadi HM.

PDB leburkan impian Brunei - Muara

GADONG. - Skuad takraw Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berjaya memecah tradisi kejuaraan sepak takraw apabila berjaya meleburkan pasukan Brunei dan Muara di perlawanan akhir sepak takraw berpasukan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VI di Dewan Kompleks Sukan Mengliat, Gadong 25 Mac lalu.

Pertemuan sengit dalam perebutan pingat emas itu menyaksikan berbalas libasan dan ancaman servis kencang kedua pasukan, namun aksi berhati-hati regu pertama PDB

Oleh Samle HJ

berjaya melengkapkan kedua set dengan kiraan 21-18 dan 21-17.

Aksi rejamam tajam dan tidak banyak membuat kesilapan membantu regu kedua skuad PDB menceraikan peluang sekalipun menerima tentangan pemain pengalaman kebangsaan yang membarisi pasukan Brunei-Muara.

PDB berpesta dengan ke-

menangan 21-18 dan 22-20 untuk menggendang emas, sementara pasukan Brunei-Muara hanya berpuas hati dengan kutipan perak selepas kurang bernaib baik setelah memberi persaingan yang hebat.

"Kita telah menyaksikan perlawanan oleh dua pasukan yang berbeza penampilan," jelas Jurulatih Sepak Takraw Kebangsaan Bahagian Pembangunan, Awang Ismail Atan sejurus tamatnya perlawanan akhir.

Katanya, PDB nampak bermain dalam satu pasukan dan perancangan yang teratur berbanding barisan Brunei-Muara yang memiliki pemain-pemain yang sudah berpengalaman mewakili negara.

Menurutnya, persiapan, kemandirian dan semangat memberi kelebihan kepada PDB berjaya memecah tradisi jaguh sepak takraw yang sering diungguli oleh pasukan Brunei-Muara.

Bagaimanapun, jurulatih itu merasa bangga barisan

Brunei-Muara yang menerima cabaran dapat memberi tentangan hebat dan mempamerkan persembahan yang bermutu tinggi sekalipun hanya terpaksa berpuas hati mengutip pingat perak dalam acara berpasukan.

Pasukan Temburong dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pula masing-masing menambah pingat gangsa dalam acara berkenaan.

Sementara itu, pasukan Brunei-Muara akhirnya berjaya menebus kehampaan

dalam acara regu akhir selepas menundukkan pasukan ABDB dalam pertemuan yang penuh debaran dan aksi berbalas rejamam kedua-dua pasukan.

Sekalipun perlawanan mengheret sehingga ke pusingan ketiga, ABDB terpaksa melepaskan pingat emas pada saat-saat akhir dengan kiraan 21-16, 19-21 dan 16-17.

Skuad polis yang cemerlang dalam acara berpasukan bagaimanapun berpuas hati mengutip pingat gangsa bersama-sama pasukan Belait.

Oleh Samle HJ

menggendang pingat emas selepas membuat pasukan pukulan 231 keseluruhan menerusi kutipan 79, 75 mata dan mempamerkan aksi terbaik dengan pukulan 77 pada hari terakhir sekali gus mengalahkan peserta Brunei-Muara, Haji Abdul Majid Ahmad dan rakan sepasukan, Danny Tan.

Namun, Haji Khalid pula tidak melepaskan pingat emas untuk pasukan Tutong pada acara nett perseorangan selepas memulakan cabaran hari pertama dengan 64 pukulan sekalipun terpaksa melepaskan 70 pukulan pada hari kedua dan 71 pada hari penutup sekali gus mencatat 205 pukulan keseluruhan.

Shahbandi Abdul Halim wakil dari Daerah Brunei dan Muara pula di tempat kedua dengan 209 pukulan keseluruhan, sementara peserta dari Persatuan Bank-Bank, Andrew Young pula hanya berpuas hati mengutip gangsa.

Pasukan nett dari Brunei Muara pula tidak mengahampakan selepas merampas pingat emas sekalipun Pasukan Syarikat Minyak Brunei Shell dan Tutong memberi cabaran hebat tetapi kedua pasukan itu hanya mampu membawa pulang pingat perak dan gangsa.

Raih 2 emas acara golf

SKUAD golf Kuala Belait berjaya menyumbang dua pingat emas yang diperolehi melalui acara gross perseorangan dan berpasukan di Kejohanan Golf Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-VI di Kelab Golf Penaga, Setia 23 Mac lalu.

Kecemerlangan pasukan Belait yang menguasai acara gross itu bagaimanapun dicabar oleh pemain-pemain Brunei-Muara dan Tutong mengambil giliran menjuarai dalam acara nett perseorangan dan berpasukan.

Pemain dari Kuala Belait, Mitchell Leong lebih awal memberi amaran untuk

ARENA SUKAN

Kontinjen Daerah Belait perlu bertekad untuk menang

KUALA BELAIT, 19 Mac. - Kontinjen Daerah Belait perlu menanamkan tekad dan azam kesukanan bagi mencapai kemenangan bukan hanya sekadar menyertai sahsaja, kata Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah.

Pegawai Daerah Belait

Oleh
Dk. Hjh Saidah PHOA

berkata falsafah sekadar untuk menyertai sahsaja disebabkan daerah lain juga turut sama menyertai adalah tidak tepat dan sudah tidak re-

levan lagi diguna pakai malah boleh membuka jalan menuju kekalahan.

"Jika itu tujuannya lebih sesuai untuk menyertai sukan ria sahaja yang sememangnya sukan seumpama itu bertujuan untuk hiburan dan penyertaan semata-mata," katanya memberi rangsangan kepada kon-

tinjen Daerah Belait yang akan menyertai Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VI di Majlis Perjumpaan dan Penyertaan Bendera Kontinjen Daerah Belait yang diadakan di Dewan Utama Kompleks Sukan Mumong di sini.

Menurut beliau jika hala tuju mereka untuk menang dan yakin untuk mendapat kemenangan bermakna mereka sudah hampir kepada mendaki kemenangan sebaliknya jika bertanding sekadar untuk turut serta dan tidak ada tekad dan keyakinan untuk menang bermakna mereka sudah melangkah ke belakang untuk menghampiri kekalahan.

Oleh itu beliau yakin atlet Daerah Belait telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan tekun serta tabah menghadapi pertandingan yang bakal mereka sertai. "Sertailah Pesta Sukan Kebangsaan dengan tekad dan semangat juang yang tinggi serta keyakinan diri akan berjaya," saran Pegawai Daerah.

Peserta kontinjen berke-naan akan menyertai 13 acara dari 15 acara yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, badminton, bola keranjang, bola tampar, sepak takraw, hoki, lumba basikal, ping pong, pencak silat, lumba perahu, golf dan olah raga.

Pesta Sukan Kebangsaan bertujuan bagi projek pembangunan sukan jangka panjang dan berterusan Jabatan Belia dan Sukan di samping meningkatkan usaha sama dan persafahaman di kalangan agensi kerajaan, persatuan sukan kebangsaan dan syarikat swasta dalam meningkatkan mutu sukan negara.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menyerahkan bendera Kontinjen Daerah Belait kepada Ketua Kontinjen, Awang Haji Ali Mat Yassin. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Pasukan pesilat Polis dianugerahkan hadiah terbaik

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 25 Mac. - Pasukan pesilat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dianugerahkan penerima dua hadiah terbaik bagi pasukan tatatertib dan pengurus terbaik di malam penutup Pertandingan Pencak Silat Pesta Sukan Kebangsaan malam tadi.

Pertandingan pencak silat yang berlangsung selama tiga hari menyaksikan persembahan yang sederhana sama ada dalam acara tanding mahupun seni bela diri.

Acara pencak silat merupakan salah satu acara sukan yang mempunyai banyak peminat dan sering menyumbang pingat bagi negara dalam mana-mana kejohanan sukan serantau mahupun antarabangsa kini memerlukan perhatian dan penggilapan para atlet-atletnya.

Ini terserlah apabila mutu persembahan atlet-atlet yang menyertai Pesta Sukan Kebangsaan tahun ini kurang memberangsangkan sama ada dari segi taktik, teknik, stamina mahupun penglibatan atlet itu sendiri.

Namun pujian patut juga diberikan kepada para atlet muda yang menyertai pesta sukan itu kerana mempunyai semangat dan minat sukan yang begitu tinggi.

Menurut peserta Daerah Belait yang pernah mewakili negara di pertandingan dunia tahun lalu sekali gus memenangi pingat emas bagi kelas C lelaki, Mohd. Benny Boey menyatakan keyakinannya untuk memenangi perlawanan sekalipun mempunyai atur cara latihan yang kurang teratur setelah menewaskan peserta PDB, Haji Zulazmi yang sememangnya memberikan tentangan yang jitu.

Akan tetapi galakan yang berterusan perlu juga diberikan umpamanya PDB, Ak. Md. Khairul Alimin dan Mohd. Hardy Jarriq pesilat dari Daerah Belait yang masing-masing memperolehi pingat emas dan perak bagi kelas A lelaki yang nyata mempunyai bakat untuk dikembangkan di masa hadapan.

Walau bagaimanapun kemunculan dua pesilat ke peringkat akhir bagi kelas B lelaki antara Mohd. Azrin dari Daerah Brunei-Muara yang memenangi pingat emas dan Haji Asrol Bakhtiar dari Daerah Tutong, pingat perak mampu menambah bilangan atlet negara yang berpotensi untuk kejohanan yang akan datang jika diberi peluang untuk mengikuti latihan yang teratur dan sistematik setelah mempamerkan keupayaan mereka masing-masing di perlawanan akhir.

Sebaliknya penyertaan atlet wanita dalam pertandingan ini tidak harus dicitikan malah mereka juga pernah mengharumkan nama negara sebagaimana yang dilakukan oleh pesilat negara Umi Kalthum di Sukan SEA.



AKSI perlawanan silat Pesta Sukan Kebangsaan 2003. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh itu bakat muda seperti Siti Nuraminah dari Daerah Brunei-Muara yang berjaya mengutip pingat emas bagi kelas A perempuan yang menewaskan pesilat Daerah Tutong, Sofia Asliwati Teo yang memungut pingat perak serta beberapa orang atlet wanita muda mampu mengembalikan kegemilangan dan diberi latihan yang cukup teratur.

Bagi kelas D lelaki, pingat emas dimenangi oleh pesilat Daerah Belait menerusi Mohd. Ridzuan dan pingat perak oleh Abd. Malik dan gangsa dipungut oleh Salmi dari Daerah Tutong.

Manakala pemenang pingat emas bagi kelas E lelaki, dimenangi oleh Mohd. Amin dari Daerah Brunei-Muara, pingat perak oleh Mohd. Azrin dari Daerah Belait dan pingat gangsa oleh Haslin dari Daerah Tutong.

Bagi kelas F lelaki, Johan Pintar dari Daerah Belait yang menundukkan Ak. Hj. Mohd. Yusni dari Daerah Brunei-Muara di peringkat separuh akhir dengan mudah mengutip

pingat emas setelah lawannya dari Daerah Tutong gagal menghadirkan diri sekalipun mendapat kedudukan menanti.

Kelas G lelaki, pingat emas jatuh kepada pesilat Daerah Brunei-Muara; perak, Daerah Tutong dan gangsa jatuh kepada Daerah Belait dan kelas I dimenangi oleh Daerah Brunei-Muara dan perak oleh Daerah Tutong.

Dalam kategori wanita sebanyak empat acara dipertandingkan di mana bagi kelas B hanya dua peserta yang menyertai pertandingan ini. Pingat emas bagi acara ini dimenangi oleh pesilat dari Daerah Brunei-Muara menerusi Siti Julianah dan pingat perak dipungut oleh Hajah Nooraini dari Daerah Belait dan bagi kelas C pingat emas dimenangi oleh Norain dari Daerah Brunei dan Muara dan pingat perak oleh Hajah Norhamizah dari Daerah Tutong, manakala bagi kelas D pingat emas dikutip oleh peserta Daerah Brunei dan Muara dan pingat perak oleh pesilat Daerah Tutong.

Pecutan pelumba senior mencabar pelumba muda

Oleh
Haji Ahmad HS

KAYUHAN dan pecutan pelumba senior ternyata masih kuat dan sukar disaingi oleh pelumba junior, ini jelas apabila Abdullah Asgar bekas pelumba kebangsaan memenangi pecutan mata (sprint point) Perlumbaan MTB Cabaran Kriteria anjuran Persatuan Lumba Basikal Daerah Tutong siri kedua.

Pecutan beliau yang semakin mantap membuatkan pelumba-pelumba junior

tersentak kerana tidak menyangka seusia beliau boleh membuat pecutan sedemikian hinggalah dapat memintas para peserta jauh lebih muda darinya.

Beliau memenangi dua pecutan dari tiga yang disediakan oleh penganjur namun terlepas peluang untuk merangkul juara keseluruhan yang disandang oleh Reduan Yusop.

Namun pada mata pecutan beliau hanya diekori oleh Muhd. Shafie Haji Othman di tempat kedua, sementara Muhd. Ariffin Hashim di tempat ketiga.

Juara keseluruhan Reduan Yusop yang juga bekas pelumba kebangsaan tidak me-

ngenepikan kayuhan rakan-nya itu masih kuat kerana menurutnya beliau sudah lama menceburi diri dalam sukan lumba basikal dan menjalani latihan berterusan.

Berada di tempat kedua keseluruhan ialah Raihan Abd. Aziz, Radwan Haji Abang Katril di tempat ketiga dan Mohd. Halid Sata menduduki tempat keempat.

Sementara juara bagi kategori veteran 40 tahun ke atas ialah Mahadi Abd. Latif, manakala Ibrahim Haji Johor kedua dan Haji Zainal Haji Sulaiman ketiga.

Perlumbaan 15 pusingan itu dengan tiga mata pecutan pada pusingan ke-6, 9 dan 12 melainkan veteran yang tiada pecutan berjaya menarik minat lebih 70 peserta dari seluruh daerah termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Perlumbaan yang bermula dan berakhir di Dewan Kemasyarakatan Tutong merupakan sesi kedua sebelum semua peserta akan bertarung sekali lagi di Pesta Sukan Kebangsaan 2003 nanti.

Sementara pada 13 April Persatuan Lumba Basikal Daerah Tutong akan mengadakan ekspedisi berbasikal terbuka seluruh daerah bersempena ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-19.



PERLUMBAAN MTB Cabaran Kriteria anjuran Persatuan Lumba Basikal Daerah Tutong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha semasa berkenan menerima mengadap Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, isteri Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Datin Hajah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof, isteri Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz, Pemerintah ABDB yang menamatkan perkhidmatan.

Kebawah DYMM Raja Isteri terima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hari ini berkenan menerima mengadap Dayang Hajah Kalshom binti Haji Suhaili, isteri Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang baru dan Datin Hajah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof, isteri Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz yang menamatkan perkhidmatan. Majlis itu berlangsung di Istana Nurul Iman.

Baginda juga berkenan menerima mengadap secara berasingan Puan Sunanta Niyomyath, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sunthon Niyomyath.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mengurniakan hadiah kepada Nur Qasrina Taruna, juara Pertandingan Bintang Kecil RTB/Kristal 2003. - Gambar oleh Hamadi HM.

YTM Pg. Muda 'Abdul Mateen berkenan kurniakan hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mac. - Nur Qasrina Taruna munculkan sebagai johan Pertandingan Akhir Bintang Kecil RTB/Kristal 2003.

Nur Qasrina yang mendendangkan lagu 'Mawar Oh Mawar' telah berjaya membawa pulang hadiah kemenangan bersama piala iringan dan wang tunai \$1,300.00 setelah menewaskan sembilan finalis yang lain dengan memperoleh 85 peratus.

Berangkat menyaksikan dan seterusnya mengurniakan hadiah-hadiah kemenangan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sementara tempat kedua telah dimenangi oleh Nurul

Oleh
Abu Bakar HAR

Huda Fadilah yang mendendangkan lagu 'Oh Tuhan' dan diiktiraf tempat ketiga Mohd. Hazwan dengan lagu 'Oh Teman'.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing menerima hadiah \$1,000.00 dan \$800.00 bersama piala iringan. Sementara pemenang pakaian terbaik dimenangi oleh Nurul Amalina Muntill yang membawakan lagu 'Doa'.

Pertandingan yang dihasratkan bagi mencungkil bakat kanak-kanak merupakan aktiviti tahunan RTB sejak lebih 20 tahun yang lalu dan kini banyak melahirkan artis-artis tempatan yang berbakat.

Lengkapkan kelulusan dengan dedikasi, pemedulian dalam perkhidmatan

Oleh Siti Aisah HS

BERAKAS, 29 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah bersabda bahawa kelulusan yang diperolehi hendaklah dilengkapi dedikasi dan pemedulian di dalam memberikan perkhidmatan masing-masing, terutama sekali kepada mereka yang memerlukan bantuan perubatan.

YTM bersabda demikian

di Majlis Konvokesyen Ke-9 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB) di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

YTM bersabda para graduan yang akan memulakan kerjaya selaku jururawat

seharusnya memberikan komitmen yang sewajarnya serta menajakkan tanggungjawab mereka dengan seikhlas hati semata-mata kerana Allah jua.

YTM juga menyeru para jururawat tempatan agar mengambil peluang untuk menghadiri persidangan-persidangan antaranya persidangan kejururawatan antarabangsa, bagi tujuan

menambahkan lagi ilmu pengetahuan serta profesionalisme di dalam bidang kejururawatan dan berkongsi maklumat dan pengalaman dengan rakan-rakan sejawat mereka dari dalam dan luar negara.

Di majlis tersebut, seramai 178 orang graduan menerima diploma dan sijil-sijil serta rencana kejururawatan dan perbidanan.

Dari muka 1

Dari MSPSBS baginda kemudian berangkat melawat ke Ibu Pejabat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), sebuah syarikat penerbangan kebangsaan yang sedang berkembang maju, mempunyai reputasi tinggi serta kecemerlangan perkhidmatan sejajar dengan perkembangan semasa.

Semasa keberangkatan itu, baginda diberikan sembah taklimat oleh Setiausaha Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Dato Paduka Haji Hazair yang juga selaku Pengerusi RBA.

RBA yang ditubuhkan

pada bulan November 1974 dengan dua buah pesawat Boeing 737-200 dan 84 pegawai dan kakitangan berjaya mengangkut 36,000 penumpang dari Bandar Seri Begawan ke Republik Singapura, Hong Kong, Kota Kinabalu dan Kuching setahun selepas itu.

RBA kemudian mengembangkan sayapnya ke Manila dan Bangkok (1976-1977), Kuala Lumpur (1981), Darwin (1983) dan Jakarta (1984).

Pesawat RBA ditambah dengan beberapa buah Boeing 757-200 dan 767-200 di samping penambahan krew kabin terdiri dari anak-anak tempatan termasuk dari negara-negara jiran.

Ketika ini destinasi RBA meliputi London, Frankfurt,

Kuwait, Dubai, Abu Dhabi, Jedah, Calcutta, Hong Kong, Shanghai, Taipei, Surabaya, Bali, Darwin, Perth dan Brisbane.

Sebagai tambahan kepada pesawat-pesawat yang ada dua buah Airbus 319 dijangka diterima sekitar bulan Ogos dan September tahun ini.

RBA juga mempunyai anak syarikat bagi memenuhi keperluan operasinya termasuk Syarikat Sajian Diraja Brunei (RBC), Mulaut Abattoir selain perancangan untuk membuka kedai bebas cukai di lapangan terbang.

Antara pencapaian RBA termasuklah Pemenang Anugerah World Leading First Class - dua tahun berturut-turut 1999-2002, Anugerah Kedua 'Best Inflight

Magazine' and Best Entertainment Guide Within The Magazine - Muhibah bagi tahun 2002 dan sebelumnya 1998, 1999 dan 2000.

RBA juga dicalonkan sebagai 'Best Airlines' dalam Anugerah PATA 1997 dan 'The Best Carrier To Middle East' Travel Weekly Globe Award 1998 selain menerima sijil Joint Aviation Requirement In Aircraft Operation Standard bagi 27 negara Eropah.

Kerumaiannya pekerja RBA kini sekitar 1,700 orang di mana 90 peratus terdiri dari anak-anak tempatan, manakala jumlah penumpang meningkat kepada 1,063,800 pada tahun 2001/2002 dengan jumlah kargo meningkat kepada 29,500,600 tan.

Penetapan jawatan Pengerusi, lantikan Timbalan Pengerusi, para Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pemangku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) ditetapkan menjadi Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Berhad.

Kementerian itu dalam siaran akhbarnya juga memak-

lumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Pengiran Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dilantik selaku Timbalan Pengerusi RBA. Baginda selanjutnya juga memperkenankan Pengarah-pengarah RBA yang baru seperti berikut:

1. Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan;

2. Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

3. Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim;

4. Dato Paduka Awang Haji Kani bin Haji Salleh dan

5. Awang Haji Alidi bin Haji Mahmud, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengarah Ganti.

Sehubungan lantikan-lantikan Pengarah-pengarah baru maka jawatan Penasihat RBA adalah ditiadakan.

Lantikan tersebut bermula hari ini 31 Mac 2003.



DATO Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.



PENGIRAN Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin.

PATUHI UNDANG-UNDANG JALAN RAYA BAGI KESELAMATAN BERSAMA

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah \$394 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi projek-projek meningkatkan sumber bekalan air negara.

Peruntukan itu memberikan keupayaan negara untuk mengeluarkan kira-kira 580 juta liter air bersih sehari berbanding 400 juta liter sehari dalam penghujung RKN Ke-7 lalu.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat di Majlis Pelancaran Rasmi Hari Air Sedunia di Kementerian berkenaan.

Katanya, negara menganggarkan keperluan kira-kira 485 juta liter sehari pada tahun 2015 dan ke arah itu beberapa projek sedang dan akan dilaksanakan.

Projek termasuk pembinaan empangan, loji-loji rawatan air, tangki-tangki takungan air dan penggantian paip-paip bekalan air.

"Beberapa kajian juga akan dijalankan bagi mengenal pasti sumber-sumber air yang berpotensi untuk dimajukan bagi jangka panjang dan langkah-langkah bersesuaian akan diambil untuk memastikan sumber-sumber berkenaan akan kekal dan tidak dicemari," jelas Yang Berhormat.

\$394 JUTA DISEDIAKAN UNTUK PROJEK BEKALAN AIR

Oleh Samle Hj. Jait

Beliau menambah, dalam jangka sepuluh tahun yang lalu, penggunaan air di negara ini telah

meningkat kira-kira 177 juta liter sehari kepada 337 juta liter sehari pada tahun 1991.

Sementara tahun 2001 pula merekodkan peningkatan sebanyak 91 peratus dalam masa 10 tahun, manakala penggunaan air dijangka akan terus meningkat lagi di masa akan datang dan akan menjangkau kepada 485 juta liter sehari pada tahun 2015.

Beliau menjelaskan penggunaan air 'per kapita' di negara ini adalah tinggi di rantau ini iaitu di tahap 450 liter setiap seorang sehari berbanding 200 liter setiap seorang sehari di Malaysia dan 168 liter setiap seorang sehari bagi Republik Singapura.

"Ini adalah satu perspektif yang membimbangkan, di mana penggunaan air kita adalah lebih dua kali ganda setiap orang berbanding dengan jiran terdekat kita," ujar Menteri Pembangunan.

Bekalan air bersih di Negara Brunei Darussalam telah menembusi hampir 100 peratus kepada penduduk di seluruh negara dengan penyaluran menurut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (W. H. O.).

Seluruh dunia ketika ini

mencatatkan anggaran lebih 1.0 bilion orang yang tidak mempunyai akses kepada air bersih dan dijangka akan meningkat kepada 2.6 bilion pada 2025 nanti.

Dari statistik yang dikeluarkan itu, Jawatan-kuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi hak-hak ekonomi, kebudayaan dan sosial telah mengisytiharkan akses kepada air adalah satu daripada hak kemanusiaan dengan menetapkan air adalah satu isu sosial dan kebudayaan dan bukan hanya komoditi ekonomi kebudayaan dan bukan hanya komoditi ekonomi.

Sambutan kali ini bertema 'Air Untuk Masa Hadapan' (Water For The Future) yang dihasratkan bagi memberi peringatan kepada semua betapa sumber air itu sangat berharga dan perlu bagi setiap individu mengambil langkah-langkah proaktif dan berterusan untuk memelihara serta meningkatkan kuantiti dan kualiti sumber air bagi kegunaan masa depan.

Ketika ini Negara Brunei Darussalam telah

mempunyai tujuh loji rawatan air termasuk Loji Rawatan Air Tasek, Loji Rawatan Air Layong, Loji Rawatan Air Seria, Loji Rawatan Air Sumbiling, Loji Rawatan Air Labi, Loji Rawatan Air Jubli Perak Bukit Barun dan Loji Rawatan Air Mengkabau.


Sementara itu, lima empangan dan babangan (barrage) yang beroperasi di negara ini ialah Empangan Tasek, Empangan Benutan, Empangan Mengkabau, Bangang Badas, Sungai Belait dan Babangan Sungai Tutong.

Loji Rawatan Air Mengkabau, Loji Rawatan Air Jubli Perak Bukit Barun dan Loji Rawatan Air Tasek masing-masing dipilih pemenang loji rawatan air terbaik pada tahun 2002-2003.

Sempena sambutan itu, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya telah mengadakan seminar yang menyentuh perkara yang berkenaan dengan bekalan air di Negara Brunei Darussalam yang berpanjangan dan mengenai sumber air di masa akan datang.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika menyaksikan pameran sempena Hari Air Sedunia sejurus melancarkannya. - Gambar oleh Halim HS.



JABATAN Perkhidmatan Air, JKR mengadakan seminar sempena Hari Air Sedunia (kiri). Sementara gambar kanan, di antara bahan-bahan yang dipamerkan sempena Hari Air Sedunia.

Sastera & Budaya

SINOPSIS

BAHASA ialah salah satu entiti kebudayaan. Bahasa digunakan untuk pelbagai tujuan. Nyanyian juga disampaikan melalui bahasa. Bahasa dalam nyanyian biasanya berbentuk puisi. Nyanyian ada juga kaitannya dengan adat resam dan kepercayaan.

PENGENALAN

Esei ini akan memfokuskan kepada bahasa dalam nyanyian dalam masyarakat Brunei. Dengan merujuk Kamus Dewan (1970 : 58), bahasa adalah sistem lambang-lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Maka bahasa itu adalah suatu sistem komunikasi. Dari sistem komunikasi yang digunakan maka manusia akan mempunyai hubungan sosial sama ada yang terjalat secara langsung atau tidak langsung dalam satu sistem sosial.

Bahasa ialah salah satu entiti kebudayaan. Dalam Kamus, kebudayaan ialah keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi). Dalam bidang antropologi, menurut E.B. Taylor mengemukakan bahawa kebudayaan itu ialah kompleks keseluruhan yang terkandung di dalamnya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, adat, undang-undang dan lain-lain kepandaian dan kebiasaan yang diperoleh dan diamalkan manusia sebagai anggota masyarakat (Muhammad Ariff Ahmad, 1991:13). Ini dapat dibuktikan bahawa bahasa ialah salah satu entiti kebudayaan kerana bahasa juga dihasilkan oleh manusia dan untuk keperluan (atau bagi memenuhi kehendak) manusia itu sendiri. Bahasa berkembang selaras dengan berkembangnya kebudayaan. Bahasa juga boleh memanifestasikan kehidupan budaya.

Bahasa digunakan untuk pelbagai tujuan. Salah satu tujuan bahasa ialah untuk berkomunikasi. Nyanyian juga disampaikan melalui bahasa. Bahasa yang digunakan dalam nyanyian merujuk kepada budaya masing-masing. Umpamanya nyanyian orang Melayu adalah merujuk kepada budaya Melayu, nyanyian orang Cina adalah merujuk kepada budaya Cina dan seumpamanya.

NYANYIAN ASLI BRUNEI

Bahasa dalam nyanyian mengikut bahasa yang dituturkan oleh puak-puak yang ada di Brunei. Bahasa puak-puak ini dikenali sebagai bahasa daerah kerana puak-puak berkenaan berasal dari kawasan luar bandar ataupun dari kawasan pedalaman (Peter Martin, 1992 : 62). Sebagai contoh puak Brunei akan menggunakan bahasa Melayu Brunei dalam nyanyian seperti lagu Bekayuh Menyiring Tunjung (Warisan Puisi Melayu Brunei, 1991 : 32). Antara senikatanya ialah:

Bekayuh menyiring tunjung
Keguguran buah lingsayang
Bekayuh mengaga tunang
Kedapatan menganyam bayung

Dari senikata itu, jika diteliti jelas menggunakan bahasa Melayu Brunei. Begitu juga dengan puak-puak yang lain akan menggunakan bahasa-bahasa dalam nyanyian bagi puak masing-masing.

Nyanyian tidak akan terhasil tanpa adanya bahasa. Bahasa dalam nyanyian adalah merujuk kepada lirik. Melalui lirik-lirik ini akan dapat mengetahui jenis-jenis nyanyian yang dicipta. Ada nyanyian yang berunsurkan percintaan, nasihat, kegembiraan dan seumpamanya. Maka lirik nyanyian merupakan 'non-material culture' atau budaya bukan benda.

Bahasa dalam nyanyian selalunya berbentuk puisi. Umpamanya nyanyian asli Brunei terhasil dalam bentuk puisi. Misalnya dalam nyanyian Lumut Lunting, antara rangkap pertama lagu itu ialah seperti berikut:

Lumut Lunting laut berambang
Pasang besar pun tiada karam
Pulau sejarah dongeng berkembang
Kisah purba bersabung ayam

Namun terdapat juga lirik-lirik nyanyian yang lebih berbentuk puisi. Sebagai misalnya ada lirik nyanyian mirip dengan bentuk syair. Bagaimanapun apabila dinyanyikan tidak melibatkan nada syair. Selain itu juga ada lirik berbentuk pantun. Namun apabila dinyanyikan tidak melibatkan nada pantun. Sebagai contoh Nyanyian Giling, Giling Kucapi (Warisan Puisi Melayu Brunei, 1990 : 30), antara liriknya ialah:

Giling, giling kucapi
Bebulu telinganya
Di mana si Kaling mati
Arah metuanya

Dari contoh di atas dapat kita lihat bahawa dalam rangkap yang pertama, penghujung ayat adalah berbentuk pantun namun jika dinyanyikan tidak akan melibatkan nada pantun.

Contoh lagu asli Brunei adalah seperti lagu Adai-Adai selalunya dinyanyikan oleh kaum nelayan sewaktu berada di dalam perahu ketika hendak menuju ke tempat penangkapan ikan (Rosni Haji Samli, 1992 : 28). Sebelum minyak ditorkai di Brunei, kebanyakan orang-orang Brunei bekerja sebagai nelayan. Dapat kita fikirkan bahawa lagu yang didendangkan kaum nelayan ini menandakan kegembiraan ketika mencari rezeki, tanda keamanan dan ketenangan dan juga tanpa disedari ia menghilangkan rasa penat dan mempunyai unsur-unsur bergotong-royong dalam menyanyikan lagu beramai-ramai.

NYANYIAN DAN MUZIK

Apabila kita membincangkan mengenai lirik, secara

Bahasa Dalam Nyanyian : Satu Tinjauan

OLEH
AWANGKU SUHARMAN
PENGIRAN TUAH

tidak langsung kita juga membincangkan mengenai muzik. Lirik nyanyian selalunya akan disertai dengan muzik. Sesuatu muzik ada rentak tertentu. Gabungan antara nyanyian dengan muzik dan rentak melahirkan keindahan yang berkait dengan sesuatu nyanyian itu. Nilai keindahan disebut sebagai estetika. Penghayatan mengenai estetika sesuatu nyanyian adalah tidak sama antara seorang dengan yang lain. Sebagai contoh lagu yang merdu yang dinyanyikan oleh seseorang tidak semestinya merdu bagi orang lain yang menyanyikannya. Aktiviti estetika bukan semata-mata bergantung kepada reaksi penikmat terhadap karya seni, malah kepada kemampuan penikmat untuk meletakkan penilaian kepada karya tersebut sama ada karya seni karya yang baik atau karya yang tidak baik (Hamidah Abdul Hamid, 1995 : 96).

Muzik-muzik dalam nyanyian tradisi Brunei ini akan sendirinya berkait dengan alat-alat muzik asli Brunei. Alat-alat muzik asli Brunei selalunya dicipta oleh masyarakat Brunei bagi keperluan masyarakat Brunei itu sendiri. Alat-alat muzik tradisi Brunei adalah seperti guling tangan, gong, beduk, tar dan seumpamanya. Dari alat-alat muzik inilah yang dapat memberi keaslian nyanyian-nyanyian asli Brunei itu sendiri.

NYANYIAN : KAITANNYA DENGAN KEPERCAYAAN DAN ADAT RESAM MASYARAKAT BRUNEI

Upacara persembahan yang terdapat di negara ini antaranya ialah 'berhantu' (puak Berunei), 'temaruk' (puak Dusun dan Bisaya), 'permainan bubu' (puak Kedayan) dan 'alai paddey' (puak Belait). (Purdarno Binchin, 1992 : 64). Nyanyian, tari dan muzik merupakan teras yang penting bagi menghidupkan suasana upacara persembahan. Sebagai contoh dalam permainan bubu, nyanyian dicipta dengan lirik-lirik yang tertentu bagi menghidupkan supaya bubu akan sendirinya menari.

Tujuan mengadakan upacara tersebut sebilangannya dipercayai untuk menjemput dan menjadikan makhluk-makhluk halus ke dalam setiap acara penting dalam kehidupan manusia. (Purdarno Binchin, 1992 : 64). Oleh yang demikian dapat kita fikirkan bahawa lirik yang dicipta dalam nyanyian adalah untuk diikuti. Sekiranya lirik-lirik dalam nyanyian permainan bubu itu diubah, nescaya bubu itu mungkin tidak akan menari.

Sebelum kedatangan Islam ke Brunei, terdapat juga nyanyian-nyanyian yang berunsurkan pemujaan. Antara lagu-lagu berunsurkan pemujaan seperti Anding Rimba. Nyanyian ini akan disertai dengan gerak tari yang unik sebagai permulaan bagi si bomoh untuk menghubungi kuasa ghaib atau hantu bagi meminta pertolongan mengubati orang sakit yang di dalam jagaan si bomoh itu (Rosni Haji Samli, 1990 : 29). Ini dapat kita fikirkan bahawa masyarakat dahulunya lebih merujuk kepada perkhidmatan bomoh disebabkan hospital atau klinik belum wujud. Selalunya bomoh akan memuja roh-roh dengan nyanyian yang tertentu. Bomoh akan menumpukan fikirannya ke alam lain dan berhubung terus kepada roh-roh yang dipuja. Antara lirik nyanyian Anding Rimba ialah:

Anding
Anding dida 2x
Ku dida anding 2x
Anding dida 2x
Dang main malai 2x

Walau bagaimanapun, nyanyian Anding Rimba tidak lagi diamalkan oleh masyarakat Brunei pada masa sekarang. Salah satu sebabnya ialah kedatangan Islam ke Brunei telah banyak mengubah kehidupan masyarakat Brunei.

Kewujudan nyanyian-nyanyian dalam masyarakat Brunei ada kaitannya dengan alat-alat muzik tradisi yang digunakan. Alat-alat muzik berkembang dengan kewujudan nyanyian-nyanyian yang dihasilkan oleh masyarakat Brunei. Nyata di sini bahawa masyarakat Brunei bukan sahaja mempunyai kognitif yang tinggi dalam mencipta lagu bahkan alat-alat muzik yang digunakan. Sebagai contoh dalam masyarakat Brunei pada masa dahulunya umpamanya dalam majlis perkahwinan, permainan hadrah mestilah ada.

Permainan hadrah adalah salah satu perkara yang penting bagi keluarga pengantin yang hendak berkahwin. Oleh yang demikian tar yang digunakan bagi permainan hadrah adalah budaya material (material culture) dan lagu-lagu yang dinyanyikan adalah budaya bukan material (non material culture). Dari sini terbukti bahawa budaya material wujud seiring dengan budaya bukan material bagi memenuhi keperluan hidup masyarakat Brunei.

Tidak dapat dinafikan terdapat juga peminjaman lagu-lagu yang dinyanyikan dalam permainan hadrah yang berasal dari Arab. Ini bermakna masyarakat Brunei telah melalui proses difusi dalam permainan hadrah.

Dalam bidang antropologi, proses difusi ialah untuk menerangkan proses perkembangan trait-trait budaya dari satu tempat ke satu tempat yang lain (Noraziz Selat, 1989 : 22).

NYANYIAN DAN PERUBAHANNYA

Nyanyian-nyanyian tradisi masyarakat Brunei telah melalui masa yang lama. Maka tidak dinafikan proses evolusi telah dilalui dalam nyanyian. Dalam bidang antropologi, 'evolusi' bermaksud perubahan dan kemajuan daripada satu peringkat ke satu peringkat yang lain yang telah dicapai oleh manusia (Noraziz Selat, 1989 : 32). Salah satu faktor yang membawa kepada proses evolusi ialah pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat Islam. Sebagai contoh nyanyian tradisi masyarakat Brunei iaitu Hala-Hela (Rosni Haji Samli, 1990 : 31), antara seni kata lagu itu ialah:

Hala-Hela
Ya illallah
Ya Muhammad
Darusulullah

Disebabkan senikata tersebut tidak sesuai maka diubah kepada:

Negeri Brunei aman sentosa
Rakyat hidup mewah dan
Bahagia

Perubahan ini adalah bagi menyesuaikan dengan lirik-lirik yang tidak elok dari pandangan

Islam. Selain itu juga dengan adanya kepercayaan Islam bagi masyarakat Brunei telah menghakisakan lagu-lagu yang ada kaitannya dengan kepercayaan-kepercayaan karut dan melanggar hukum Islam. Seperti upacara berhantu, upacara mengubati dengan menggunakan khidmat bomoh dan seumpamanya. Perubahan ini bukan saja disebabkan oleh adanya kepercayaan agama Islam tapi juga melalui pendidikan yang menyebabkan masyarakat Brunei berfikir dengan lebih realistik.

Entiti budaya terutamanya nyanyian asli tidak dapat mengekalkan identitinya. Sebagai contoh jati diri atau identiti asli akan terhakis sekiranya nyanyian asli Melayu dicampuradukkan dengan rentak yang bukan rentak asli nyanyian Melayu. Misalnya nyanyian Dong-dong Uma yang mempunyai rentak yang perlahan diubah kepada rentak yang lebih rancak misalnya rentak rock. Maka dengan sendirinya identiti nyanyian asli Brunei sudah hilang.

Selain itu muzik tradisi juga akan hilang identitinya sekiranya alat-alat muzik tradisional digantikan dengan alat-alat muzik moden seperti gitar, drum, piano dan sebagainya. Kehilangan identiti keaslian ini adalah disebabkan muzik tradisional berbeza dengan muzik moden. Sebagai contoh beduk selalunya dimainkan dengan nyanyian asli, sekiranya beduk itu diubah dan dimainkan bersama pukulan dram maka dengan sendirinya identiti keaslian pada nyanyian dan muzik telah terhakis.

Seperti mana dengan bahasa Melayu yang mengalami peminjaman dari bahasa asing begitu juga halnya dengan nyanyian yang mengalami peminjaman perbendaharaan kata. Cuma bezanya bahasa Melayu kekal sebagai bahasa Melayu (Abdullah Jumain Abu Samah, 1999 : 23).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dapatlah kita ketahui bahawa bahasa juga digunakan dalam nyanyian. Maka dengan sendirinya, menurut Dr Abdullah Jumain bahasa bukan sahaja merujuk kepada entiti linguistik atau language tapi juga konotasi yang berkait dengan sopan santun dan adat resam (Abdullah Jumain Abu Samah, 1999 : 16). Ini dapat dibuktikan bahawa bahasa yang digunakan dalam nyanyian merujuk kepada nilai-nilai budaya sesuatu masyarakat. Seperti nyanyian-nyanyian asli Brunei yang mempunyai kaitannya dengan kepercayaan dan adat resam.


Walaupun nyanyian asli Brunei tidak dapat mengekalkan identitinya namun tidak dapat dinafikan kewujudan nyanyian asli Brunei sebagai warisan tradisi bagi masyarakat Brunei itu sendiri. Maka dengan sendirinya warisan tradisi adalah menjadi teras kepada kebudayaan masyarakat Brunei. Selain itu dapat juga kita puji bahawa masyarakat Melayu Brunei mempunyai kognitif yang tinggi dalam mencipta lagu-lagu yang berirama asli.

Dapat kita rumuskan juga bahawa nyanyian asli banyak berkait dengan alat-alat muzik tradisi yang dicipta oleh masyarakat, selain itu ia juga berkait dengan kepercayaan dan adat resam. Oleh yang demikian nyanyian asli adalah salah satu entiti budaya dan berkait rapat dengan entiti-entiti budaya yang lain.

BIBLIOGRAFI

- Antologi Sastera ASEAN: Warisan Puisi Melayu Brunei 1991, Diterbitkan dengan bantuan The ASEAN Committee On Culture And Information.
- Abdullah Jumain Abu Samah (Dr), "Bahasa Melayu: Keutuhan dan Penakutannya", dalam Beriga, Oktober-Disember, 1999.
- Hamidah Abdul Hamid, Pengantar Estetik, Dewan Bahasa Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.
- Noraziz Selat, Konsep Asas Antropologi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989.
- Peter Martin, Penggunaan Bahasa Di Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal, dalam Beriga, Bilangan 32, Julai-September, 1991.
- Pudarno Binchin, "Masa Depan Seni Tradisional Dalam Sejarah Perkembangan Budaya Melayu", dalam Beriga, Bilangan 34, Januari-Mac, 1992.
- Rosni Haji Samli, Lagu-Lagu Asli Brunei, dalam Bahana, Bilangan 111, Jilid 25, 1990.
- Teuku Iskandar (Dr) [Penyunting], Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970.

APABILA kita membincangkan mengenai lirik, secara tidak langsung kita juga membincangkan mengenai muzik. Lirik nyanyian selalunya akan disertai dengan muzik. Sesuatu muzik ada rentak tertentu. Gabungan antara nyanyian dengan muzik dan rentak melahirkan keindahan yang berkait dengan sesuatu nyanyian itu. Nilai keindahan disebut sebagai estetika. Penghayatan mengenai estetika sesuatu nyanyian adalah tidak sama antara seorang dengan yang lain. Sebagai contoh lagu yang merdu yang dinyanyikan oleh seseorang tidak semestinya merdu bagi orang lain yang menyanyikannya. Aktiviti estetika bukan semata-mata bergantung kepada reaksi penikmat terhadap karya seni, malah kepada kemampuan penikmat untuk meletakkan penilaian kepada karya tersebut sama ada karya seni karya yang baik atau karya yang tidak baik (Hamidah Abdul Hamid, 1995 : 96).



Ikhlas merupakan roh atau jiwa suatu amal ibadat

benar sesuai dengan apa yang dikehendaki Allah Subhanahu Wataala iaitu dalam erti supaya dapat diterima lantaran keikhlasan kita, maka hendaklah kita perlu mempersiapkan dulu niat kita, iaitu kehendak hati, berucap melalui lisan yang merupakan penggerak jiwa untuk melaksanakan sesuatu yang dicintai. Dengan demikian, maka sesungguhnya niat itu menjadi dasar pokok dalam segala amal kita berdasarkan kepada keikhlasan seperti sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Bahawasanya segala perbuatan itu dengan niat

dan sesungguhnya bagi setiap perbuatan seorang itu menurut apa yang diniatkannya."

Dari hadis itu dapat kita fahami, bahawa setiap kerja dan perbuatan yang kita lakukan mesti disertai dengan niat. Untuk menjaga agar amal-amal itu terpuji di sisi Allah Subhanahu Wataala, maka hendaklah disertai niat yang ikhlas kerana Allah semata-mata, bukan kerana yang selainnya.

Apabila amal-amal yang kita perbuat tidak disertai dengan niat yang ikhlas, maka jadilah ia amal-an riyak iaitu melakukan amal-amal untuk memperoleh suatu

seperti pujian manusia dan sebagainya.

Oleh yang demikian amal-amal salih yang dilakukan hanya semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala akan membuahkan pahala baginya, jika dilakukan bukan kerana Allah Subhanahu Wataala iaitu amalan itu dilakukan kerana ada dorongan untuk manusia, harta, pangkat dan kedudukan, maka segala amalan itu tidak mendapat sebarang balasan dan menjadilah ia sia-sia.

Marilah kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, agar semua amal ibadat yang kita lakukan benar-benar menurut kehendak

Allah dan Rasul-Nya, yakni kita lakukan dengan penuh keikhlasan.

Semoga Allah sentiasa mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua dan mudah-mudahan kita selalu berada dalam perlindungan-Nya, sehingga kita menjadi orang yang benar-benar ikhlas dalam melaksanakan segala amalan dan termasuk ke dalam golongan orang-orang beruntung di Hari Akhirat amin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Kahfi ayat 110 yang tafsirannya:

"Katakan: Sesungguhnya aku ini hanya seorang manusia seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya Tuhan kamu itu adalah Tuhan Yang Esa, barang siapa mengharap pertemuan dengan Tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang salih dan janganlah ia mempersekutukan seorang pun dalam ibadat kepada Tuhannya."

MARILAH kita bertakwa dengan niat yang ikhlas kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, kerana dengan jalan bertakwa sahajalah kita akan selamat di dunia dan di akhirat, mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sebagai seorang mukmin kita hendaklah melaksanakan perintah-perintah Allah Subhanahu Wataala dan menjauhi larangan-larangan-Nya semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala. Bukan untuk selainnya, akan tetapi semata-mata kerana iman kepada Allah Subhanahu Wataala dan juga tidak luput dari berharap reda-Nya. Inilah yang dinamakan 'ikhlas'.

Ikhlas inilah yang merupakan sebab pokok bagi suatu amal atau ibadat seseorang yang mukmin dianggap baik dan diterima Allah, kerana itu ikhlas merupakan roh atau jiwa dari suatu amal ibadat. Adapun bentuk amal atau ibadat seseorang yang tidak disertai dengan ikhlas, maka Allah Subhanahu Wataala akan menolaknya. Hal ini sesuai dengan sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Allah tidak akan menerima suatu amal, melainkan amal yang bersih (ikhlas) semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala dan yang diharapkan daripadanya hanyalah keredaan-Nya."

Berbahagialah dan beruntunglah kita sebagai seorang mukmin apabila melaksanakan ibadat semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala, dan sia-sialah orang yang iba-

datnya tanpa disertai dengan keikhlasan. Demikianlah pula halnya jika seseorang itu berharap dalam beribadat kepada Allah, tetapi untuk sesuatu yang lain. Seperti kerana manusia, harta, pangkat, kedudukan dan lain-lainnya.

Jalan yang perlu kita tempuhi ialah bagaimana kita dapat beribadat dan beramal secara benar menurut pandangan Islam, sehingga apa yang kita amalkan selama ini dan yang akan datang tidak sia-sia belaka.

Benar dalam beribadat atau beramal adalah tiang pekerjaan dan merupakan sendi pokok atau jiwanya. Sedangkan yang dimaksudkan benar kerana Allah Subhanahu Wataala dalam ibadat ialah gerak atau tujuan yang lahir dari seorang mukmin secara bersama-sama dalam erti lahirnya semata-mata ikhlas kerana Allah Subhanahu Wataala.

Dengan kata lain tidak bermaksud atau memper-tontonkan segala amalan yang dilakukan kepada orang lain. Kerana amalan yang dikerjakan untuk memperlihatkan kepada orang lain itu adalah riyak namanya.

Untuk menjaga agar amal ibadat yang hendak kita lakukan itu benar-

BERBAHAGIALAH dan beruntunglah kita sebagai seorang mukmin apabila melaksanakan ibadat semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala, dan sia-sialah orang yang ibadatnya tanpa disertai dengan keikhlasan. Demikianlah pula halnya jika seseorang itu berharap dalam beribadat kepada Allah, tetapi untuk sesuatu yang lain. Seperti kerana manusia, harta, pangkat, kedudukan dan lain-lainnya.

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 30 محرم، 1424 برسمان دشن 2 افريل، 2003 هيڭك كهاري ثلاث، 6 صفر، 1424 برسمان دشن 8 افريل، 2003 اداله سفرت دباوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
محرم 30	12.26	3.26	6.30	7.39	4.53	5.03	6.19	6.42	الفريل 2
1 صفر	12.25	3.26	6.29	7.39	4.52	5.02	6.18	6.42	3
2	12.25	3.26	6.29	7.39	4.52	5.02	6.18	6.41	4
3	12.25	3.26	6.29	7.38	4.51	5.01	6.18	6.41	5
4	12.25	3.27	6.29	7.38	4.51	5.01	6.17	6.41	6
5	12.24	3.27	6.29	7.38	4.50	5.00	6.17	6.40	7
6	12.24	3.27	6.29	7.38	4.50	5.00	6.16	6.40	8

وقت ۲ سبهيخ باكي دائره توتوغ دمه ساتو مينيت دان دائره بلايت دمه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasabbihi Waman Walah.

UMAT Islam memang disarankan untuk sentiasa memperbanyak melakukan sembahyang-semahyang sunat. Sembahyang-semahyang sunat itu sebenarnya berperanan menampal segala kekurangan yang dilakukan ketika melakukan sembahyang-semahyang fardu.

Dengan memperbanyak melakukan ibadah sembahyang, seseorang hamba akan sentiasa berada dekat dengan Khaliknya kerana sembahyang itu menghubungkan di antara manusia dengan Allah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"(Kedudukan) yang paling dekat di antara hamba dan Tuhannya ialah ketika dia sujud (di dalam sembahyangnya) maka perbanyakkanlah doa." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Sembahyang-semahyang sunat itu ada yang telah ditetapkan waktu dan ada pula sembahyang-semahyang sunat yang tidak terhad waktunya iaitu boleh dilakukan bila-bila masa sama ada pada waktu malam atau siang. Di antara sembahyang-semahyang sunat itu ada hubungannya dengan sembahyang fardu seperti sembahyang sunat qabliyah dan ba'diyah. Ada juga sembahyang sunat yang disunatkan melakukannya kerana waktu yang tertentu seperti sembahyang Dhoha dan ada di antara sembahyang sunat yang dilakukan oleh sebab tertentu seperti sembahyang



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

gerhana matahari, gerhana bulan, kerana memulakan pelayaran atau balik dari pelayaran, hinggalah kepada sembahyang mutlak yang bukan bersebab dan berwaktu seperti sembahyang sunat Tasbeih dan lainnya.

Begitu banyak sekali sembahyang-semahyang sunat yang dianjurkan kepada kita melakukannya, yang patut kita ambil kesempatan atau peluang memanfaatkannya.

Akan tetapi ada beberapa waktu dan keadaan yang dilarang kita melakukan sembahyang-semahyang berkenaan. Walaupun secara umumnya, yang dilarang itu ialah sembahyang-semahyang sunat pada waktu-waktu tertentu, namun ada juga kalanya sembahyang fardu.

Waktu-waktu yang ditegah melakukan sembahyang

1. Bermula dari terbit matahari sehingga matahari naik tinggi kira-kira kadar satu tombak. Satu tombak itu adalah kira-kira kadarnya tujuh hasta paras ketinggian orang biasa dan satu hasta pula ialah kira-kira menyamai dengan lapan belas inci.

2. Waktu Istiwa iaitu waktu matahari berada di tengah-tengah langit sehingga gelincir matahari atau condong ke bawah (kecuali waktu istiwa pada hari Jumaat).

3. Waktu ketika matahari berwarna kekuning-kuningan sehingga tenggelam keseluruhan bulatan matahari itu di ufuk.

Ketiga-tiga waktu ini ada disebutkan di dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada 'Uqbah bin 'Amir Al-Juhani katanya yang maksudnya:

"Tiga waktu yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang kami bersembahyang dan mengebumikan mayat, iaitu ketika matahari naik sehingga tinggi, ketika matahari tegak (terpacak) sehingga gelincir dan ketika matahari hampir terbenam sehingga ia terbenam." (Hadis riwayat Imam Muslim).

Hadis di atas melarang bersembahyang dan mengebumikan mayat pada

Bilangan 156 Bahagian Pertama

ketiga-tiga waktu berkenaan.

4. Selepas sembahyang fardu Subuh iaitu bagi orang yang telah menuaikan sembahyang Subuh sehingga terbit matahari.

5. Selepas sembahyang fardu 'Asar sehingga terbenamnya matahari.

Diterangkan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri yang mengatakan bahawa dia telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tidak ada sembahyang selepas Subuh sehingga terbit matahari dan tidak ada sembahyang selepas Asar sehinggalah matahari terbenam." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

HUKUM MENUNAikan SEMBAHYANG PADA WAKTU-WAKTU TERSEBUT

Menurut pendapat yang mu'tamad dalam Mazhab Syafie bahawa hukum melakukan sembahyang pada waktu-waktu yang tersebut itu adalah makruh tahrim. (Mughni Al-Muhtaj: 1/128, Fathul 'Allam: 3/114, Fiqh al-

Islami wa Adillatuh: 1/520).

Makruh tahrim sebagai mana yang dijelaskan oleh pengarang Hasyiyah l'annah Thalibin dan pengarang Fathul 'Allam ialah hukum yang sabit dengan dalil yang zhanni dan boleh dibuat takwilan (andaian), berbeza dengan haram yang mana ia sabit dengan dalil qath'ie yang tidak boleh dibuat takwilan sama ada dalil itu daripada kitab atau sunnah atau ijmak ataupun qiyas. (l'annah Thalibin: 1/197, Fathul 'Allam: 3/114).

Ada juga pendapat ulama yang mengatakan bahawa hukumnya adalah makruh tanzih. Walau bagaimanapun sembahyang itu tetap tidak sah sebagaimana kata Al-Khatib Asy-Syarbini yang maknanya:

"Dan tidak sah sembahyang itu jika kita berpendapat bahawasanya hukumnya adalah makruh tahrim, dan begitu juga pada pendapat yang mengatakan bahawa hukumnya ada karahah tanzih menurut pendapat yang asah" (Mughni al-Muhtaj: 1/129).

MENYENGAJAKAN MENGAKHIRKAN SEMBAHYANG UNTUK DILAKUKAN PADA WAKTU-WAKTU MAKRUH

Berkata pengarang Fat-

hul Mu'in yang tafsirnya:

"Maka jika seseorang itu bermaksud (menyengajakan untuk mengakhiri) sembahyang yang bukan empunya waktu di dalam waktu makruh (mengerjakan sembahyang) kerana waktu itu adalah waktu makruh (sebagaimana yang telah diketahuinya) maka hukumnya adalah haram secara mutlak dan sembahyang itu tidak sah walaupun (menggada) sembahyang yang telah luput waktunya sekalipun wajib di qada dengan segera kerana dia telah menentang hukum syarak." (l'annah Thalibin: 1/199-200).

Berlainan halnya jika tujuan mengakhirkannya pada waktu makruh itu oleh sebab yang tertentu iaitu bukan dengan niat melakukannya pada waktu itu kerana waktu itu adalah waktu makruh seperti mengerjakan sembahyang Jenazah selepas sembahyang Asar kerana bertujuan supaya ramai jemaah bersembahyang, maka itu adalah diharuskan. (Lihat Hasyiyah l'annah Thalibin: 1/200).

Tidak termasuk di dalam larangan itu bagi sembahyang yang empunya waktu seperti mengakhiri sembahyang Asar sehingga matahari kekuning-kuningan.

BERSAMBUNG

Laksanakan tanggungjawab terhadap keluarga

ANTARA perkara yang boleh menyebabkan keluarga kucar-kacir ialah pengangguran. Seorang bapa yang mempunyai isteri dan anak-anak jika tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan tidak mahu berusaha untuk menjamin kehidupannya sehingga menyebabkan pula keluarganya kelaparan, tentulah akan menyebabkan keluarganya terdedah kepada kemelatan dan kemiskinan. Tidak mustahil pula anak-anak akan mudah melakukan jenayah hanya untuk mencari wang atau kesenangan yang tidak mampu diberikan oleh seorang bapa. Yang paling ditakuti ialah seorang bapa akan sanggup mengarahkan anak dan isterinya untuk mencari wang dengan cara yang tidak halal.

Dalam Islam, setiap orang diwajibkan bekerja untuk mencari nafkah dan sara hidupnya. Seorang bapa wajib menanggung nafkah anak dan isterinya. Oleh sebab itu, selagi terdasya seseorang itu tidak dibenarkan untuk berpeluk tubuh menunggu rezeki datang tanpa berusaha mencarinya.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari, daripada Anas Radiallahuanhu bahawa seorang Ansar telah datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu Baginda bertanya kepadanya: "Tidakkah ada sesuatu di dalam rumahmu?" Orang itu menjawab: "Ada, pakaian yang lusuh; sebahagiannya kami pakai dan sebahagiannya lagi kami jadikan hampan (tikar), dan kami juga mempunyai bekas yang kami gunakan untuk minum air." Rasulullah bersabda:

"Bawalah kedua barang itu kepadaku." Orang Ansar itu pun membawa kedua-dua barang tersebut kepada Baginda. Lalu Baginda mengambil kedua barang tersebut dengan tangannya, lalu ditunjukkan untuk dijual sambil Baginda bersabda: "Adakah sesiapa yang mahu membeli

Disedikan oleh
Siti Azizah binti Haji Musa

kedua-dua barang ini?" Berkata seorang: "Saya mahu membelinya dengan dua dirham." Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pun menjualkannya dengan dua dirham. Kemudian Baginda menyerahkan wang tersebut kepada orang Ansar itu sambil berpesan: "Pergilah beli makanan dengan duit satu dirham ini dan lekaslah kembali serta berikannya kepada isterimu. Yang satu dirham lagi engkau belikanlah kapak dan bawa ke mari." Orang Ansar itu pun membelilah kapak dan membawanya kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Nabi pun memasangkan kayu kepada kapak itu dan menyerahkannya kepada orang Ansar tersebut, sambil bersabda: "Ambilah kapak ini dan pergilah engkau mencari kayu, kemudian engkau juallah kayu tersebut dan jangan datang ke sini selama 15 hari." Orang

Ansar itu mematuhi arahan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Setelah berlalu 15 hari, dia datang menjumpai Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan membawa 10 dirham. Sebahagiannya gunakannya untuk membeli pakaian dan sebahagiannya lagi digunakannya untuk membeli makanan. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Cara begini adalah lebih baik bagimu daripada meminta-minta, kerana meminta-minta itu meninggalkan tanda di mukamu nanti di Hari Kiamat."

Dari hadis tersebut jelas sekali bahawa setiap suami atau ketua keluarga berkewajipan untuk berusaha gigih melakukan apa sahaja pekerjaan yang halal bagi menjamin kehidupan yang sempurna bagi keluarganya. Ia tidak boleh berpeluk tubuh dan membiarkan dirinya dan orang-orang yang di bawah tanggungannya meminta-minta dan sentiasa mengharapkan pemberian orang. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu

DALAM Islam, setiap orang diwajibkan bekerja untuk menampung perbelanjaan dan sara hidupnya. Seorang bapa wajib menanggung nafkah anak dan isterinya. Oleh sebab itu, selagi terdasya seseorang itu tidak dibenarkan untuk berpeluk tubuh menunggu rezeki datang tanpa berusaha mencarinya.

منوجوكر ريسان الله
Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

Daud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Cukuplah dosa yang dipikul oleh seseorang itu apabila ia menisai-siakan orang-orang yang di bawah tanggungannya."

Berusaha untuk mendapatkan rezeki yang halal adalah amat dituntut dalam Islam, terutama bagi orang yang mempunyai tanggungan keluarga. Dalam Al-Quran sendiri terdapat banyak ayat yang menganjurkan umat Islam supaya berusaha mencari rezeki yang halal. Antaranya firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qashash ayat 73, tafsirannya:

"Dan di antara rahmat pemberian-Nya, ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti), supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan juga supaya kamu bersyukur."

Kesimpulannya, dalam apa jua keadaan sekalipun, ketua keluarga wajib menyediakan nafkah untuk orang yang di bawah tanggungannya. Oleh itu, ia hendaklah mencari jalan dan bersemangat tinggi untuk memperbaiki keadaan hidupnya dan keluarganya.

Task Force pantau SARS ditubuhkan

BERAKAS, 19 Mac. - Kementerian Kesihatan telah menubuhkan 'Task Force' peringkat nasional bagi memantau perkembangan dan mengambil tindakan yang bersesuaian dari jangkitan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam sidang akhbar di kementerian berkenaan.

"Task Force" yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan merupakan satu langkah segera Kementerian Kesihatan bagi memantau sindrom berkenaan dari merebak ke negara ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan telah menafikan berhubung dengan berita yang tersebar yang menyatakan terdapat satu kes SARS yang disyaki dirawat di wad pengasing di hospital di negara ini.

"Setakat itu tidak ada kes-kes klinikal yang serupa yang dilaporkan di negara ini," jelas Yang Berhormat menafikan laporan agensi berita luar negara dan penyebaran melalui internet yang dikelu-

Oleh Samle HJ

arkan hari ini.

Katanya, pihak Kementerian Kesihatan telah menyasat mengenai perkara tersebut dan mendapati bahawa pesakit yang dimaksudkan bukan menghidap penyakit SARS seperti yang diberitakan.

"Memandangkan punca wabak penyakit itu belum lagi ketahu, Kementerian Kesihatan sentiasa berwaspada mengenai perkembangan wabak ini dan telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi pencegahan," jelas Menteri Kesihatan.

Antara langkah yang diambil ialah mengendalikannya surveilans terhadap kes-kes yang disyaki khususnya di kalangan mereka yang telah mengunjungi kawasan-kawasan yang terjejas, memberi nasihat kesihatan kepada pelancong, menyediakan pelan-pelan tindakan bagi menangani sebarang kesan sama ada di Lapangan Terbang Antarabangsa, di Pusat Kesihatan dan hospital.

Kementerian Kesihatan juga mengambil langkah bagi memastikan bekalan ubat-ubatan, peralatan perubatan dan keperluan yang lain mencukupi.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Yang Berhormat menasihati orang ramai supaya tidak mengunjungi

kawasan-kawasan yang terlibat seperti di Hanoi, Viet Nam, Hongkong SARS dan China Selatan buat sementara waktu kecuali jika benar-benar perlu.

Bagaimanapun mereka yang tidak dapat menagih perjalanan ke kawasan berkenaan dinasihatkan agar mengelakkan

dari kawasan yang sesak dan mempertingkatkan daya ketahanan diri dari jangkitan dengan memastikan rehat yang mencukupi, pemakanan yang sempurna dan beriadah.

Sejak 18 Mac, seramai 219 kes SARS telah dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia dari kawasan-kawasan yang

terjejas.

SARS adalah penyakit berjangkit radang paru-paru luar biasa (atypical pneumonia) yang menjangkiti dari seorang ke seorang hanya melalui hubungan rapat dengan kes.

Sejauh ini tiada bukti bahawa penyakit ini men-

jangkiti melalui hubungan biasa dan pada masa ini juga belum terdapat sebarang vaksin atau ubat khusus bagi pencegahan jangkitan penyakit itu.

Bagi mereka yang mengunjungi kawasan-kawasan yang terjejas, jika sekiranya terdapat tanda-tanda penyakit dalam masa dua minggu kebelakangan, se-

perti suhu panas badan yang tinggi tiba-tiba, simptom pernafasan termasuk batuk, sesak nafas atau kesukaran bernafas adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di hospital yang berdekatan.



MENTERI Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar ketika menjelaskan penubuhan Task Force SARS semasa sidang akhbar yang berlangsung di kementerian tersebut. - Gambar oleh Mohd Zul-Izzi HD.

DOTS strategi rawatan penyakit tibi berkesan

Oleh Sahari Akim

456 kes SARS dilaporkan di beberapa negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mac. - Seramai 456 kes termasuk 17 kematian telah pun dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengikut maklumat terkini akibat wabak Sindrom Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang mulanya berlaku di Hong Kong SAR dan Hanoi, Viet Nam.

Negara-negara yang terlibat di mana terdapatnya penyebaran penyakit secara tempatan termasuklah Kanada, Hong Kong SAR, Republik Singapura, Taiwan China dan Viet Nam.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, kes tersebut juga telah dilaporkan di Perancis, Jerman, Itali, Republik Ireland, Spain, Switzerland, Thailand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Sehubungan itu Kementerian Kesihatan negara ini sentiasa berwaspada mengenai perkembangan wabak tersebut khususnya kes yang dilaporkan dan memantau kejadian penyakit di negara-negara di mana penyebaran secara tempatan berlaku.

Oleh Sahari Akim

Memandangkan jumlah kes yang dilaporkan dan merebaknya wabak penyakit ini dengan cepat ke negara-negara lain melalui pendedahan pelancong maka Kementerian Kesihatan telah meneliti semula nasihat terdahulu mengenai tempat-tempat yang dilarang dikunjungi buat sementara waktu.

Sebagai langkah berjaga-jaga orang ramai dinasihatkan supaya tidak mengunjungi kawasan di mana penyebaran penyakit secara tempatan terus meningkat iaitu Hanoi, Viet Nam, Hong Kong SAR, Selatan China dan sebagai tambahan Republik Singapura, kecuali benar-benar perlu.

Bagi mereka yang mengunjungi kawasan-kawasan terjejas dan sekiranya terdapat tanda-tanda penyakit dalam masa dua minggu kebelakangan, seperti suhu badan yang panas dengan tiba-tiba, simptom pernafasan termasuk batuk, sesak nafas atau kesukaran bernafas adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera di Jabatan Kemalangan dan

Kecemasan di hospital yang berdekatan.

Kementerian Kesihatan juga memaklumkan kepada orang ramai bahawa setakat ini tidak ada kes-kes yang serupa dilaporkan di negara ini dan kementerian tersebut akan sentiasa mengawasi perkembangan wabak penyakit itu mengikut tatacara pencegahan dan pengawasan penyakit berjangkit.

Kementerian Kesihatan juga merakamkan penghargaan kepada orang ramai dan agensi-agensi berkenaan atas kerjasama yang dihulurkan dalam pelaksanaan aktiviti pengawasan atau surveilans kes SARS.

Sokongan padu dan kerjasama berterusan adalah amat diperlukan dalam usaha semua pihak untuk mencegah wabak SARS dari merebak ke negara ini dan bagi perlindungan kesihatan awam.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah berhubung terus kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan melalui talian 2382755/-2382041/2382044/2381640 sambungan 7701/02/10/7693/7686.

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mac. - Strategi pengesanan dan rawatan penyakit tibi melalui DOTS yakni rawatan dengan pengawasan rapat secara jangka pendek terbukti sangat berkesan bagi menyembuhkan penyakit tersebut dalam masa enam bulan.

Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan semua lima komponen DOTS iaitu komitmen kerajaan bagi pengawasan penyakit tibi; pemeriksaan mikroskop bagi pengesanan kes tibi; pengawasan rapat rawatan kes yang dikesan; pembekalan ubat-ubatan yang mencukupi dan berterusan kepada pesakit tibi dan piawai melapor dan mencatatkan semua kes tibi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar menyatakan perkara tersebut dalam perutusan sempena Hari Tibi Sedunia 2003 bertepatan 'Penghidap Penyakit Tibi' dengan slogan 'DOTS Menyembuhkan Saya - Ianya

Juga Akan Menyembuhkan Awda'.

Menurut Yang Berhormat, pada tahun 2002 seramai 220 kes penyakit tibi telah dilaporkan di mana 62 peratus terdiri dari penduduk tempatan. Bagaimanapun penyakit tersebut di kalangan kanak-kanak berumur di bawah 14 tahun tidak menjadi masalah kesihatan awam di negara ini.

Walau bagaimanapun, di peringkat umur 15 tahun ke atas, penyakit tibi meningkat mengikut umur dengan menjangkiti lelaki 55 peratus lebih banyak dari perempuan.

Dalam hal tersebut Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan usaha dalam menangani penyakit tibi di negara ini bagi memastikan supaya penyakit itu sentiasa terkawal dan tidak mengancam kesihatan awam, kata Menteri Kesihatan.

Program Penyakit Tibi Kebangsaan telah dilancarkan pada tahun 2000 bertujuan mengawal penyakit itu melalui pendekatan secara integrasi melalui langkah-langkah pencegahan dan pengawasan

program termasuk suntikan BCG, pengesanan, kesedaran dan penglibatan masyarakat selain latihan kepada kakitangan paramedik dan perubatan dalam pengurusan penyakit tersebut.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, penyakit tibi telah membunuh dua juta orang setiap tahun di seluruh dunia di mana kira-kira 30 peratus penduduk dunia ketika ini dijangkiti tibi menyebabkan bebanan besar di Selatan Asia Tenggara dengan tiga juta kes setiap tahun dan 1.5 juta setahun di Sahara Afrika.

Sementara itu antara tahun 2000 hingga 2020, dianggarkan hampir 1,000 juta orang akan dijangkiti, 200 juta akan jatuh sakit dan 35 juta orang akan meninggal dunia akibat penyakit tibi jika pengawalannya tidak ditingkatkan.

Golongan yang mudah dijangkiti penyakit tibi ialah orang-orang yang tidak mempunyai tempat tinggal, pesakit HIV/AIDS, penduduk setinggan dan orang-orang pelarian.

Majlis Ramah Mesra 2003 anjurkan Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar

Kampung Sungai Akar, 21 Mac. - Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar telah mengadakan Majlis Ramah Mesra 2003 bagi para penduduknya bertempat di kawasan rumah Ketua Kampung.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada seramai tujuh orang anak-anak yatim di kampung tersebut.

Tetamu kehormat di majlis itu, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman yang antara lain mengingatkan para penduduk agar mengekalkan

Berita dan gambar sumbangan Timbalan Setiausaha MPK Sungai Akar

keharmonian dan perpaduan di kalangan mereka, di samping mengucapkan tahniah di atas kejayaan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung mengadakan majlis yang berkebaikan tersebut.

Majlis Ramah Mesra juga diserikan dengan pelbagai aktiviti dan pertandingan seperti Peraduan Kraf Tangan, Memasak, Mewarna Lukisan bagi kanak-kanak berumur 12 tahun kebawah, Membaca Syair, Karaoke di samping

cabutan nombor bertuah.

Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Abdul Malek bin Haji Ali Ahmad selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyeru para penduduk berkenaan agar mengekalkan semangat kejiranan, perpaduan, kerjasama di samping prihatin terhadap apa jua aktiviti yang dapat membantu mengekalkan keharmonian dan saling hormat-menghormati di kalangan mereka.

Majlis Ramah Mesra merupakan projek tahunan Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Idris bin Haji Belaman (dua dari kanan) ketika hadir di Majlis Ramah Mesra 2003 anjurkan Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah ketika menyertai Peraduan Mewarna Lukisan di majlis tersebut.

BIASISWA CHEVENING QUEEN ELIZABETH 2003

PEJABAT Luar dan Komanwel dengan kerjasama Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd., LNG Sdn. Bhd., Cable & Wireless College, UK CfBT Education Services (B) Sdn. Bhd. & MBDA, menawarkan empat buah biasiswa kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, dalam satu skim berprestij bagi program lepasan ijazah (postgraduate) sepenuh masa di United Kingdom.

Siapakah Yang Layak Memohon?

Pemimpin masa depan yang dapat menunjukkan:

- * Komitmen untuk kembali bekerja di Brunei
- * Calon-calon yang berjaya berusia di antara 25 hingga 40 tahun
- * Mempunyai motivasi dan kesungguhan
- * Bercita-cita tinggi dan berdaya kepimpinan
- * Mempunyai keperibadian yang mantap
- * Mempunyai rekod akademik yang baik

Apakah yang terkandung dalam biasiswa?

- * Bayaran yuran sepenuhnya
- * Elaun penghidupan bulanan
- * Elaun buku dan pakaian musim sejuk
- * Tiket pergi/balik ke UK
- * Berjumlah 17,000 pounds bagi kesemua program

Bagaimana Memohon?

- * Borang permohonan boleh diperolehi daripada pejabat British Council dan CfBT
- * Atau hubungi The Office Manager, British Council, 2nd Floor, Block D, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan T +673 2 237 742 sambungan 21 F +673 2 237 392 council.org

Tarikh tutup permohonan:
Hari Jumaat, 18 April 2003

Temu duga akan diadakan pada bulan April 2003.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Sikap bertanggungjawab dan telus penting dalam kerja berpasukan

SIKAP bertanggungjawab dan telus adalah sikap yang sangat penting dan berguna dalam apa juga pun. Sikap ini malah sangat diambil berat terutama sekali dalam bekerja. Tanpa sikap bertanggungjawab dan telus berkemungkinan sesuatu kerja itu akan mendapat kekurangan dan boleh mendatangkan masalah. Apatah lagi dalam kehidupan yang serba canggih ini kita memerlukan sikap yang boleh membawa kepada kesejahteraan di dalam bekerja.

Di dalam kerja berpasukan khususnya kita hendaklah mempunyai sikap dan sifat yang terpuji dalam sama-sama menjayakan kerja yang dibuat. Salah satu sikap yang patut ada dan penting dalam kerja berpasukan ialah sikap bertanggungjawab dan telus.

Sikap ini amatlah diperlukan supaya kerja yang dilakukan itu dapat dibuat dengan baik. Kerja

berpasukan ialah seperti anggota polis, tentera, bomba dan lainnya. Selain kerja berpasukan yang menggunakan uniform, kerja berpasukan juga boleh dikatakan kerja yang diberi itu memerlukan kerjasama di antara satu sama lain seperti kerja berkumpulan dan berniaga.

Oleh itu, kita memerlukan orang yang bertanggungjawab, jika tidak, kerja yang dibuat itu akan mendapat masalah. Dalam kerja berpasukan kita seharusnya bertanggungjawab dan telus terhadap kerja yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab kepada kita. Sikap bertanggungjawab dan telus akan dapat membawa kejayaan di dalam kerja berpasukan. Sesuatu kerja itu tidak akan mendapat kesempurnaan ataupun kejayaan yang baik jika ada salah seorang daripada pekerja dalam berpasukan itu hanya membuat kerja sambil lewa.

**MINDA Pembaca yang terpilih minggu ini
daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu
'Sikap Bertanggungjawab dan Telus Penting
Dalam Kerja Berpasukan'.**

**Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00.
Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

Jikalau tidak ada sikap bertanggungjawab dan telus dalam kerja berpasukan ia juga boleh membawa kemarahan dan ketidakpuasan hati dalam diri seseorang yang dengannya membuat kerja itu. Di sini akan terdapatlah sikap suka mementingkan diri sendiri dan merenggangkan hubungan sesama sendiri. Sebagai umat Islam kita seharusnya bekerjasama di dalam kerja berpasukan.

Oleh yang demikian, kita haruslah mendidik diri kita dan belajar mempunyai sikap bertanggung-

jawab dan telus apatah lagi jika kita bekerja dalam berpasukan. Sikap ini amatlah diperlukan supaya kerja yang dibuat dan dilakukan itu mendatangkan kejayaan keamanan pada diri kita dan yang sepasukan dengan kita. Sikap bertanggungjawab dan telus bukan hanya ada dalam kerja berpasukan malahan juga kerja secara individu.

**Suhaibul bin Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampung Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-296033.**

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Kebersihan Persekitaran Tanggungjawab Kita'. Tarikh tutup 5 April 2003.
2. 'Air Sumber Kehidupan'. Tarikh tutup 12 April 2003.
3. 'Peranan Ibu Bapa Sangat Penting Dalam Mendidik Anak-anak'. Tarikh tutup 19 April 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn**

REMAJA

Remaja perlu menjaga maruah agama, bangsa dan negara

OLEH H.A. MANAP

REMAJA perlu menjaga maruah agama, bangsa dan negara satu kalimat yang memiliki pelbagai pengertian yang menunjang ke arah tanggungjawab. Tanggungjawab yang terpikul di atas bahu para belia dan remaja kita. Ini kerana masyarakat belia remaja merupakan kelompok masyarakat yang inginkan perubahan dan perkembangan bagi memenuhi tuntutan zaman dan era globalisasi. Melalui arus yang ada masa kini kehidupan generasi belia remaja sudah semakin tercabar dengan pelbagai perkembangan dan perubahan yang dikatakan sebagai kemajuan yang akan memimpin dalam mencorakkan kehidupan belia remaja.

Oleh kerana golongan ini merupakan anggota masyarakat yang rapuh dan mudah pula terpengaruh makanya adalah perlu setiap generasi belia remaja itu dibekalkan dengan bekalan yang menajadi utap dalam menghadapi kehidupan.

Pendidikan beragama, pendidikan akhlak dan pendidikan bernegara merupakan satu keperluan yang tidak boleh diabaikan, kerana merupakan asas atau dasar yang akan membantu menjadi pertahanan diri dalam arus dan percaturan kehidupan. Memang tidak semua yang direncanakan kita akan boleh mewujudkan generasi belia remaja yang pada keseluruhannya memiliki kriteria diri untuk dijadikan sebagai generasi pelengkap negara iaitu yang mampu bergerak sebagai perisai masyarakat. Kualiti berpenanan dalam menentukan generasi bagaimana yang akan dilahirkan sebagai utap masyarakat.

Untuk membentuk kualiti tersebut perlu kepada beberapa faktor yang menyumbang ke arah pembentuk sedemikian ini. Di antaranya yang boleh dijadikan sebagai resapi ialah membekalkan mereka dengan daya tahan diri, pendirian yang kukuh dan tidak mudah goyah dihipit pengaruh kehidupan, memahirkan keilmuan, memantapkan

ketakwaan dan mengukuhkan tindakan. Sebenarnya bukan sedikit yang boleh dijadikan resapi ke arah mewujudkan generasi belia yang mampu menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Mesejnya agak mudah difahami, belia remaja perlu kepada rasa tanggungjawab yang tinggi.

'Sense of responsibility' ini perlu wujud supaya tanggungjawab yang dipikulkan tidak menjadi beban lantaran ketidakupayaan belia remaja melaksanakannya. Menjaga maruah agama bukannya suatu yang boleh disukat dengan nilai yang rendah, sederhana dan sebagainya. Lantaran ia perlu kepada generasi belia remaja yang benar-benar mempunyai kekuatan diri dalam beragama, berilmu dalam keagamaan, berkemahiran dalam mempraktikkan ilmu dan meneliti keilmuan dengan tekun dan dedikasi di bidangnya.

Kalau ini yang ada maka akan terpikul di bahu mereka tanggungjawab besar yang insya-Allah akan terjaga dari pencemaran dan kotak-katik kehidupan yang memesongkan. Kerana itu menjaga maruah agama perlu kepada identiti yang tidak mudah terpengaruh atau dipengaruhi. Belia remaja perlu tampil seagai 'role model' yang memperlihatkan keindahan pendidikan agama yang terpancar dari budi bicara akhlak dan cara kehidupan yang dilalui. Justeru, jika ini menjadi pakaian dalam kehidupan insya-Allah tidak ada sebab kenapa belia remaja tidak mampu untuk menjaga maruah agama.

Jika maruah agama sudah terjaga maka akan terbentuklah juga rasa tanggungjawab terhadap bangsa dan negara, Skop dan kesedaran sedemikian ini tidak mungkin akan lahir dari generasi belia remaja itu, jika tidak digabungkan dengan rasa kekuatan iman, takwa dan pendidikan akhlak

yang tinggi. Cara berfikir yang dihiasi dengan kehalusan akhlak yang berpaksikan pendidikan agama juga merupakan aset penting yang akan membantu generasi belia remaja itu berperanan untuk menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Tidak mungkin juga akan tercapai jika setakat membentuk generasi belia remaja itu dengan pengisian keagamaan, jika cara berfikir masih disempitkan dengan kotak pemikiran yang tidak berkembang. Kerana itu di samping memiliki ciri-ciri pendidikan keagamaan yang kuat, cara berfikir pula perlu dikembangkan ke satu arah yang mewujudkan pembinaan diri yang berwibawa. Unsur

PENDIDIKAN beragama, pendidikan akhlak dan pendidikan bernegara merupakan satu keperluan yang tidak boleh diabaikan, kerana merupakan asas atau dasar yang akan membantu menjadi pertahanan diri dalam arus dan percaturan kehidupan. Memang tidak semua yang direncanakan kita akan boleh mewujudkan generasi belia remaja yang pada keseluruhannya memiliki kriteria diri untuk dijadikan sebagai generasi pelengkap negara iaitu yang mampu bergerak sebagai perisai masyarakat.

wibawa inilah yang menentukan juga sejauh mana kekuatan belia remaja itu berperanan untuk menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Kelemahan sifat dan sikap diri, kemalasan menggali ilmu dan meningkatkan daya kemahiran, kelembapan berfikir dan tidak proaktif tidak akan mampu untuk membina ketahanan diri yang dapat dijadikan sebagai pelengkap kekuatan mental, kekuatan iman dan takwa.

Pergaulan yang sihat juga perlu diambil kira dalam menentukan kualiti daya fikir dan ketrampilan diri. Jika pergaulan merupakan suatu yang terhad dan tidak berkembang ke arah yang positif, ini juga tidak mungkin dapat membantu mengangkat kekuatan diri. Kelemahan inilah yang akan memudahkan pengaruh dan gejala sosial yang tidak sihat menyerang dan meracuni pemikiran, ketrampilan diri dan cara bertindak generasi belia remaja itu. Jika ini sudah terjadi kita akan hanya dapat melahirkan generasi belia remaja yang pasif tidak aktif, tidak sensitif sekali gus mewujudkan keadaan yang tidak akan dapat menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Dari sini akan bermulalah suatu kehancuran yang akan menular menjadi penyakit sosial yang merosakkan dan merobek kekuatan kehidupan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara yang akhirnya akan membawa kepada keadaan yang amat parah iaitu kelemahan mempertahankan maruah agama. Oleh yang demikian belia remaja perlu menjadi generasi belia remaja yang kuat dan tahan uji, berilmu dan berpendidikan yang sihat dan menjadi generasi belia remaja yang kukuh pendirian beragama.

Jika ini yang lahir kita akan memiliki generasi belia remaja yang mampu menjaga maruah agama, bangsa dan negara dan tidak akan mudah terikut-ikut dengan suasana tetapi mensuasanakan keadaan dengan cara dan corak yang indah dan menarik dari unsur takwa dan iman yang luhur.

MKJB adakan Minggu Promosi Kursus Kejuruteraan

Oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 17 Mac. - Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB) telah mengadakan Minggu Promosi Kursus Kejuruteraan buat pertama kali selama empat hari bagi kunjungan orang ramai terutama pelajar lepasan sekolah menengah dan maktab yang berminat dalam bidang teknikal mengetahui lebih lanjut kursus-kursus yang ditawarkan di maktab berkenaan dan kelayakan yang diperlukan.

Kursus-kursus yang ditawarkan itu bagi pengambilan bulan Julai tahun ini. Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Pemangku Pengetua maktab tersebut, Cikgu Nazamsah bin Haji Ibrahim berkata lebih 1,000 borang kursus bagi pengambilan bulan Julai tahun

ini telah diterima. Bagaimanapun dijangkakan lebih 400 pelajar akan menyertai kursus-kursus yang ditawarkan dan daripada jumlah tersebut sekurang-kurangnya 100 pemohon terdiri daripada pelajar baru.

Beliau menerangkan pada tahun ini sebanyak 20 kursus Sijil Perdagangan Kebangsaan Gred 2, Pra Diploma Kebangsaan dan Diploma Kebangsaan termasuk Kursus Pengajian Teknikal dan Vokasional Brunei Darussalam dan Kejuruteraan Automotif yang baru diperkenalkan tahun ini.

Di antara kelayakan bagi mengikuti kursus Pra Diploma Kebangsaan dalam jurusan Kejuruteraan Automotif ialah lulus dalam Tingkatan 4 dan 5 dalam empat mata pelajaran GCE 'O' Level iaitu Matematik, Fizik, Kimia dan Bahasa Inggeris atau mempunyai Sijil Perdagangan Gred 2 dalam jurusan Mekanik Motor Kenderaan. Selain itu kursus Pra Diploma Kebangsaan dalam bidang Komputer dan Elektrikal juga ditawarkan.

Cikgu Nazamsah menambah, melalui Minggu Promosi tersebut akan memberikan kefahaman lebih meluas kepada orang ramai terutama ibu bapa dan pelajar itu sendiri mengenai kursus yang layak mereka ikuti.



SEORANG guru menerangkan secara terperinci kepada pelajar yang berminat mengenai kursus yang ditawarkan oleh Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah.

Setakat ini hampir 1,500 graduan telah menamatkan pengajian teknikal mereka di maktab tersebut. Maktab yang sudah berusia lebih 30 tahun itu berjaya mengelu-

arkan para graduan yang ada di antaranya sudah dan sedang memegang jawatan penting dalam sesebuah agensi kerajaan ataupun agensi swasta.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan (gambar kanan) dan lain-lain tetamu ketika hadir di Majlis Forum Perdana Sempena Sambutan Awal Tahun 1424 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



Ilmu pengetahuan bermanfaat untuk dunia dan akhirat

BERAKAS, 13 Mac. - Ilmu pengetahuan mempunyai peranan yang sangat luas dalam aspek aspek keduniaan dan akhirat meliputi bidang politik, sosial dan ekonomi.

Pengertian ilmu telah diperjelaskan begitu mendalam oleh ketiga-tiga ahli panel dalam Majlis Forum Perdana Sempena Sambutan Awal Tahun 1424 Hijrah, dengan tajuk Bangsa Berilmu, Negara Maju, Berteraskan Wahyu."

Mereka terdiri dari Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Haji Besar bin Haji Abu Bakar; Pengarah Akademik Pengajian, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Awang dan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Sumadi bin Sukaimi.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan.

Ahli panel pertama, Dr. Haji Besar berkata apabila kita melihat kepada Al-Quran itu sendiri, kita akan mendapati bahawa kalimah ilmu ini diperkatakan dalam Quran dan diulang-ulang dalam pelbagai bentuk sebanyak 845 kali dan ilmu itu digunakan dalam erti proses pencapaian pengetahuan dan objektif pengetahuan.

Dalam pada itu ilmu itu dari segi bahasa bererti kejelasan, kerana itu segala yang berbentuk akar mempunyai ciri kejelasan, misalnya bendera, bibir sumbing, gunung-gunung, alamat, maka demikian itu ilmu itu adalah pengetahuan yang jelas mengenai sesuatu dan kita juga menyedari dan mengetahui bahawa hanya Allah Subhanahu Wataala mempunyai sifat-sifat alim

yang berkata kerja 'yaklamu' bererti Dia Mahu Mengetahui.

Manusia itu menurut Al-Quran mempunyai potensi untuk meraih atau mendapatkan ilmu dan mengembangkannya dengan izin Allah dan dalam Al-Quran juga menunjukkan betapa tinggi kedudukan orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Dalam hubungan itu ilmu itu dinilai sebagai sesuatu keistimewaan yang menjadikan manusia itu unggul terhadap makhluk-makhluk lain dengan menggunakan fungsinya sebagai khalifah di bumi ini.

Katanya, dalam penilaian dari segi agama, ilmu itu ada dua iaitu Ilmu Ladun dan Ilmu Kasbi di mana Ilmu Ladun itu ilmu yang diperolehi tanpa upaya manusia sedangkan Ilmu Kasbi adalah ilmu yang diperolehi oleh kerana manusia itu sendiri.

Manakala ahli panel kedua, Profesor Dr. Haji Hashim menjelaskan bahawa ilmu secara umum bermakna tahu, jadi kalau orang itu tahu bermakna orang itu berilmu dan kalau tidak tahu, tidak berilmu.



SALAH seorang penduduk kampung Pekan Kuala Belait memasukkan kertas undiannya ke dalam peti khas yang disediakan.

Menurut pendapat barua ilmu itu mesti mempunyai nilai bebas tetapi tegasnya dalam skop Islam ilmu itu tidak mempunyai nilai bebas, kerana ilmu itu mempunyai nilai Rabbani, dan kalau tidak mempunyai nilai Rabbani, menjadikan masyarakat itu bercelaru dan kadangkala menggunakan ilmu itu untuk kesempatan dan segala macam.

Dalam ceramahnya beliau menggariskan beberapa hadis Nabi yang berhubung kait dengan ilmu, antara maksud hadis Nabi itu menyatakan bahawa orang yang menjadi nombor 5 adalah orang yang celaka; pertama katnya jadilah orang berilmu; kedua, jadilah kamu orang yang menuntut ilmu; ketiga, jadilah kamu orang pendengar ilmu dan keempat, jadilah kamu orang yang mencintai orang berilmu dan janganlah kamu jadi orang kelima iaitu orang bebal.

Masalah sekarang jelasnya mengapa orang kita melihat ilmu sebagai nilai Rabbani, sebab itu ada para ulama dan bijak pandai menyatakan ilmu tanpa amal ibarat pokok tidak berbuah.

Dalam hubungan itu

Oleh
Hj. Ahmad HS

orang yang berilmu dalam konteks tema forum Hari Kebangsaan iaitu 'Bangsa Berilmu, Negara Maju, Berteraskan Wahyu' membaca pengertian berteraskan kepada salam dan salam itu adalah sejahtera dan orang yang berilmu tanpa salam seperti memberi makan daging kepada harimau.

Ujarnya kita melihat orang yang berilmu itu tidak mempunyai salam dalam konteks yang luas, maksudnya manusia yang akan didiknya dan dibanggunkannya ini bukan lagi manusia, tetapi boleh jadi seni haiwan, tetapi kalau manusia yang ilmu dan mempunyai salam di dalamnya akan melahirkan manusia menjadi orang.

Sementara ahli panel ketiga, Awang Haji Sumadi menyatakan ba-

hawa melihat senario dunia sekarang ini, maka kita akan mengetahui di mana diri kita sebenarnya; kedua, kita melihat setakat mana relevan ilmu itu dalam kehidupan kita dan dalam pelbagai konteks; ketiga, jenis ilmu macam mana kita perlukan untuk masa kini dan akan datang dan bagaimana kita bergelut memanfaatkan ilmu tersebut.

Era globalisasi menukunya ditunjangi oleh budaya sains dan teknologi dan menjadikan dunia tanpa sempadan dengan adanya telekomunikasi dan juga informasi, ledakan-ledakan maklumat hasil ciptaan yang canggih seperti komputer.

Jelasnya, era globalisasi merupakan agenda yang mempengaruhi cara kita berfikir, cara kita melihat dunia, selera dan tindakan kita yang merupakan kegiatan utama di mana-mana bangsa dan

negara.

Era globalisasi penuh dengan perlumbaan, penuh dengan persaingan apa juga subjek kita perkatakan ialah berlumba, bersaing untuk sebuah bangsa sama ada mahu mencapai kemajuan, kemakmuran dan mungkin menjadi hebat, unggul di antara negara-negara lain.

Justeru itu, beliau membawa pendengar untuk berfikir, bagaimana mahu menang untuk bersaing, kita mesti tahu peraturan, tahu game, tentang apa itu persaingan, di mana letaknya persaingan dan bagaimana cara-cara paling ampuh untuk kita bersaing.

"Di sini saya melihat bahawa tamadun-tamadun sudah ada, pengalaman-pengalaman negara maju bangsa-bangsa maju kunci yang utama mereka pakai ialah adanya ilmu itu, ilmu pelita, ilmu tenaga, dan ilmu itu kuasa," tegasnya.

Majlis forum diteruskan dengan sesi soal jawab bersama ahli-ahli panel yang pada tahun ini diketendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Forum Perdana bertujuan memberikan peluang kepada masyarakat Islam untuk mengetahui pelbagai aspek kehidupan menurut ajaran-ajaran Islam.

Ia juga bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan agama dan menambah fikiran khususnya mengenai tajuk yang diperbincangkan yang melaluinya akan dapat dihayati dan direalisasikan selaras dengan tema Sambutan Hari Kebesaran Islam dalam kehidupan seharian individu.

Pada tahun lepas sambutan seumpamanya telah dilangsung di Daerah Tutong dan diketendalikan dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong.

Penduduk kampung harus bijak mengundi calon ketua kampung

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 16 Mac. - Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah berkata, penduduk kampung harus mengambil tindakan yang bijak dalam mengundi calon ketua kampung mereka.

Ini kerana keberkesanan dan keprihatinan pengurusan hal-ehwal kampung berserta penduduknya bergantung kepada ketua kampung yang akan dilantik. Beliau berucap di Majlis Pengundian Ketua Kampung Pekan Kuala Belait yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin di sini.

Pada majlis itu Pegawai Daerah juga menerangkan syarat-syarat kelayakan

sekali yang berkaitan permasalahan anak-anak kampung, keselamatan dan keamanan di kampungnya.

Pegawai Daerah seterusnya berkata ketua kampung juga bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta mencegah kegiatan yang boleh mengancam kesejahteraan, kebersihan, keselamatan, ketenteraman, keselamatan atau apa juga perkara yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan dan adat resam yang diamalkan di negara ini.

Oleh itu katanya calon ketua kampung yang dipilih hendaklah mempunyai

perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang memenuhi tugas dan tanggungjawab tersebut.

"Memiliki sikap permedulian dan keprihatinan ke atas hal-ehwal kampung dan penduduk merupakan ciri utama yang perlu diambil kira oleh penduduk kampung di dalam menilai calon ketua kampung yang bersesuaian," ujarnya.

Calon tunggal di majlis itu, Awang Haji Johari bin Haji Omarali, berusia 59 tahun, pada masa ini memegang jawatan Pemangku Ketua Kampung Pekan Kuala Belait.

Pekan Kuala Belait mempunyai penduduk sekitar 5,474 orang.

Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 ...



SAMBUTAN Awal Tahun Hijrah 1424 anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dihadiri sama oleh Menteri dan Timbalan Menteri serta para pegawai kanan kementerian tersebut. - Gambar oleh Halim HS.

Peristiwa Hijrah hendaklah dijadikan iktibar oleh umat Islam

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 14 Mac. - Peristiwa daripada sejarah penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dapat dijadikan iktibar dan pengajaran kepada umat Islam.

Justeru untuk mengingati sejarah penghijrahan Rasulullah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Bomba di sini.

Majlis diserikan dengan syarahan khas sempena awal tahun Hijrah yang disampaikan oleh penceramah undangan Pusat Dakwah Islamiah, Ustaz Haji Awang Ahmad Zaki bin Haji Metussin.

Menurutnya makna hijrah adalah luas seperti berpindah atau berubah, justeru hidup perlu kepada perubahan kerana sebuah kehidupan tidak bererti jika tiada perubahan iaitu berubah dari segi niat, amalan, watak, intelek dan pemikiran untuk menuju ke arah individu berilmu.

Beliau menambah sesuai dengan tema sambutan awal tahun Hijrah tahun ini 'Bangsa Berilmu, Negara Maju Berteras-

kan Wahyu', menjurus ke arah bangsa berilmu sebagaimana wahyu pertama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, 'Iqra' bererti bacalah, iaitu salah satu peluang mencari ilmu dengan membaca.

Hadir di majlis tersebut, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa selaku tetamu kehormat majlis dan Datin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan dan Datin; Setiausaha-setiausaha Tetap kementerian tersebut, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan persembahan tausyeh dari Jabatan Penjara dan bacaan doa selamat dibacakan oleh Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Awang Haji Damit.

Pengertian Hijrah banyak beri manfaat kepada umat Islam

JANGSAK, 22 Mac. - Pengertian Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak memberi manfaat kepada umat Islam khususnya dalam menempuh kehidupan sekarang dan akan datang.

Sehubungan dengan peristiwa sejarah itu, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Memperingati Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanali Bolkiah di sini.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Unit Petroleum dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan bermula dengan sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam Sheikh Haji Edham.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyenikan majlis berkebakikan ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Menurut Pengerusi

Majlis, Awang Haji Sapawi, majlis tersebut merupakan projek tahunan Jabatan Perdana Menteri bagi sama-sama meningkatkan bagi meninggikan syair Islam di negara ini di samping memperbesarkan hari-hari kebesaran Islam.

Katanya, secara tidak langsung majlis yang diadakan itu dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan hubungan silaturahim bersama para penduduk di sekitar masjid itu.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas Hijrah yang disampaikan oleh penceramah Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Maimun Aqsha yang serba sedikit menyentuh mengenai iman dan iktibar peristiwa Hijrah itu sendiri.

PEKERTI anjurkan Sambutan Awal Tahun Hijrah

GADONG, 16 Mac. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) meraikan sembilang ahlinya yang selamat menunaikan fardu haji bagi tahun ini.

Majlis yang berlangsung di Rumah PEKERTI, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei itu dihadiri oleh Timbalan Yang Dipertua PEKERTI, Danyang Syarifah Mariani binti Malai Haji Osman, isteri Timbalan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, petang tadi.

Oleh Samle HJ


Majlis yang juga diselenggarakan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 diserikan dengan ceramah agama disampaikan oleh Ketua Jabatan Bahasa Arab, Pusat Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Mohammad Zain Mahmood.

Ahli Kumpulan Dikir PEKERTI turut memeriahkan majlis tersebut.

BERAKAS, 20 Mac. - Perjalanan Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengandungi bermacam-macam jenis hijrah termasuk bagi meningkatkan akidah.

"Pengajaran dari itu, kita perlu menilai sejauh mana iman kita dan iman ilmu yang ada pada diri," jelas Ustaz Dr. Haji Maimun Aqsha bin Abidin Lubis ketika menyam-

Oleh Abu Bakar HAR



MAJLIS Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1424 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dikendalikan oleh Unit Petroleum dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Kampong Jangsak. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kepentingan Hijrah perlu dijadikan amalan

Oleh Samle HJ

paikan ceramah di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1424 di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, petang tadi.

Beliau juga menghuraikan lebih mendalam dan menyentuh

mengenai kepentingan hijrah dalam profesion yang perlu dijadikan amalan setiap kakitangan.

Sambutan anjuran Bahagian Penyelidikan, Perkembangan dan Komputer bersama Bahagian Pentadbiran, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan itu juga dihadiri oleh Pengarah

Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Sa bali bin Abas.

Projek tahunan itu dihasratkan bagi melahirkan rasa syukur dan mendalami hikmat hijrah serta memeriahkan lagi sambutan berkecemasan bagi pegawai dan kakitangan di jabatan berkenaan.

ORANG RAMAI HARUS MENERIMA TEGURAN KESALAHAN PENGGUNAAN BAHASA

JERUDONG, 14 Mac. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Dani berkata, orang ramai di negara ini harus menerima teguran daripada pihak berkuasa dengan positif jika terdapat kesalahan membabitkan penggunaan bahasa dan sastera yang perlu diperbetulkan.

Kerjasama, perhatian dan sikap tidak mengambil ringan terhadap teguran seumpama itu amat perlu bagi memastikan perkembangan bahasa dan sastera terus berada di tahap terbaik.

Dato Paduka menaruh harapan sedemikian ketika berucap di Majlis Penutup Sidang Ke-42 Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Sidang Ke-8 Majlis Sastera Asia

Oleh Abdullah Asgar

Tenggara (MASTERA) yang diadakan di Asma Hotel.

Menurutnya, slogan seperti 'Bahasa Jiwa Bangsa' dan 'Maju Bahasa Maju Bangsa' masih lagi relevan pada zaman ini kerana bahasa membentuk jati diri bangsa.

"Bahasa wajib dipelihara dan dimajukan sesuai dengan perkembangan zaman dan masyarakat perlu memanfaatkan perkembangan teknologi masa kini kerana ia dapat membantu memasyarakatkan bahasa kepada khalayak," jelas

Dato Paduka.

Perkembangan pusat teknologi akan dapat membantu perkembangan-perkembangan bahasa dan sastera dan dengan adanya Laman Web MABBIM kita dapat melayarinya untuk mendapatkan maklumat mengenai usaha MABBIM memajukan bahasa sejak 30 tahun lalu.

Beliau mengharapkan Sidang MABBIM dan MASTERA yang bertujuan menangani pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera di rantau ini tidak dinafikan sebagai penyumbang ke arah perkembangan bahasa dan sastera.

Selain itu ujarnya, apa yang dibincangkan dan dipersetujui bersama dalam persidangan lima hari itu dapat dilaksanakan demi memajukan lagi

bahasa dan sastera yang menjadi milik masyarakat.

Tambahnya, beliau gembira terhadap usaha MABBIM dan MASTERA mewujudkan Laman Web MABBIM dalam menjadikan matlamat untuk mendirikan gerbang bahasa satu kenyataan.

Sidang kali ini dihadiri oleh pakar-pakar bahasa dan sastera dari semua ahli dan Republik Singapura pula sebagai pemerhati sejak sekian lama.

Banyak hal-hal yang membabitkan bahasa dan sastera telah dibincangkan selain boleh memperkayakan bahasa dan mencari rumusan yang terarah demi perkembangan yang dihasratkan.

Hanya dua peratus orang tempatan bekerja dalam kerjaya perkapalan

BERAKAS 19 Mac. - Hanya dua peratus anak-anak tempatan bekerja di bidang perkapalan yang berdaftar di negara ini dari 658 jenis pekerjaan yang ada manakala selebihnya dimonopoli oleh tenaga luar.

Akan tetapi pada tahun ini peratus itu telah meningkat kepada lima peratus atas inisiatif Brunei Shell Tankers (BST) Sendirian Berhad yang mempelawa dan melatih anak-anak tempatan menjadi pegawai kadet kapal dan krew di BST.

Pendedahan ini dibuat oleh Pengarah Laut, Awang Haji Hamidon bin Haji Md. Tahir ketika berucap di Sesi Dialog

Oleh Abdullah Asgar

Bersama Masyarakat Perkapalan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan di sini.

Katanya, kajian yang dijalankan sejak tahun 2001 itu hanya menunjukkan sedikit peningkatan sedangkan terdapat 658 jenis pekerjaan di bidang perkapalan yang hanya dijalankan oleh pekerja luar yang kebanyakannya dari negara-negara jiran.

Jelasnya, bagi menangani masalah tersebut, Jabatan Laut telah bekerjasama dengan jabatan kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan mem-

berikan kemudahan latihan perkapalan bagi menepati kehendak 'Standards of Training, Certification and Watchkeeping - STCW 95'.

"Antara keperluan itu ialah perlantikan bagi pemeriksaan kesihatan yang diluluskan untuk pelaut-pelaut kapal dari pusat-pusat latihan kerajaan dan swasta yang diiktiraf dan pengiktirafan bagi satu pusat latihan maritim tempatan yang boleh menyediakan empat dasar keselamatan utama maritim bagi pelaut-pelaut yang berhajat menceburi bidang perkapalan," katanya.

Dengan pengiktirafan Megamas Training Company, pelaut-pelaut diberikan sijil kerana telah menjalani empat latihan asas keselamatan perkapalan yang membolehkan mereka mencapai piawai antarabangsa yang menepati kehendak STCW 95.

Beliau menambah, dengan pengiktirafan tersebut, membuka peluang yang luas bagi mereka untuk mencari pekerjaan di mana saja dan menjadikan diri mereka sebagai seorang pelaut mahir yang sesuai untuk kerja di bidang perkapalan.

Sesi dialog itu bertujuan menggalakkan syarikat-syarikat perkapalan domestik mengambil anak-anak tempatan yang layak dan sedia untuk bekerja di atas kapal-kapal milik mereka.

Ia juga bagi menerima maklum balas dari pemilik-pemilik kapal mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi untuk menjayakan program pengambilan anak-anak tempatan di samping pengembangan beberapa kertas kerja.

Majlis dihadiri oleh empat agensi yang terlibat iaitu Jabatan Laut, Shell Marine, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan Megamas Training Company.



PENGARAH Laut, Awang Haji Hamidon bin Haji Md. Tahir ketika berucap di Sesi Dialog Bersama Masyarakat Perkapalan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SESI Dialog Bersama Masyarakat Perkapalan dihadiri sama oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Program Latihan Pembangunan Keusahawanan

GADONG, 20 Mac. - Program Latihan Pembangunan keusahawanan bagi lepasan penuntut institut teknikal dan vokasional merupakan panduan bagi memulakan perniagaan.

Lebih 40 orang peserta yang mengikuti program tersebut bagi pengambilan ketiga telah didedahkan kepada pelbagai kaedah bagi memulakan perusahaan melalui latihan teori dan lawatan.

Sepanjang mengikuti program para peserta telah menunjukkan minat keusahawanan terutama setelah

Oleh Abu Bakar HAR

dibawa melawat ke beberapa buah jabatan kerajaan yang berhubung kait dengan permulaan keusahawanan di samping ke beberapa buah syarikat swasta.

Program berakhir dengan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mahali bin Momin yang berlangsung di Jabatan Pendidikan Teknik di sini sejak bermula pada 3 Mac lepas.

Pembangunan sumber manusia diberikan keutamaan

Oleh Haji Ahmad HS

(TVET).

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Kursus Mengenai Saksama Jantina dan Memberikan Kuasa Wanita melalui Pendidikan Vokasional dan Teknikal serta Latihan (VTET) yang berlangsung di SEAMEO VOTECHE di sini.

Beliau menambah, walaupun banyak negara-negara memiliki dasar saksama jantina tetapi keputu-

sannya tidak menepati apa yang diharapkan, di mana masih terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita dalam pendidikan dan pekerjaan, bukan sahaja di negara-negara sedang membangun tetapi juga di negara-negara membangun.

"Kadar penyertaan perburuan menunjukkan peningkatan yang berterusan 67.6 peratus dalam tahun 1991 kepada 70.6 peratus dalam tahun 2001 ini adalah disebabkan oleh kenaikan yang mendadak di dalam bilangan aktiviti perekonomian wanita iaitu sebanyak 5.7 peratus antara tahun 1991 dan 2001," jelasnya.

Dalam pengambilan di sektor awam, wanita menda-

pat gaji yang sama seperti lelaki tetapi syarat perlatihan bagi wanita yang bukan graduan telah diubah dari jawatan tetap kepada sebulan ke sebulan.

Menurutnya data 2001 yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam, bilangan keseluruhan pekerja wanita dalam perkhidmatan bulan ke sebulan termasuk 'Open Vote' sejumlah 12,425 orang berbanding dengan lelaki 874 orang.

Bagaimanapun, katanya, statistik 2001 telah menunjukkan pengambilan dalam Perkhidmatan Awam sejumlah 18,282 wanita berbanding dengan 21,485 lelaki dalam

pelbagai perkhidmatan.

Jumlah perkhidmatan ini telah menjelaskan sumbangan dan penyertaan wanita yang bermakna di dalam sektor kerajaan, yang mana adalah pengambilungan yang terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Kursus selama dua minggu yang melibatkan 20 peserta wanita dari negara-negara ASEAN, dikendalikan oleh Rina Arlianti dari Jerman bertujuan memberikan pemahaman yang mendalam kepada peserta wanita mengenai VTET dan pasaran perburuan, selain mengenai pasti hal-hal perdagangan dan isu-isu VTET dan pekerjaan.

USAHA GIGIH MEMBUAHKAN KEJAYAAN

Oleh Haji Nasip Rosli

BELAIT. - Usaha gigih yang membuahkan kejayaan merupakan titik tolak kepada masa hadapan yang lebih baik dan bukannya sebagai landasan untuk berpuas hati kerana hala tuju kita ialah untuk peningkatan kemajuan yang berterusan dari tahun ke tahun. Kita inginkan hari esok akan lebih baik dari hari ini.

Dari itu adalah lebih baik kita cuba meneroka ruang-ruang yang baharu untuk penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan produktiviti dan kecekleran semata-mata untuk terus mengendali dan memenuhi kepentingan rakyat dan penduduk Daerah Belait.

Ke arah itu semangat kerja yang tinggi, disiplin yang jitu, dedikasi kerjasama yang padu, amalan berpasukan yang erat, komitmen yang kental dan iltizam adalah perlu.

Dalam hal ini Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang patut menjalankan tugas dan amanah ini amat penting dijadikan pegangan.

Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah berucap demikian kepada Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang Kali Pertama di tahun 2003 bertempat di Dewan Raya, Pejabat Daerah Belait.

Beliau menambah kata, betapa pentingnya Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang selaku pemimpin akar umbi bagi masyarakat di mukim-mukim dan kampung-kampung adalah dilihat sebagai benteng pertahanan hadapan yang sangat penting.

Walaupun ianya tidak begitu ketara harapan negara melalui Institusi Penghulu-

penghulu Mukim Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang, akan dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian bermasyarakat di mukim-mukim dan kampung masing-masing.

"Jika ini dapat dilakukan oleh Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang maka sangatlah sukar untuk anasir-anasir jahat untuk dapat memasuki atau memporak-perandakan masyarakat negara ini apatah lagi untuk bertapak."

Oleh itu beliau menjelaskan betapa pentingnya institusi Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang dari sudut pandangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maka institusi ini telah dapat bertahan walaupun sudah sekian lama ditubuhkan masih relevan kepada sistem berkerajaan Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Daerah Belait seterusnya menyeru Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Ketua-ketua Rumah Panjang agar sentiasa mengambil ingatan mengenai tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sebagaimana di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 agar tidak kendur berusaha memeduli keharmonian mukim dan kampung masing-masing dengan sedaya upaya memberikan keprihatinan kepada kebajikan dan hal-ehwal anak-anak kampung dengan memberi perhatian dan masa yang sewajarnya kepada anak-anak kampung mengenai apa jua perkara yang berkebalikan untuk pembangunan, kesentosaan dan kesejahteraan terutama yang berkaitan permasalahan anak-anak kampung masing-masing.

Dinaikkan pangkat Mejar Jeneral

Oleh Samle Haji Jait



BERAKAS, 20 Mac. - Atas limpah kurnia titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof kini dinaikkan pangkat Mejar Jeneral berkuat kuasa mulai 1 Mac lalu.

Upacara Kenaikan Pangkat tersebut telah disempurnakan oleh Pe-

merintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan' Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz di Mes Pegawai Bolkiah Garison (gambar kiri).

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi adalah bekas Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Belia perlu diasuh ke arah perkara positif

Oleh Haji Ahmad HS



PEGAUWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun ketika berucap merasmikan Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Peringkat Akhir bagi Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mac. - Bertepatan dengan peredaran zaman, terutamanya kejayaan kita menghadapi era globalisasi dan pemodenan, belia-belie perlu dipupuk dan disemai serta diasuh supaya menjadi orang teliti dan tidak simpang-siur dalam fahaman dan kepercayaan mereka.

Mereka juga perlu diasuh untuk mendekati Al-Quran dan menghayati isi kandungan Al-Quran serta diasuh untuk memperbaiki bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka, Awang Haji Harun menyatakan perkara itu di Majlis Pertandingan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Peringkat Akhir bagi Daerah Brunei dan Muara, berlangsung di Pusat Belia di sini.

Menurut beliau, belia-belie pada hari ini mudah terpengaruh dengan ajaran-ajaran kurang sihat, maka dalam hubungan ini adalah tanggungjawab kita bersama sebagai rakyat negara ini dan selaku penjaga mereka untuk memastikan mereka itu tidak terlibat dengan gejala sosial yang tidak menentu pada masa ini.

Justeru itu, jelasnya, belia adalah golongan yang sangat sensitif, mudah terpengaruh, mempercayai akan adanya idea-

idea yang songsang yang boleh menyalahi akidah Islam.

"Maka dengan adanya kegiatan-kegiatan dan kursus belia sebagai generasi Al-Quran tersebut insyallah Negara Brunei Darussalam akan dipelopori oleh belia-belie cemerlang dan salihin, berteras dan berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja," ujarnya.

Dalam pertandingan itu Awang Mohd. Zulhafiz bin Awang Tengah dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah menjadi juara bahagian qari, manakala bahagian qariah dimenangi oleh Dayang Hajah Farizah binti Haji Kampong @ Haji Kamaluddin dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Seramai 10 peserta memasuki peringkat akhir setelah melalui peringkat saringan yang disertai oleh 35 orang peserta iaitu 18 orang qariah dan 17 qari yang diadakan lebih awal.

Antara tujuan pertandingan ialah untuk mengasuh dan mencungkil bakat para belia dan meningkatkan lagi mutu bacaan di kalangan mereka dan juga sebagai salah satu persediaan bagi mengikuti pertandingan musabaqah peringkat antarabangsa.

Perkampungan Belia Masjid Kg. Junjongan

KAMPONG JUNJONGAN, 22 Mac. - Jawatan-kuasa Takmir Masjid

Kampung Junjongan telah mengadakan Perkampungan Belia Ke-4 yang

disempenakan dengan menyambut tahun baru Hijrah 1424 dan cuti persekolahan

penggal pertama.

Seramai 59 orang belia yang berumur antara 10 hingga 18 tahun telah menyertai perkampungan selama dua hari tersebut. Antara tujuan ianya diadakan ialah untuk membantu para belia membuat aktiviti secara terarah dan dipimpin, di samping dapat mengisi masa cuti persekolahan ia juga dihasratkan bagi mendekatkan belia kepada masjid.

Pelbagai aktiviti telah disusun antaranya ialah Qiamullail, ceramah agama oleh penceramah Pusat Da'wah Islamiyah, acara riadah, Peraduan

Azan Subuh serta Peraduan Membaca Ayat-ayat Lazim dan Al-Quran.

Pada 23 Mac lalu di hari kedua dengan kerjasama Biro Wanita Kampong Junjongan telah mengadakan Peraduan Dikir Syarafil Anam yang dibukakan kepada para wanita di kampung ini sahaja.

Sebanyak tujuh pasut telah mengambil bahagian dan isteri Penghulu Mukim Pengkalan Batu telah dijemput untuk menjadi tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.



SEBAHAGIAN para belia khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah Pusat Da'wah Islamiyah.

BERAT BADAN

RAIZAH baru mula bekerja setelah bercuti selama lima minggu sempena menyambut Hari Raya. Dua minggu bersama keluarga menyambut Hari Raya memang menyeronokkan. Hampir semua keluarga sudah diziarahi pada Hari Raya tahun ini.

Maklumlah cuti sekolah pun panjang. Kerana itulah Raizah suami isteri mengambil kesempatan bercuti panjang. Semata-mata mahu bersama keluarga.

Ada juga mereka merancang hendak keluar negara menziarahi keluarga di sana. Tetapi memandangkan budget agak ketat, rancangan terpaksa diubah. Lepas Hari Raya, sekolah akan bermula. Tentu perbelanjaan untuk anak-anak sekolah mesti diadakan. Syukurlah anak-anak tidak memaksa. Semuanya faham.

"Hey, assalamualaikum orang baru balik dari bercuti! Apa khabar?" Raizah dikejutkan oleh satu suara yang langka.

Bila dia menoleh, Rosmah kawan sepejabatnya tersenyum lebar. Mereka bersalaman dan berpelukan. Rindu juga di hati Raizah dengan telatah teman-teman pejabatnya.

"Walaikumussalam! Wah nampak benar 'berisi' badan kau Ros? Berapa hari puasa ni?" Raizah mengusik temannya sambil melihat dengan ekor matanya. Bermula dari muka ke hujung kaki. Matanya tertumpu di perut si kawan. Rosmah tersipu malu.

"Hey, apa khabar Izah? Baru kerja?" sampuk pula Maria. Kawan yang sama satu ofis dengan mereka.

"Baik. Kau pula macam mana. Aku lihat kau pun makin gebu!" Raizah tersenyum manis. Temannya Maria tergelak kecil.

"Gebu aku gebu seksi, Zah. Bukan macam Ros ni, sudah pun pendek, gemuk pula tu!" ketawa mereka berderai. Rosmah tidak mahu ketinggalan walaupun dirinya yang menjadi bahan ketawa.

"Entahlah Zah. Aku pun tidak tahu mengapa badan aku ni macam dipam-pam saja. Puasa pun cuma tujuh hari saja aku off. Tapi badan aku ni tak sekilo pun kurang!" rintih Rosmah. Nampak kekecewaan di wajahnya.

Sambil duduk berkumpul, mereka bertiga masih berpegangan tangan. Tidak lama kemudian dua orang kawan mereka, Hamidah dan Suana datang, memeluk Raizah sambil bersalaman.

"Awal-awal lagi dah menyebarkan virus di ofis ni. Apa cerita?" soal Hamidah sambil memandang wajah kawan-kawannya satu persatu, namun di bibirnya terukir senyuman yang mempesonakan.


"Ni si Ros ni, Midah. Mengeluh kerana badannya yang tidak turunturun walau puasa sebulan!" Raizah bersuara.

Memang begitulah perangai mereka satu ofis. Usik-mengusik. Kadang-kadang ada yang sampai merajuk. Tetapi tidaklah sampai bermasam muka atau tidak bertegur sapa. Masing-masing sudah faham dengan perangai sesama sendiri.

"Kau tu Ros, kalau kau kurangkan minuman bergas tu, aku gerenti berat badan kau akan turun!" sampuk pula Suana.

"Sudah Su! Dari lima tin sehari dah kurangkan tiga tin saja!" sahut Rosmah.

"Baik jaga badan Ros. Bila gemuk sangat nanti laki lari! Aku lihat laki kau si Harun tu makin tinggi ada le. Cuba kau belajar macam mana nak meninggikan badan macam dia. Ni tidak, asyik-asyik kau saja yang potong spring," perli



OLEH
DARMATASIA

Maria.

Deraian ketawa mereka bergema. Penuh satu ofis. Pegawai kanan mereka, Tuan Amir menjenguk ke dalam ofis mereka.

"Ha, apa lagi yang menggelikan hati kamu ni ha? Ooo kurom dah cukup rupanya," nada suara Tuan Amir seakan menyindir.

"A.. selamat pagi tuan!" Raizah bangkit dari duduknya. Dia faham maksud pegawai separuh umur itu. Cukup kurom ertinya lengkap bilangan mereka sekumpulan lima orang. Semuanya perempuan, lelaki cuma seorang saja iaitu budak pejabat.

"Selamat pagi. Ha, cuti panjang tu ke mana

Raizah?" soal Tuan Amir yang mesra dengan kakitangan bawahannya.

"Tak ke mana-mana tuan. Berhari raya di sini saja. Maklumlah budget tak mengizinkan!" hormat saja nada suara Raizah. Kawan-kawan yang lain tersenyum mengiakan.

"Baguslah tu. Tak juga banyak wang kita yang mengalir keluar! Ha, sudahlah tu, mulakan kerja kamu sekarang. Kalau ketawa tu ingat-ingat sikit. Ini pejabat. Tak baik didengar orang yang datang berurusan di pejabat ni!" panjang lebar ceramah Tuan Amir sambil berlalu meninggalkan mereka.

Lima orang sekawan

itu masih tersenyum riang menahan geli hati. Rosmah masih berwajah sugul tanda tidak puas hati.

"Hey Zah, aku dengar ubat Nona Rugoy tu boleh mengurangkan berat badan dalam sekelip mata saja. Aku nak cubalah!" rupanya Rosmah masih dengan topik yang sama, ingin menurunkan berat badan.

"Huss... kau berani ke?" soal pula Hamidah. Dahinya berkerut.

"Apa pula nak ditakutkan? Yang kudengar, bahan-bahannya diperbuat dari herba. Tumbuh-tumbuhan!" Nampaknya Rosmah beria-ia benar.

"Tapi ada juga orang yang kudengar sakit cirit-birit makan jamu tu!" sampuk Maria setelah lama berdiam.

Maria berumur di awal empat puluhan. Orangnyanya cantik. Berbadan sederhana. Kulitnya putih bersih. Anaknyanya baru tiga orang. Katanya sudah cukup. Lagipun dia banyak masalah bila mengandung kerana itulah dia serik untuk beranak lagi.

"Itu perkara biasa Mar. Cirit-birit tu menandakan banyak lemak dalam badan!" sahut Rosmah.

"Tapi Ros, bila sudah sampai dua puluh empat jam berulang-alik ke tandas, kau tahan ke? Nanti

lain yang diidamkan lain pula jadinya! Jadi dehydrated pula nanti," Hamidah cuba memberi nasihat.

Hamidah, kawan mereka yang masih single. Walaupun usianya sudah menginjak ketiga puluh tahun, belum bercita-cita untuk mengakhiri zaman bujangnya. Katanya, dia mahu enjoy dulu hidup sendirian. Dengar-dengar dia masih menunggu jejak idaman datang melambanya.

"Kenapa tak cuba Sendayu Tinggi? Dalam majalah mengatakan kesannya dapat dilihat tidak sampai tiga minggu. Tak cirit-birit pula tu!" Suana ingat apa yang dibacanya dalam Minggu Wanita, majalah kesayangannya.

"Eh, benar juga tu ya? Aku pun ada terbaca tentang pil tu," sampuk Rosmah. Wajahnya nampak lebih ceria.

"Ros, aku ni bukannya nak menghalang niat kau tu. Niat kau baik. Kau nak nampak cantik macam orang lain. Tapi Ros jangan lekas terpedaya dengan semua ubat macam tu. Mungkin ubat tu baik untuk orang lain. Tapi untuk Ros? Belum tentu lagi kan?"

Bila melihat kawan-kawannya diam, terutamanya Rosmah yang memandang tepat ke mukanya seolah menanti kata-kata selanjutnya, Raizah meneruskan

ceramahnyanya.

"Zah nasihatkan lebih baik Ros buat experiment sendiri. Lagipun selama ni Ros belum benar-benar serius nak mengurangkan berat badan. Puasa pun belum berjaya mengurangkannya!"

"Mana taknya, bila berbuka, minuman bergas dan makanan bergoreng juga yang dimakannya!" sampuk Maria sambil diikuti dekatan ketawa yang lain. Rosmah menarik muka masam.

"Nah, kerana itulah Ros mesti mendisiplinkan diri. Mulai petang ni nanti, jangan atau kurangkan mengambil makanan berminyak dan minuman bergas. Cuba dulu dalam masa tiga bulan. Kita lihat hasilnya. Jangan-jangan badan Ros lebih menarik dari badan Zah, Su dan Mar!" kata Raizah sambil tersenyum riang.

"Tak apalah Ros. Kalau kau berjaya mengurangkan berat badan kau dalam masa tiga bulan menjadi empat puluh kilo, aku belanja kau makan!" Hamidah cuba memberi semangat walau di hatinya mengakui itu adalah mustahil.

Bererti nanti, dalam masa tiga bulan Rosmah terpaksa mengurangkan berat badannya sebanyak



PUISI

HILANGNYA SEBUAH KUASA ISLAM

Khamis,
17 Muharam 1424 bersamaan 20 Mac 2003
sejarah berulang kembali
satu penjajahan era ke-21
Barat menjajah lagi
kerana
keangkuhan
kegilaan
kekuasaannya
angkara Syaitan Besar
Baghdad menjadi mangsa
umat Islam terseksa.

Hari ini kepala dan mataku
menyaksikan sebuah kejayaan dan kezaliman
telingaku mendengar sebuah kepalsuan
PBB bukan lagi sebuah kuasa pendamai
kecintaan, kasih sayang, keharmonian
manusia sejagat menjadi resah dan gelisah
kerana dunia ini milik syaitan.

Angkara Syaitan Besar semuanya betul
suara-suara dunia terbanyak tidak dipedulikan
mereka mahu damai bukan perang
namun kerakusan dan kegilaan
mendorong perang dan darah
itulah tekad manusia berhati binatang
di sana sini suara meminta damai
bukan perang!
hatta PBB sudah jelas menolak
angkara Syaitan Besar.

OIC bukan lagi sebuah pertubuhan pembelaan
pengikut Muhammad
OIC hanya relevan untuk mencari kekayaan
di depan mataku pengikut Muhammad
teraniaya dan terseksa
gara-gara angkara Syaitan Besar
dunia ini sudah menjadi milik Syaitan Besar
siapa berani menghalang kemahuan angkara
Syaitan Besar
cuma satu Allah ... tunggu dan lihat
apa cerita seterusnya.

Abad ke-21
aku menyaksikan
kehilangan sebuah kuasa Islam
esok dan seterusnya
akan ada lagi kuasa Islam yang hilang.

Akhirnya ...
Islam bukan lagi milik dunia Arab
menangislah anak cucumu
segalanya dirakus angkara Syaitan Besar
hari ini
jangan ada yang tertawa
jangan ada yang menangis
Allah telah berfirman
"Harta dan anak pinak kamu adalah perhiasan
dunia kecuali mereka yang bertakwa dan
beriman."

Renungkanlah zaman Rasulullah
Sallallahu Alaihi Wasallam
perjuangan bukan kerana dunia
tetapi menegakkan agama Allah
membawa manusia ke jalan yang benar
hari ini kulihat khalifah di bumi
sibuk mengisi kedudukan
tasbih hanyalah permainan mulut
dan lidah yang tidak bertulang.

Bangkitlah pengikut Muhammad
jangan biarkan Baghdad hancur dan musnah
kekayaan tamadun Islam pasti lenyap
kerana kerakusan dan kezaliman bermaharaja-
lela
PBB diam dan sepi
angkara Syaitan Besar
terus menggila dan mengganas
inilah pengganas era ke-21
bukan pengikut Muhammad yang
menjadi pengganas.

Mana warisan cucu-cicit:
Sayidina Hamzah!
Tariq bin Yazid
Khalid al-Walid
dan lain-lain pahlawan yang terbilang!

Tidaklah kasihan melihat pengikut Muhammad

terseksa dan dianiaya oleh angkara
Syaitan Besar.

Rupanya cucu-cicit mereka ini
sibuk dengan harta dunia
pengikut Muhammad itu urusan Allah.

Aku orang kerdil
hanya doa yang kupohonkan
semoga pengikut Muhammad
kembali bersatu, berjihad
menentang kerakusan, kezaliman dan
penganiayaan
angkara Syaitan Besar.

Bersatu dalam menegakkan kalimah Allah
bukan menjadi pembunuh pengikut Muhammad
LAILAHAILLALLAH MUHAMMAD RASUL-
ULLAH.

Haji Sulaiman Haji Duraman

TITISAN KERINGAT

Kaki-kaki kotor melangkah di debu jalanan
dengan longlai gontai beralun keletihan
berpayung topi yang bercampiran
keletihan di terik panas kerassangan.

Bukan titis tangis yang mengalir berderai
tapi
berbutir titisan keringatan kelelahan
berbutir titisan air-air yang terbuang
tetap tegak, tetap kuat...
membanting tulang.

Bagiku kau bukan suatu kehinaan
di mataku kau berupa arca dewa
di benakku
kulihat kau menadahi...
seakan suatu yang tiada.

Basuhlah butiran keringat di keningmu itu
buangkanlah kerut simpul di tepi wajahmu
aku juga merasa ada yang tiada
mungkin hari esok kau boleh tertawa
sambil berkata ...
syukur alhamdulillah.

Eraa 28

KITA MERPATI BERSAUDARA

Atas rendah hati ini
telah kuantaskan
sebuah perutusan
agar ikatan
tak putus di tengah jalan
dan kemesraan itu
telah hanyut
dibawa arus sang waktu
yang cemburu
lalu sepi dalam kenangan
tetapi ingatkan
selalu rindu
yang sesungguhnya
kuingin semesta
enam tahun dulu
sebagai merpati bersaudara
yang menyayang
sering berput
di butiran kesabaran
kerana kita pernah berikrar
katamu :
bersaudara hingga Hari Kiamat
kataku :
bersaudara di dunia dan akhirat
meskipun jauh di mata
di hati terasa dekat.

Terima kasih
lantaran layarmu
kasu labuhkan
di pelabuhan penantiaku
menyimpul ikatan
yang putus
lantas mengembalikan
kemesraan lalu
lalu kita tersenyum
dan ketawa di hujung suara
kita merpati bersaudara
setia berput dalam rahmat
restu-Nya.

Enny Eng. S.

Dari muka 12

dua puluh kilo. Huss...
Mustahil, mustahil! Kalau
setahun mungkin juga.
Tiga bulan? Mustahil.

"Tapi tak baik juga
kehilangan berat badan
secara mendadak begitu.
Nanti lain pula jadinya.
Takut kecut!" derai
ketawa mereka bergema
lagi dengan kata-kata
Suana. Rosmah tetap
tidak mahu ketinggalan
ketawa. Tetapi hatinya
masih kesal.

"Aku tak tahan nak
buat experiment macam
tu Zah! Mati pula aku
nanti," sayu saja suara
Rosmah.

"Ha itulah. Belum
berperang dah mengaku
kalah! Macam manalah
nak berjaya?" tingkah
Hamidah. Dahi Rosmah
tambah berkerut. Masa-
lahnya masih belum me-
nemui jalan penyelesaian.

"Macam mana dengan
Kyla ya? Yang kulihat
dalam tv, kita hanya perlu
memasukkan beberapa
titis saja dalam minuman
kita!" kiranya Rosmah
masih mengharapkan
ubat bagi mengatasi
masalahnya.

"Nak titiskan dalam
minuman bergas kau tu?
Tambah parah pula
jadinya nanti Ros," lan-
tang suara Maria mem-
protes. Ketawa mereka
pecah lagi.

Tiba-tiba muncul
sebuah wajah menjenguk
mereka. Seorang wanita
yang berwajah pucat
macam orang menang-
gung sakit.

"Assalamualaikum?
Apa khabar kamu
semua?" tegurnya sambil
menghulurkan tangan.

"Walaikumussalam!"
jawab mereka serentak
sambil berpandangan.

"Eh, kau ke ni Nur?"
Suana mendahului
bersuara. Bila melihat
perempuan tu menang-
gukkan kepala, Suana
segera memeluknya.

"Eh, kau sakit Nur?
Mengapa kurus sangat
ni?" tanya pula Maria.

Nurliza adalah kawan
sepejabat mereka dahulu.
Dia berpindah ke jabatan
lain lapan bulan yang
lalu.

Semua hairan melihat
perubahan Nurliza.
Ketika mereka masih be-
kerja satu ofis, Nurliza
lebih gemuk dari
Rosmah. Tetapi kerana
badannya agak tinggi,
gemuknya tidaklah ketara
sangat. Tetapi sekarang.
Kurus macam tiang
sebatang. Mestilah ada
yang tidak kena!

"Aku baru tiga hari
keluar dari hospital, Zah,
Ros," perlahan saja nada
suara Nurliza. Matanya
nampak kuyu. Pipinya

"BARANGKALI aku ni salah niat
di bulan baik tu. Sebelum mula
berpuasa, aku sudah bertekad
mahu mengurangkan berat
badanku. Sebab badanku
mendadak naik, aku berazam
untuk mengurangkannya.
Aku hanya makan sedikit
saja. Waktu berbuka aku
hanya makan buah-buahan
dan minum jus oren yang
kubuat sendiri. Waktu bersahur
pula, aku hanya minum air
dan jus oren juga," cerita
Nurliza dalam nada sayu.

cengkung. Bibirnya kering
disapu dengan lipstik
berwarna gelap men-
jadikan wajahnya bertam-
bah pucat.

"Eh teruk sangat ke
sakitmu Nur? Macam
orang lepas bersalin saja!"
kata Maria sambil ma-
tanya tidak berkedip
memandang kawannya
itu.

"Dah empat kali aku
keluar masuk hospital
sejak kebelakangan ini.
Mar! Hari Raya tahun ni
tak bererti bagiku," cerita
Nurliza. Mereka semua
memasang telinga.

"Barangkali aku ni
salah niat di bulan baik tu.
Sebelum mula berpuasa,
aku sudah bertekad mahu
mengurangkan berat
badanku. Sebab badanku
mendadak naik, aku
berazam untuk mengu-
rangkannya. Aku hanya
makan sedikit saja. Waktu
berbuka aku hanya makan
buah-buahan dan minum
jus oren yang kubuat
sendiri. Waktu bersahur
pula, aku hanya minum air
dan jus oren juga," cerita
Nurliza dalam nada sayu.

"Sampai begitu sekali?
Kalau aku dah lama aku
'gol' Nur!" sampuk
Rosmah sambil menge-
lengkan kepala.

"Tapi bagus juga ya,

lihat badanmu, kurus.
Bolehlah memakai yang
ketat-ketat sikit!" Rosmah
ketawa. Tetapi bila dilihat-
nya kawan-kawan lain
berdiam diri, tidak tertawa
bersama, dia tersipu malu.

"Jangan Ros. Jangan
ikut macam aku. Lihatlah
akibat dari perbuatanku
ini. Aku sendiri yang
menderita. Keluar masuk
hospital. Kata doktor aku
banyak kurang air.
Sekarang aku makan vita-
min untuk mengembalikan
selera makanku. Aku tak
mahulah kurus macam ni.
Kurus kalau banyak
penyakit buat apa? Lebih
baik aku gemuk asal
sihat," dengus Nurliza
sambil memegang perut-
nya yang nampak kempis.
Baju kurung yang
dipakainya nampak benar
longgarnya. Macam baju
pinjam pula nampaknya.

"Kami tak tahu pun
kau keluar masuk hospital,
Nur," kata Suana sambil
memegang lengan Nur-
liza. Dia kasihan melihat
temannya itu.

"Sekarang aku insaf.
Gemuk atau kurus bukan
persoalannya. Yang pen-
ting kita sihat. Kalau kita
benar-benar mahu mengu-
rangkan berat badan kita,
lebih baik kita jaga
pemakanan kita. Kata
doktor, elakkan dari

makan makanan berlemak
dan berminyak. Banyak-
kan minum air. Macam
aku, aku banyak minum
jus oren. Tak baik juga.
Boleh menipiskan usus.
Boleh kena gastrik," kini
Nurliza berceramah pula.

Antara mereka semua,
Rosmahlah yang paling
pasang telinga. Kata-kata
Nurliza diamatinya satu
persatu.

"Kami ni tadi Nur,
berbincang soal mengu-
rangkan berat badan. Si
Ros ni ha, nak makan pil
pengurus badan. Zah
nasihatkan dia supaya
menjaga pemakanan saja.
Nasihatnya sama macam
yang kau kata tadi,"
tingkah Hamidah. Ros-
mah menjuihkan bibir-
nya.

"Jangan Ros. Pil-pil
macam tu. Walaupun
berkesan, mesti ada kesan
sampingannya. Mungkin
ianya sesuai untuk orang
lain, bukan untuk kita.
Yang baik kita jaga
pemakanan kita," Nurliza
terus memberi nasihat.

Rosmah nampaknya
setuju dengan pendapat
Nurliza. Diam-diam, dia
takut melihat keadaan
kawannya itu. Kurus
semacam!

"Mungkin kedata-
nganmu ke sini membawa
rahmat Nur. Kalau tidak
si Ros ni sudah nekad nak
mencuba pil-pil langsing
tu. Sekarang, dia dah
melihat sendiri. Kau yang
tidak makan pil pun boleh
jadi macam ni!" kata
Hamidah menambah
geram di hati Rosmah.
Walaupun begitu, bibir-
nya tetap mengukir
senyum.

Diam-diam Rosmah
menanam azam. Mulai
petang nanti, dia akan
mengurangkan makan
makanan berminyak dan
bergoreng. Minuman
bergas tidak akan dibawa
balik ke rumah lagi.
Itulah azamnya.

Wajahnya berubah
merah bila mendapati
kawan-kawannya me-
mandangkan sambil
tersenyum sumbing.





Sentiasa Bersama Biskita

سسوسونن رنچاغن تیلیبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana dua rancangan

R A B U 2 APR	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		'Cara Kita'	
				Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Marsupilami'		9.25	HALUAN	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU								
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.45	BERITA	7.20	SKOP	10.30	COSBY SHOW - SR. 2
	6.12	RAMPAI PAGI -	PETANG		6.00	CAFE DIGITAL	7.39	AZAN ISYAK		'Lucas Raymondicus'
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.00	BEYOND CHANCES
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH	8.50	DRAMA - AMANAH -	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 3 APR	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10 4.15	SUSUNAN RANCANGAN ANIMATION HOUR;	6.45	FIQHUL MIRATHS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		THE MAGICIAN/ FRACASSE		MALAM	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	BOLA SEPAK LIGA PERDANA 2003 - 'Brunei Darussalam iwn Tentera'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			5.30	THE ULTIMATE GUIDE	7.25	WARTA ISLAM		
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.39	AZAN ISYAK	11.30	WAYANG PILIHAN - 'Above Suspicion'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.29	AZAN MAGHRIIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T	PAGI		11.15	INDUSTRI BRUNEI - Siri Baru	2.00	SUKAN ANTARABANGSA		SONTORIAN	7.20	FEMINA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.39	AZAN ISYAK
		KEBANGSAAN	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR	6.00	SYIAR MASJID - 'Masjid Kampung Kasat'	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN				- 'Blind Fist Of Bruce'			9.00	MENDULANG
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.15	BRUM	3.26	AZAN ASAR	6.29	AZAN MAGHRIB		ANUGERAH - 'Jejari Kreatif'
	9.00	BERITA	12.30	SEMPAHYANG FARDU	3.32	TAYANGAN GAMBAR	6.45	AN NAZHAFAH	9.30	MEDICAL DIARY
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		JUMAAT- Siaran Langsung		- Sambungan			10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		4.30	ANIMATION HOUR : VOLTRON DEFENDER OF	MALAM		10.40	KHUTBAH JUMAAT
	10.15	SESAME STREET	1.30	VISI SUCI		THE UNIVERSE/USOP	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.45	TELEDRAMA - 'Cincin Pertunangan'
									12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 5 APR	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA : THE CHINESE SIAMESE CAT/STREET SHARKS	12.25 12.35	AZAN ZUHUR DOKUMENTARI - Sambungan	3.26 4.15 4.45	AZAN ASAR BEYOND 2000 ANIMATION HOUR : MY BEST FRIEND IS AN ALIEN - 'Great Coville Galaxies'	MALAM
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		PETANG			7.00 DUNIA ASIA	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00 BIOLOGIC				7.25 KLINIK KITA SR. 3	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30 BERITA	1.00 PANGGUNG PETANG			7.38 AZAN ISYAK	
	9.00	BERITA	11.40 DRAMA - 'Koma' - (Ulangan)	2.30 TINJAUAN - Ulangan	5.45	8.00 BERITA NASIONAL		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15 DOKUMENTARI : KESIHATAN - 'Perkhidmatan Kesihatan Mata'	3.00 SPORT PAGE	5.55	8.50 TRADISI		
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN		3.30 GENE RODDEN BERRY'S ANDROMEDA - 'It Makes A Lovely Light'	6.29 6.45	10.00 NEWS AT 10		
						10.30 TAYANGAN GAMBAR - 'Fangs'		
						12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT		


A H A D 6 APR	PAGI		10.10	SESAME STREET		LEAGUE 2002/2003 -	4.30	KAUNSELING	MALAM
			11.15	TAMAN ABC		PREVIEW		MASYARAKAT - 'Masalah	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	1.45	ENGLISH PREMIER		Remaja Mengandung	7.05
		KEBANGSAAN	11.40	SUNDAY MATINEE -		LEAGUE 2002/2003		Tanpa Ayah Yang Sah'	7.38
	6.02	MUTIARA FIRMAN		'Dogtanian : In One For All	2.40	CROCODILE HUNTER -	5.00	JUARA - Siaran Langsung	8.00
	6.12	RAMPAI PAGI -		And All For One'		'Fraser Island : Island Of	5.35	SALAM NUSANTARA -	8.50
		Siaran Langsung	12.25	AZAN ZUHUR		Time'		'Kriss De Angkor'	
	9.00	BERITA							'Bayang-Bayang'
	9.15	RAMPAI PAGI -			3.27	AZAN ASAR	5.45	BERITA	10.00
		Sambungan		PETANG	3.35	MASAK APA?	6.15	SCIENCE INSIGHT	10.30
	SUSUNAN			4.00	ANIMATION - 'The Wacky	6.29	AZAN MAGHRIB		
	RANCANGAN	1.20	ENGLISH PREMIER		World Of Tex Avery'	6.45	AT TIBBUL ISLAM	11.00	
								11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 7 APR	PAGI			Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	DRAMA - 'Musim Cinta Kembali Berbunga'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE				
			PETANG			STEET/BOB MORANE		MALAM		
	6.02	MUTIARA FIRMAN			5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.25	RITMA - Ulangan
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	SAJIAN ORIENTAL	10.00	NEWS AT 10
			4.02	MUTIARA FIRMAN					10.30	COURAGE
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN	6.00	ENDANGERED - 'Hippo'	7.38	AZAN ISYAK	11.00	BIZARRE
	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN	6.29	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SE LA SA 8 APR	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION : 'TOTALLY SPIES'	6.29	AZAN MAGHRIB	7.38	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	NATURAL HISTORY - 'Endangered II : The Wild Med'	6.45	AL ISLAM	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN		PETANG					8.50	KAMPUNG KITA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.00	DRAMA : SAYEMBARA	9.30	CERMIN
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Pintu' - Ulangan	7.15	DOKUMENTARI - PRYNESA - Ulangan	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN					11.45	E.R. - 'All In The Family'
									11.30	LADY COP
								12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	



PERMAINAN terumpak yang diperbuat daripada tempurung kelapa seperti sudah hilang ditelan zaman. - Gambar oleh Abdullah HAD.



CONGKAK salah satu permainan tradisi yang masih diminati oleh generasi masa kini. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Semangat patriotisme pendorong ke arah pembangunan

Oleh Abu Bakar HAR

GADONG, 16 Mac. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani menekankan pentingnya semangat patriotisme kepada wargabangsa setiap negara untuk menjadi pendorong bagi rakyat dan penduduk sesebuah negara itu membangun dan memajukan kehidupan masing-masing.

Selain itu mereka juga secara tidak langsung akan memelihara keharmonian masyarakat dan berusaha menjaga pembangunan dan kemajuan negaranya, kata Dato Paduka.

Dato Paduka Awang Haji Dani menyatakan perkara tersebut di Majlis Sekutib Imbas Warisan Budaya yang berlangsung di Dewan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolikiah dengan membawa tema 'Permainan Tradisi Brunei Tunjang Budaya Kitani'.

Menyentuh majlis petang itu, beliau merasa yakin bahawa ianya didasari oleh keazaman dan semangat kebangsaan yang tinggi yang dapat di zahirkan oleh semua pihak yang terlibat khususnya dalam menerapkan nilai-nilai murni budaya berbangsa dan bernegara.

Oleh itu, katanya, semangat seperti itu perlulah dipupuk dan disuburkan agar menjadi ikutan pihak lain yang terlibat dalam

bidang pendidikan dan akan menjadi contoh yang bernilai tinggi yang dapat diteladani oleh pelajar khususnya.

Namun begitu beliau menekankan khusus kepada guru-guru lebih-lebih lagi kepada guru besar untuk sentiasa berusaha melaksanakan peranan sebagai contoh terbaik kepada murid-murid dalam pelbagai aspek kehidupan

dengan menjalankan usaha bersepadu dari masa ke masa agar semangat kebangsaan di kalangan anak-anak bangsa kita akan sentiasa menyala.

Majlis yang memaparkan pelbagai permainan budaya Brunei di kalangan puak di negara ini merupakan kali keempat dipentaskan dan menjadi projek tahunan Bahagian Pendidikan Rendah, Ke-

menterian Pendidikan di kendalikan oleh Jawatan kuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar di keempat daerah secara bergilir yang disempenakan dengan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan.

Antara jenis permainan tradisi yang dipersembahkan termasuklah main simban, terumpak, permainan ridi, gasing, kikir dan permainan kuit.

Sistem pengauditan berkualiti alat pembaikan berterusan

Oleh Siti Aishah HS

GADONG, 17 Mac. - Untuk mengimbangi organisasi, Sistem Pengurusan Berkualiti, pengauditan hendaklah selaras kerana pengauditan yang berkualiti dapat melihat kelemahan serta masalah yang timbul selain menjadi alat yang terbaik untuk mengimbangi sistem bagi pembaikan secara berterusan.

Ke arah itu, Pusat Pengurusan ASEAN-EC telah menganjurkan Bengkel 'Latihan Dalam Bagi Pengauditan Bermutu' yang diadakan di Dewan Sukma Indera, Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Gadong.

Pengurus Konsultan, Encik Than Tun sebagai penasihat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam diundang menjadi penceramah semasa bengkel tersebut.

Semasa bengkel berkenaan para peserta didedahkan agar menghargai, mempelajari dan mengamalkan asas berkesan cara menyunting yang bermutu bersandarkan

asas yang mengandungi garis panduan ISO 19011 dan pemeriksaan persekitaran.

Antara lain bengkel tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan penerangan mengenai Sistem Pengurusan Berkualiti, memahami asas lapan dalam pengurusan berkualiti dalam memperbaiki pelaksanaan organisasi, memahami proses pendekatan sistem pengurusan berkualiti serta kemampuan menghadapi program pengauditan.

Bengkel dua hari itu dihadiri oleh lebih 30 orang pegawai Biro Kawalan Narkotik, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Laut, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan dan juga dari sektor perbankan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

- Siapakah Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) ketika ini?
 - DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
 - YB Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain
 - DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolikiah
- Berapa tahunkah usia penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei ketika ini?
 - 82 tahun
 - 81 tahun
 - 80 tahun
- Apakah tema Sambutan Hari Kebangsaan 1985?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini. Jawapan Alai Pintar keluaran 5 Mac 2003.
 - A
 - 2
 - B
 - 3
 - 'Bisnes'

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 575

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 575,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
 PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
 JABATAN PENERANGAN

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 5 MAC 2003

TIADA RASUAH NEGARA BERMARUAH RASUAH DISEKAT NEGARA BERKAT



LAPORKAN RASUAH



BSB - *02383575/**02382395/**08721002

KB - *03331560/**03331513/**08721003

*Pertanyaan dan Sambungan **Pegawai Bertugas



Peti Surat 10 Gadong BS8670



E-MAIL - info_bmr@mail.gov.bn

WEBSITE - www.bmr.gov.bn



JABATAN PERDANA MENTERI

PENDAFTARAN UNTUK MENYEWAKAN KERETA UNTUK JABATAN PERDANA MENTERI

SUKACITA dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri akan membuat pendaftaran baru bagi semua kereta untuk disewa kepada Jabatan ini mengikut syarat-syarat berikut :

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Pemeriksaan dan perakuan akan dibuat terlebih dahulu oleh Bahagian Pool Transport, Jabatan Perdana Menteri sebelum kereta berkenaan layak untuk didaftarkan.
2. Kereta-kereta yang sudah didaftarkan juga diperiksa semula setiap kali kereta-kereta tersebut diperlukan sebelum disewa dengan mengisikan borang dan surat pengakuan penyewaan yang disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri.
3. Kereta yang disewakan hendaklah dilindungi oleh Insuran "Comprehensive Policy With Endorsement To Cover Hire And Reward : (Sewa dan Upah)" dan didaftarkan sedemikian di Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.
4. Pemilik kereta berkenaan tidak akan menuntut sebarang ganti rugi kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jika kereta tersebut terlibat dalam apa jua jenis kemalangan, kecuaian, kebakaran, kecelakaan dan seumpamanya.
5. Bayaran sewa kereta adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh Jabatan Perdana Menteri dari masa ke semasa tanpa perlu pemberitahuan awal.
6. Keutamaan akan diberikan kepada kereta yang berumur 7 tahun ke bawah bagi kereta dalam kategori kumpulan 1 dan 5 tahun ke bawah bagi kereta dalam kategori kumpulan 2.
7. Syarat-syarat ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa tanpa perlu pemberitahuan awal.

Syarikat-syarikat dan orang perseorangan yang berhajat untuk menyewakan kereta-kereta kepada Jabatan Perdana Menteri bolehlah mendapatkan keterangan lanjut dan seterusnya memperoleh borang pendaftaran di Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam. Borang permohonan hendaklah dikembalikan ke Jabatan ini tidak lewat pada hari **Selasa, 22 April 2003**.



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PEMBATALAN JAWATAN JURUKULTURA
KEBUNAN DI JABATAN PERTANIAN**

MERUJUK jawatan yang tersebut di atas yang telah diiklankan melalui PELITA BRUNEI keluaran 25 September 2002 adalah dengan ini **DIBATALKAN**.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**TAWARAN BAGI SUPPLY OF ONE (1) UNIT STATION WAGON
LONG-WHEEL BASE FOUR (4) WHEEL DRIVE - NINE (5 - 9) SEATER
(JP/10/2003)**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide). Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan TAWARAN BAGI SUPPLY OF ONE (1) UNIT STATION WAGON LONG-WHEEL BASE FOUR (4) WHEEL DRIVE FIVE - NINE (5 - 9) SEATER (JP/10/2003) di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penender dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara yang beralamat di atas tidak lewat daripada hari **Isnin, 28 April 2003** jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BS 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak B\$100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Bilangan Tawaran : KASTAM/2/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari pada hari **Isnin 28 April 2003** bagi membekalkan pakaian seragam pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam seperti mana keterangan-keterangan berikut:

[A] PEGAWAI-PEGAWAI LELAKI

- I. Pegawai-Pegawai Kanan:
96 pasang bush jaket tangan pendek dan seluar panjang.
- II. Pegawai-Pegawai Biasa:
458 pasang baju pendek tangan dan seluar panjang
- III. Kakitangan
70 pasang baju pendek tangan dan seluar panjang



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/13/2003

Tajuk Tawaran : PEMBEKALAN DAN KERJA-KERJA PEMASANGAN BAGI PENGGANTIAN ALAT HAWA DINGIN DI BANGUNAN LEMBAGA MATAWANG BRUNEI JALAN KEBANGSAAN.

Tarikh Tutup : 14 April 2003, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas II, III, VI & V (Kategori 5j).

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BPB/016/2003

Tajuk Tawaran : PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI BALAI BOMBA LAMBAK KANAN, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh Tutup : 14 April 2003, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen dan Lukisan : \$89.00 (Tidak dikembalikan)

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III, IV, V atau VI (kategori 7a & 7b) sahaja.

Tempat Tutup : Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/JAN/009/2003

Tajuk Tawaran : PEMELIHARAAN DAN MEMBERSIHKAN BANGUNAN KOMPLEKS JANAKUASA GADONG II BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

Tarikh Tutup : 7 April 2003, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan)

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kategori 4(a), 4(d) dalam kelas II, III, IV, V dan VI.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/BP/012/2003

Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF THREE PHASE KWH METER.

Tarikh Tutup : 7 April 2003, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$100.00 (Tidak dikembalikan)

Harga Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan)

Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi kategori 6(f), 6(g) dalam kelas II, III, IV, V dan VI.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian:-

Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

[B] PEGAWAI-PEGAWAI PEREMPUAN

- I. Pegawai-Pegawai Kanan (2 orang)
4 pasang bush jaket panjang tangan dan seluar panjang
- II. Pegawai-Pegawai Biasa (62 orang)
124 pasang bush jaket panjang tangan dan seluar panjang
- III. Pembersih (11 orang)
22 pasang Baju Panjang Tangan (Warna Putih)
22 pasang Seluar Panjang (Warna Navy Blue)

[C] PEGAWAI AIRPORT (LELAKI)

- I. Pegawai Kanan Lelaki (1 orang)
1 pasang Blazer
2 Pasang MIB (Warna Krim)
3 Pasang seluar panjang (Warna Navy Blue)
- II. Pegawai Biasa Lelaki (33 orang)
33 pasang Blazer
66 pasang MIB (Warna Krim)
66 pasang seluar panjang (Warna Navy Blue)

[D] PEGAWAI AIRPORT (PEREMPUAN)

- I. Pegawai Kanan Perempuan (1 orang)
1 pasang Blazer
2 pasang Blouse (Warna Krim)
2 pasang seluar panjang (Warna Navy Blue)
- II. Pegawai Biasa Perempuan (8 orang)
8 pasang Blazer
16 pasang Blouse (Warna Krim)
16 pasang seluar panjang (Warna Navy Blue)

Adalah dimaklumkan kain-kain yang diperlukan bagi pakaian seragam tersebut ialah:-

[A] KAIN UNTUK BUSH JAKET/BAJU/SELUAR

Warna : Navy Blue
Jenis Kain : Dyed 100% Polyester "Toray" Semiramis ATAU 65% Polyester 35% Viscose

2. Tawaran-tawaran ini adalah termasuk membekalkan kain dan upah menjahit sekali.
3. Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Names Act Section 16 dan 17 atau List Of Members - to accompany annual return (List of person holding shares) hendaklah disertakan.
4. Contoh-contoh kain untuk seluar dan baju hendaklah disertakan.
5. Penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Penolong Penguasa Kastam, Bahagian Logistik, Tkt.2, Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.
7. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup dan sampul surat hendaklah ditulis dengan terang: "SULIT - BILANGAN TAWARAN: KASTAM/2/2003 - TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa membubuh sebarang nama pengirim. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/4/2003

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN TAWARAN
UBD/E8/4/2003	MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, COMMISSIONING DAN MENGUJI "ALATAN SAINS UNTUK JABATAN FIZIK."	Bayaran Dokumen & Pentadbiran \$50.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 7 April 2003**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi. 1.30 petang - 2.30 petang. Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain Perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : (73) BKN/S/65/95 J.6
TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH (1) PICK UP

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekalkan sebuah (1) kereta pick up bagi kegunaan sebagai kereta penarik (towing truck).
2. Tawaran tersebut di atas hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran tersebut tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 21 April 2003.
3. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh tersebut di atas tidak akan dilayan.
4. Kerajaan bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran yang paling rendah.
5. Dokumen tawaran bolehlah didapati dari Cawangan Pentadbiran, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tungku, Gadong.
6. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
7. Tawaran hendaklah dihantar ke alamat tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran berkenaan, tanpa menunjukkan identiti pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**JUALAN LELONG KERETA-KERETA
PEJABAT PENERBANGAN KDYMM**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu bahawa jualan lelong bagi 16 buah kereta Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negara Brunei Darussalam yang tersebut di bawah akan diadakan pada 17 April 2003 jam 9.15 pagi.

- Jualan lelong ada mengandungi beberapa syarat :
1. Pembeli yang berjaya akan dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan kereta yang dibeli dengan serta merta.
 2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
 3. Kereta-kereta yang telah dibeli tetapi tidak dipindah dalam tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

BUTIR-BUTIR HARTA BENDA	TEMPAT LELENGAN	TARIKH/MASA
6 buah Nissan Sunny 1.5 EX	Tempat kawasan luar	Hari Khamis
3 buah Nissan Sunny 1.6 Supper Saloon	pagar pintu masuk	17 April 2003
7 buah Mitsubishi Magna SE	Pejabat Penerbangan	jam 9.15 pagi
2 buah Toyota Corona 1.6 GL	KDYMM	



**JABATAN PERANCANG BANDAR
DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JPB/PR/10.21 PID (RKN 822 - 019)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi " THE COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF PLANNING INFORMATION DATABASE PROJECT FOR JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Maklumat Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 di buat di : Bahagian Pembayaran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Tingkat Bawah, Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi sahaja. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada 2 April 2003.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut: "THE COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF PLANNING INFORMATION DATABASE PROJECT FOR JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA" tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah dititikan dan ditandakan seperti berikut:- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemanca, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 5 Mei dan bukannya 1 Mei 2003, hari Khamis seperti yang diiklankan terdahulu.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 191/2001

BAIDURI BANK BERHAD Pemutang Penghakiman/Pemetyisyan
LAWAN
PETER SHIM NYUK FAN (BYIC NO. 050179) Penghutang
Penghakiman/Pemetyisyan.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA
Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 4 Januari 2003.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 8 April 2003 jam 2.00 petang. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 8 April 2003 jam 2.00 petang. Bertarikh : 5 Mac 2003

LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HAJI MOHD HUSSAIN - Timbalan
Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 234/2002

JULINA BINTE MORNI (K.P. BRUNEI NO. 126930 - K) Penghutang
Penghakiman/Pemetyisyan.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA
Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 30 November 2002.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 29 April 2003 jam 9.00 pagi. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 29 April 2003 jam 9.00 pagi. Bertarikh : 11 Mac 2003

LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HAJI MOHD HUSSAIN - Timbalan
Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyuar penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai hal-hal yang juga sebab kegagalannya.



**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/3/2003

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of LAN Infrastructure Together With Related Hardware And Software For The Royal Customs and Excise Department Checkpoint of Bangar and Labu, Temburong, Negara Brunei Darussalam".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan ICT, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$50.00 dibuat di Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
3. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 9 April 2003.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:- "Supply, Delivery, Installation, Testing, And Commissioning Of LAN Infrastructure Together With Related Hardware And Software For The Royal Customs and Excise Checkpoint of Bangar and Labu, Temburong, Negara Brunei Darussalam" tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah dititikan dan ditandakan seperti berikut:- Pegawai Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Isnin, 14 April 2003.
